



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



اينستيتوت فدايما يقن كورو  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## MODUL SEMESTER 7

# BMM3113 PENYELIDIKAN TINDAKAN



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



اينستيتوت فدايما يقن كورو  
INSTITUT PENDIDIKAN GURU KAMPUS IPOH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KANDUNGAN	Muka surat
Falsafah Kebangsaan Negara	
Notis Hak Kerajaan	
Kandungan	1
Panduan Pelajar	3
Pengenalan	4
Agihan Tajuk	7
Tajuk 1: Pengenalan kepada Penyelidikan dalam Pendidikan	8
Sinopsis	8
Hasil Pembelajaran	8
Ringkasan Tajuk	8
1.1 Tujuan Penyelidikan Dalam Pendidikan	9
1.2 Ciri-ciri Penyelidikan Dalam Pendidikan	10
1.3 Pendekatan Penyelidikan Dalam Pendidikan	11
1.4 Etika Penyelidikan Dalam Pendidikan	13
Tajuk 2: Jenis-jenis Penyelidikan Dalam Pendidikan	17
Sinopsis	17
Hasil Pembelajaran	17
Ringkasan Tajuk	18
2.1 Jenis Penyelidikan	18
2.1.1 Penyelidikan Asas	19
2.1.2 Penyelidikan Gunaan	19
2.1.3 Penyelidikan Tindakan	20
2.1.4 Penyelidikan Penilaian	23
2.2 Reka Bentuk Penyelidikan	23
2.2.1 Penyelidikan Kuantitatif	24
2.2.2 Penyelidikan Kualitatif	26
Tajuk 3: Prosedur Penyelidikan dalam Pendidikan	31
Sinopsis	31
Hasil Pembelajaran	31
Ringkasan Tajuk	32
3.1 Menyatakan Masalah Kajian	33
3.1.1 Sebelum Menyatakan Masalah	33
3.1.2 Semasa Merangka Pernyataan Masalah	34
3.2 Menetapkan Objektif Kajian	35
3.3 Membentuk Soalan Kajian	35
3.4 Membentuk Hipotesis Kajian	36
3.5 Melakukan Tinjauan Literatur	37
3.6 Merancang Reka Bentuk Kajian	38
3.7 Menentukan Prosedur Persampelan	39
3.8 Membina Instrumen Kajian	40
3.9 Menyatakan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	41



	Muka surat
3.10 Menentukan Prosedur Pengumpulan Data	42
3.11 Mengumpul Data	42
3.12 Menganalisis dan menghurai Data	43
3.13 Membincang Dan Melapor Hasil Kajian	44
Tajuk 4: Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan	46
Sinopsis	46
Hasil Pembelajaran	46
Ringkasan Tajuk	47
2.1 Abstrak	47
2.2 Konteks	48
2.3 Fokus Kajian	49
2.4 Pelan Tindakan	52
2.5 Pelaksanaan Pelan Tindakan	52
2.6 Metodologi Kajian	54
2.6.1 Sampel Penyelidikan	55
2.6.2 Kaedah Pengumpulan Data	56
2.7 Analisis Dan Huraian Data	57
2.8 Refleksi Dan Implikasi	61
2.9 Tindakan Susulan	64
2.10 Sumber Rujukan	65
2.10.1 Menulis rujukan dalam teks	65
2.10.2 Menulis rujukan dalam Senarai Rujukan	66
2.10.3 Menulis rujukan untuk nama pengarang Asia	67
Tajuk 5: Cara-cara Menyebarkan Dapatan Penyelidikan Tindakan	71
Sinopsis	71
Hasil Pembelajaran	71
Ringkasan Tajuk	72
5.1 Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Penyebaran Dapatan Penyelidikan?	72
5.2 Mengapa Penting Menyebarkan Dapatan Penyelidikan?	73
5.3 Apakah Cara-cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan?	73
5.4 Apakah Kelebihan Dan Kekurangan Ssesetengah Cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan	75
5.5 Apakah Kriteria Yang Perlu Dipertimbangkan Semasa memilih Cara Penyebaran?	78
5.6 Apakah Perkara Yang Perlu Dipertimbangkan Bila Menganjurkan Sesuatu Seminar?	78
Bibliografi	80
Panel Penulis & Pemurni Modul	85
Ikon	86

## PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

**Pembelajaran arah sendiri** memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Jawapan untuk kebanyakan latihan boleh didapati daripada nota yang disediakan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan daripada nota, adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial.

Modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan lima belas jam interaksi bersemuka dalam bilik kuliah. Tiada kuliah atau tutorial diadakan untuk tajuk-tajuk dalam modul ini. Walau bagaimanapun, anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

### Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.

3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda mengetahui di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.

## PENGENALAN

Kursus BMM3113 Penyelidikan Tindakan I melibatkan teori dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiga tajuk pertama iaitu Tajuk 1, 2 dan 3 dalam profroma adalah berkaitan dengan penyelidikan dalam pendidikan secara umum manakala Tajuk 4 hingga 15 adalah khusus kepada penyelidikan tindakan. Modul ini mengandungi lima tajuk iaitu:

- |   |                           |
|---|---------------------------|
| Tajuk 1: Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan                           | (Tajuk 1 dalam profroma)  |
| Tajuk 2: Jenis Penyelidikan dan Pengenalan kepada Pelbagai Jenis Reka Bentuk Penyelidikan | (Tajuk 2 dalam profroma)  |
| Tajuk 3: Prosedur Penyelidikan Pendidikan   | (Tajuk 3 dalam profroma)  |
| Tajuk 4: Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan  | (Tajuk 14 dalam profroma) |
| Tajuk 5: Cara-cara Menyebarkan Data Penyelidikan Tindakan                                 | (Tajuk 15 dalam profroma) |

Jika diperhatikan kesemua tajuk untuk penyelidikan secara umum (Tajuk 1-3) dimodulkan. Panel penulis modul sedar bahawa adalah lebih baik sekiranya asas penyelidikan secara umum dikuliahkan dahulu; namun panel terpaksa berbuat demikian atas dua sebab. Pertama, memandangkan masa suntuk dan pensyarah anda terpaksa mengajar tajuk-tajuk penyelidikan tindakan agar anda dapat menyediakan kertas cadangan penyelidikan tindakan dalam tempoh dua bulan sebaik sahaja bermula semester 7. Kedua, kebanyakan tajuk dalam penyelidikan secara umum juga terdapat dalam penyelidikan tindakan dan akan dikuliahkan.

Modul ini disertakan aktiviti dan latihan untuk pengukuhan pembelajaran. Terdapat beberapa aktiviti dan latihan yang disediakan bagi setiap tajuk. Kesemua aktiviti dan latihan ini akan membantu anda membuat refleksi atas apa yang dibaca serta memperkukuhkan kefahaman anda tentang kandungan modul. Jawapan untuk hampir kesemua latihan dan aktiviti boleh

diperoleh daripada nota yang disediakan. Walau bagaimanapun, anda digalakkan membincang bersama rakan anda jawapan yang diperoleh anda. Anda juga digalakkan menghantar jawapan anda kepada pensyarah anda secara emel atau bersemuka.

Sebagai memantapkan lagi kefahaman setiap tajuk dalam kursus ini, anda dinasihatkan membuat banyak rujukan dan pembacaan berdasarkan senarai rujukan dan bahan bacaan tambahan yang disenaraikan bagi setiap tajuk serta rujukan-rujukan lain yang berkaitan termasuk rujukan laman web. Anda juga digalakkan menghubungi pensyarah untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan topik-topik yang dipelajari.

Dalam modul ini, tidak ada perbezaan yang dibuat antara istilah kajian dengan penyelidikan dan antara istilah pengkaji dengan penyelidik. Istilah-istilah ini digunakan secara saling berganti (*interchangeably*).



**Kod & Nama Kursus: BMM3113 Penyelidikan Tindakan I**

	<b>AGIHAN TAJUK</b>
---	---------------------

Kandungan modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan 15/30 jam interaksi bersemuka. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

<b>Bil</b>	<b>Tajuk/Topik</b>	<b>Interaksi Bersemuka (jam)</b>	<b>Modul (jam)</b>	<b>Jumlah Jam</b>
1.	Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan	-	3	3
2.	Jenis Penyelidikan; Pengenalan kepada Pelbagai Jenis Reka Bentuk Penyelidikan	-	3	3
3.	Prosedur Penyelidikan Pendidikan	-	3	3
4.	Penyelidikan Tindakan: Konsep dan Model	3	-	3
5.	Penyelidikan Tindakan: Proses	3	-	3
6.	Penyelidikan Tindakan: Rancangan dan Cadangan	3	-	3
7.	Penyelidikan Tindakan: Kaedah Pengumpulan Data	3	-	3
8.	Penyelidikan Tindakan: Kaedah Pengumpulan Data	3	-	3
9.	Penyelidikan Tindakan: Pertimbangan Semasa Mengumpul Data; Pensampelan, Kesahan, Kebolehpercayaan, Bias	3	-	3
10.	Penyelidikan Tindakan: Analisis Data Kualitatif	3	-	3
11.	Penyelidikan Tindakan: Analisis Data Kuantitatif	3	-	3
12.	Menghuraikan (Menginterpretasikan) Data Penyelidikan Tindakan	3	-	3
13.	Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan	3	-	3
14.	Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan	-	3	3
15.	Cara-cara Menyebarkan Data Dapatan Penyelidikan Tindakan	-	3	3
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>	<b>15</b>	<b>45</b>

<b>TAJUK 1</b>	<b>Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan</b>
----------------	---


**SINOPSIS**

Dalam tajuk ini, anda akan mempelajari tentang tujuan, ciri-ciri, pendekatan dan etika penyelidikan dalam pendidikan. Antara lain, anda akan didedahkan kepada sebab-sebab mengapa penyelidikan dalam pendidikan dijalankan, ciri-ciri penyelidikan dalam pendidikan, pendekatan positif dan interpretatif dan tingkah laku yang perlu diamalkan oleh seseorang penyelidik.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menerangkan empat tujuan penyelidikan dalam pendidikan;
2. menghuraikan empat ciri penyelidikan dalam pendidikan;
3. menerangkan tentang pendekatan positif dan interpretatif;
4. menyatakan dan menerangkan etika penyelidikan dalam pendidikan.

**RINGKASAN TAJUK**

## 1.1 Tujuan Penyelidikan Dalam Pendidikan

Secara umumnya, penyelidikan dijalankan dalam pendidikan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Sering kali ia melibatkan penyelesaian masalah atau penjelasan teori pendidikan. Secara khususnya, tujuan penyelidikan boleh dibahagikan kepada empat iaitu penerokaan, penghuraian, penerangan dan ramalan (University of Texas, 2011). Rajah 1.1 merumuskan tujuan penyelidikan dalam pendidikan.

**Rajah 1.1: Tujuan Penyelidikan dalam Pendidikan**



Biasanya, kajian dijalankan untuk menerokai apabila sesuatu masalah masih dalam peringkat awal atau isu yang diterokai agak baru. Ia digunakan untuk menjawab soalan seperti apa, mengapa, dan bagaimana (Babbie, 1989; "Exploratory Research", 2011). Contohnya, pada awal pelaksanaan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris), kajian mungkin dijalankan untuk menerokai apakah masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.


Satu lagi tujuan penyelidikan ialah untuk penghuraian. Kajian sedemikian biasanya dijalankan untuk menghuraikan perkara (Kotler & Armstrong, 2005) seperti sifat-sifat murid yang suka ponteng kelas, ciri-ciri guru yang baik dan sebagainya. Akan tetapi kajian sedemikian tidak menerangkan mengapa dan bagaimana. Untuk itu, seseorang penyelidik akan menjalankan kajian dengan tujuan untuk menerangkan. Contohnya, kajian boleh dijalankan untuk menerangkan mengapa tahap kelesuan guru di Lembah Kelang adalah agak

tinggi. Tujuan terakhir penyelidikan adalah untuk ramalan. Dalam hal ini, kajian dijalankan untuk menentukan kesudahan pada masa depan berdasarkan data pada masa kini. Contohnya, kajian boleh dijalankan untuk menentukan sama ada calon yang mendapat skor yang tinggi dalam Ujian MTEST (*Malaysian Teacher Selection Test*) juga akan menjadi guru yang cemerlang pada masa hadapan.

## 1.2 Ciri-Ciri Penyelidikan Dalam Pendidikan

Sesuai penyelidikan biasanya mempunyai empat ciri utama iaitu ia berbentuk empirikal, sistematik, mengikut langkah-langkah logikal dan mematuhi kaedah saintifik. Rajah 1.2 merumuskan keempat-empat ciri penyelidikan dalam pendidikan.

**Rajah 1.2: Ciri-ciri Penyelidikan dalam Penyelidikan**



Penyelidikan dikatakan berbentuk empirikal kerana data dikutip melalui pemerhatian, pengalaman atau pengujian yang sebenar. Sering kali data dikutip secara langsung daripada responden. Data boleh dikutip melalui pelbagai kaedah. Contohnya, data boleh dikutip daripada responden melalui soal selidik; atau data boleh dikutip apabila pengkaji memerhati responden dalam *setting* tertentu (misalnya, bilik darjah). Data juga boleh dikutip melalui analisis dokumen seperti buku kedatangan murid dan rekod profil murid.

Penyelidikan dikatakan sistematik kerana biasanya ia dirancang dan diurus dengan teliti serta mengikuti prosedur-prosedur tertentu. Kesemua ini adalah perlu untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan. Penyelidikan juga mengikuti langkah-langkah yang logikal. Biasanya, penyelidikan bermula dengan pengenalanpastian masalah dan ini diikuti dengan tinjauan literatur, pembentukan soalan kajian, pengumpulan data, penganalisan data dan rumusan kajian.

Seperti yang dinyatakan di atas, penyelidikan dalam pendidikan biasanya bermula dengan pengenalanpastian masalah. Ini diikuti dengan cadangan hipotesis untuk menerangkan sesuatu fenomena dan kemudian menjalankan langkah-langkah penyelidikan untuk menentukan sama ada hipotesis yang dicadangkan itu boleh diterima atau tidak. Penyelidikan juga dijalankan secara objektif iaitu semua dapatan adalah berdasarkan bukti empirikal. Disebabkan itu, penyelidikan dalam pendidikan dikatakan mengikuti kaedah saintifik. Contohnya, seseorang penyelidik mungkin bermula kajian dengan hipotesis bahawa masalah disiplin di sekolah semakin bertambah disebabkan pengaruh media massa. Kemudian beliau akan menjalankan langkah seperti mengumpul data melalui soal selidik atau memerhatikan murid di beberapa buah sekolah untuk mengumpul data bagi menentukan sama ada hipotesis beliau boleh diterima atau tidak.



Syabas! Berehatlah sebentar. Selepas itu, kita akan membincangkan tentang pendekatan dan etika penyelidikan dalam pendidikan

### **1.3 Pendekatan Penyelidikan Dalam Pendidikan**

Terdapat dua pendekatan dalam penyelidikan iaitu pendekatan positif dan interpretatif. Pendekatan positif menekankan ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan data dalam bentuk numerikal (Chua, 2006). Dalam pendekatan ini, pengkaji berpegang kepada kepercayaan bahawa ilmu adalah

objektif iaitu ilmu dan realiti tidak bergantung kepada interpretasi manusia. Oleh itu sesuatu situasi boleh digambarkan melalui nombor. Contohnya, kita boleh tentukan sebab-sebab utama mengapa murid ponteng sekolah berdasarkan kepada purata skor item-item sebuah soal selidik. Pendekatan positivis juga biasa dikenali sebagai pendekatan kuantitatif.

Pendekatan interpretatif pula menghuraikan sesuatu fenomena dengan menggunakan data deskriptif verbal iaitu dengan menggunakan perkataan berbanding nombor (Chua, 2006). Dalam pendekatan ini, pengkaji berpegang kepada kepercayaan bahawa ilmu dan realiti adalah dibina oleh manusia. Oleh itu, realiti sesuatu situasi hanya dapat digambarkan melalui interpretasi pengkaji. Contohnya, kita boleh tentukan sebab-sebab utama mengapa murid ponteng sekolah berdasarkan pemerhatian kita tentang apa yang berlaku di sekolah serta temu bual kita dengan guru, murid, ibu bapa dan mana-mana pihak yang terlibat. Kemudian kita membuat huraian dan interpretasi berdasarkan pemerhatian dan temu bual kita untuk menentukan sebab-sebab utama mengapa murid ponteng sekolah. Ini berbeza dengan pendekatan positivis yang bergantung kepada nombor semata-mata. Pendekatan interpretatif juga dikenali sebagai pendekatan kualitatif.



Berhenti dan renungkan. Apakah perbezaan antara pendekatan positivis dan interpretatif?

Jadual 1.1 merumuskan perbezaan antara pendekatan positivis dan interpretatif. Perbezaan dilihat dari segi enam aspek iaitu tujuan, pendekatan, terjemahan realiti, pembolehubah dalam kajian, cara menganalisis data dan alat-alat atau instrumen kajian.

**Jadual 1.1 : Perbezaan antara pendekatan positivis dan interpretatif**

Perbezaan	Positivis	Interpretatif
Tujuan	Menyelidik hubungan, sebab dan kesan	Memahami fenomena sosial
Pendekatan	Menguji teori – meningkatkan ramalan fenomena; deduktif	Memahami fenomena melalui makna yang diberi oleh pemerhati; induktif;
Realiti	Objektif – ditentukan oleh peraturan	Bergantung kepada terjemahan pemerhati
Pembolehubah	Biasanya ditentukan dari awal kajian	Tidak ditentukan dari awal kajian
Analisis data	Analisis statistik ke atas data numerik	Deskripsi dan interpretasi naratif (perkataan)
Alat-alat	Menggunakan alat piawai	Menggunakan interaksi bersemuka

(Sumber: Diubahsuai daripada Ansary, Mansor & Abd. Razak, 2006, ms. 5)

#### **1.4 Etika Penyelidikan Dalam Pendidikan**

Apakah yang dimaksudkan dengan etika? Etika boleh didefinisikan sebagai norma-norma perlakuan yang membezakan antara tingkah laku yang boleh dan yang tidak boleh diterima (Resnick, 2011). Kod etika penyelidikan diperlukan untuk memastikan bahawa dapatan kajian sah, boleh percaya dan diperoleh melalui cara yang wajar. Unsur-unsur dalam kod etika termasuklah nilai, kesedaran diri, profesionalisme, kebolehpercayaan dan panduan disiplin (Chua, 2006).

Berikut adalah beberapa perlakuan dalam kod etika penyelidikan yang diharapkan daripada seseorang penyelidik dalam pendidikan:

1. Jujur dalam semua hal berkaitan dengan kajian yang dijalankan; Contohnya, seseorang penyelidik tidak seharusnya mereka data atau melaporkan dapatan yang palsu.
2. Berintegritas. Contohnya, seseorang penyelidik perlu bertindak dengan ikhlas, tekal dengan pemikiran dan tindakannya dan akur dengan semua janjinya.
3. Menghormati dan merahsiakan identiti responden.
4. Adil kepada semua responden.
5. Mendapat persetujuan responden sebelum melibatkannya.
6. Membenarkan responden berhenti daripada melibatkan diri pada bila-bila masa.
7. Tidak menggunakan paksaan dalam pengumpulan data,
8. Berhati-hati dalam semua kerja berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.
9. Mempunyai sikap terbuka; contohnya sedia menerima kritikan yang berasas
10. Menghormati harta intelek dan hak cipta terpelihara semasa membuat laporan



Syabas! Kita sudah sampai ke penghujung tajuk ini. Berehatlah sebentar sebelum anda menguji kefahaman anda.





### **Mari Menguji Kefahaman Anda**

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

1. Beri satu contoh penyelidikan bagi setiap tujuan penyelidikan yang berikut:
  - (a) penerokaan
  - (b) penghuraian
  - (c) penerangan
  - (d) ramalan.
  
2. Huraikan empat ciri penyelidikan dalam pendidikan.
  
3. Jelaskan tiga perbezaan antara pendekatan penyelidikan kuantitatif dan pendekatan penyelidikan kualitatif.
  
4. Seorang penyelidik perlu memberi perhatian terhadap prinsip etika semasa mengutip data daripada peserta kajian. Terangkan lima prinsip berkaitan dengan etika penyelidikan yang harus dipertimbangkan semasa melaksanakan pengutipan data.



### **Senarai Rujukan dan Bahan Bacaan**

#### **Senarai Rujukan**

Ansary Ahmed, Mansor Fadzil, & Abd. Razak Habib. (2006). *HBEF 2503 Kaedah kajian dalam pendidikan*. Malaysia: Open University (Universiti Terbuka).

Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C. & Razavieh. (2010). *Introduction to research in education* (8<sup>th</sup> ed.). Canada: Wadsworth

Babbie, E. (1989). *The practice of social research* (5<sup>th</sup> ed.). Belmont CA: Wadsworth

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).

*Exploratory research*. (2011). Diperoleh November 23, 2011, daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory\\_research](http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory_research)

Kotler, P. & Armstrong, G. (2005). *Principles of marketing*. Addison Wesley Longman

Resnick, D. B. (2011). *What is ethics in research & why is it important?* Diperoleh November, 23, 2011 daripada <http://www.niehs.nih.gov/research/resources/bioethics/whatis/>

University of Texas. (2011). *Educational research process*. Diperoleh November 23, 2011 daripada <http://www.utexas.edu/academic/ctl/assessment/iar/research/plan/process.php>

#### Bacaan Tambahan

Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2008). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.

Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2008). *Research methods in education: An introduction*. USA: Allyn & Bacon.

**TAJUK 2****Jenis-jenis Penyelidikan Pendidikan****SINOPSIS**



Tajuk ini mengandungi dua bahagian. Dalam bahagian pertama, anda akan mempelajari tentang jenis-jenis penyelidikan dalam pendidikan. Jenis-jenis penyelidikan yang akan dibincangkan ialah penyelidikan asas, gunaan, tindakan dan penilaian. Dalam bahagian kedua, anda akan mempelajari tentang reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan yang dibahagikan kepada dua iaitu reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menyatakan empat jenis penyelidikan dalam pendidikan;
2. menerangkan empat jenis penyelidikan dalam pendidikan;
3. menyatakan empat reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan tiga reka bentuk penyelidikan kualitatif;
4. menghuraikan serta memberi contoh empat reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan tiga reka bentuk penyelidikan kualitatif.

## RINGKASAN TAJUK



### 2.1 Jenis Penyelidikan

Terdapat empat jenis penyelidikan iaitu penyelidikan asas, penyelidikan gunaan, penyelidikan tindakan dan penyelidikan penilaian. Huraian di bawah menerangkan setiap daripada penyelidikan tersebut.

### 2.1.1 Penyelidikan Asas

Penyelidikan asas merupakan suatu penyelidikan yang berasaskan kepada penyiasatan dan analisis yang berfokuskan kepada kefahaman sesuatu subjek, fenomena atau keadaan semula jadi tetapi tidak memerlukan rawatan ataupun penyelesaian. Pada amnya, penyelidikan asas adalah untuk memperluaskan pengetahuan sedia ada serta menambahkan maklumat mengenai masalah yang hendak dikaji dan ianya dijalankan sebelum menjalankan kajian selanjutnya (Rosinah, 2011).

### 2.1.2 Penyelidikan Gunaan

Penyelidikan gunaan merupakan penyelidikan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah yang lebih praktikal. Ianya bukan digunakan untuk tujuan menambah ilmu pengetahuan tetapi lebih kepada menyelesaikan situasi kemanusiaan (*human condition*). Penyelidikan gunaan dijalankan untuk menerokai dan mengenalpasti masalah bagi tujuan merancang strategi dan tindakan untuk menyelesaikan masalah berkenaan (Rosinah, 2011).

Sebagai contoh penyelidikan gunaan mengkaji cara-cara:

- memperbaiki pengeluaran tanaman
- merawat penyakit
- menambahbaik kecekapan penggunaan tenaga di rumah, pejabat atau pengangkutan.



Syabas! Berehatlah sebentar. Selepas itu, kita akan membincangkan tentang penyelidikan tindakan dan penyelidikan penilaian.

### 2.1.3 Penyelidikan Tindakan

#### Definisi

Penyelidikan tindakan telah mendapat tempat yang baik dalam bidang pendidikan terutamanya dalam konteks perkembangan profesionalisme dan pembuat keputusan berasaskan data (Othman, 2011). Ia biasanya digunakan untuk menyelesaikan masalah sosial (organisasi) atau pun fenomena dalam jangka masa yang singkat (Lewin, 1964); ini termasuklah bidang-bidang seperti bidang perubatan, keselamatan, pendidikan dan sebagainya.

Tujuan melakukan penyelidikan tindakan adalah untuk memperbaiki kualiti sesuatu amalan bagi pengamal atau pun individu yang terlibat dengan situasi sosial berkenaan bagi memperbaiki kefahamannya tentang sesuatu peristiwa, situasi dan masalah agar keberkesanan amalan dapat diperbaiki (Chua, 2006). Banyak definisi tentang penyelidikan telah dikemukakan oleh ahli-ahli penyelidikan tindakan. Antaranya:

Elliot dan Adelman (1976 , seperti dinyatakan dalam Chua, 2006) telah mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme para pendidik dengan cara menyelidik situasi sosial di organisasi pendidikan, dan tujuan penyelidikan tindakan ialah untuk memperbaiki kualiti amalan harian.

Manakala Ebutt (seperti dinyatakan dalam Chua, 2006) pula mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai suatu penyelidikan yang dibuat oleh individu atau golongan yang merupakan pengamal kepada amalan harian dalam suatu sosial atau fenomena.

Kurt Lewin (1947) mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai suatu proses lingkaran tiga-langkah iaitu (1) perancangan yang melibatkan tinjauan; (2) mengambil tindakan; dan (3) pencarian fakta tentang keputusan daripada tindakan yang dibuat (Othman, 2011).

Stephen Corey (seperti dinyatakan dalam Othman, 2011) pula mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai usaha yang dilakukan oleh pengamal untuk mengkaji masalah yang dihadapi secara saintifik supaya dapat memberi panduan, membuat pembetulan dan menilai keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Mills (2000, seperti dinyatakan dalam Othman, 2011) berpendapat bahawa kajian tindakan adalah satu inkuiri yang dijalankan secara sistematik oleh guru, guru besar atau pengetua, guru-guru pembimbing atau guru lain yang berkepentingan dalam suasana pengajaran/perkembangan pelajar bagi mengumpulkan maklumat tentang perjalanan sekolah mereka, bagaimana pengajaran dibuat dan bagaimana pelajar belajar.

Walaupun berbagai definisi telah diberikan, secara umumnya ahli-ahli penyelidikan tindakan bersetuju bahawa penyelidikan tindakan adalah satu kajian inkuiri di mana pengkaji perlu membuat perbincangan, refleksi dan membuat keputusan ke arah tindakan yang baru sama ada mengaplikasikan penemuan baru atau pun mendefinisikan semula masalah.




Berhenti dan renungkan. Berdasarkan definisi-definisi di atas, senaraikan ciri-ciri penyelidikan tindakan.


### **Model Penyelidikan Tindakan**

Terdapat beberapa model penyelidikan tindakan yang dicadangkan oleh para penyelidik yang dapat membantu guru untuk menjalankan kajian di bilik darjah. Dua model dibincangkan di bawah iaitu Model Kemmis dan McTaggart (1988) dan Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis yang dikembangkan daripada Model Kemmis dan McTaggart.

(a) Model Kemmis dan McTaggart (1988)



(b) Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis



Sumber: Maznah et al. (2006)



Berdasarkan pada kedua-dua model di atas, kajian tindakan adalah merupakan satu proses berulang iaitu kajian yang berterusan ke atas amalan sosial dan penyelidik membuat refleksi tentang tindakannya dalam kitaran pertama sebelum kitaran kedua bermula sama ada tindakannya telah mengubah keadaan semasa atau pun tidak (Chua, 2006). Proses kajian tindakan akan diulang semula jika didapati perlu berbuat demikian dengan memilih tindakan lain yang dapat membantu menyelesaikan masalah sosial berkenaan. Ini akan dilakukan dalam kitaran kajian tindakan selanjutnya.

#### **2.1.4 Penyelidikan Penilaian**

Penyelidikan penilaian merupakan suatu bentuk penyelidikan untuk mengkaji kesan atau hasil daripada sesuatu program atau pun intervensi sosial. (Rosinah, 2011). Sering kali tujuan penyelidikan penilaian adalah untuk penambahbaikan program atau intervensi.



Kaji semula kedua-dua model penyelidikan tindakan di atas dan nyatakan perbezaannya.

## **2.2 Reka Bentuk Penyelidikan**

Terdapat dua reka bentuk penyelidikan yang utama iaitu penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Contoh penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan eksperimental, kuasi-eksperimental, tinjauan dan korelasi manakala contoh penyelidikan kualitatif pula ialah penyelidikan etnografi, kajian kes dan bersejarah.

### 2.2.1 Penyelidikan Kuantitatif

Istilah kuantiti bermaksud bilangan atau banyak. Kuantiti juga merujuk kepada bilangan yang diskrit. Berdasarkan kepada istilah ini, penyelidikan kuantitatif adalah dikaitkan dengan data berangka dan ketepatan. Data yang dipungut dalam penyelidikan kuantitatif adalah dianalisis dengan ujian statistik dan masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis (Chua,2006).

Pembolehubah dalam penyelidikan kuantitatif dioperasionalkan sebelum diukur dan ianya perlu mendapat kesahan dan kebolehpercayaan terlebih dahulu. Berikut ialah huraian bagi empat reka bentuk penyelidikan kuantitatif yang di adaptasi daripada Chua (2006).

#### (a) Eksperimental

Reka bentuk kajian eksperimental merupakan reka bentuk kajian perbandingan antara kumpulan-kumpulan yang paling baik iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dalam reka bentuk ini kumpulan-kumpulan diagihkan secara rawak dan responden mempunyai ciri-ciri yang sama.

Terdapat lima reka bentuk kajian eksperimental yang sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif iaitu:

- i reka bentuk ujian pasca
- ii reka bentuk pra-pasca
- iii reka bentuk empat kumpulan Solomon
- iv reka bentuk penukar-gantian
- v reka bentuk faktorial

#### (b) Kuasi-eksperimental

Reka bentuk kuasi-eksperimental digunakan untuk menggantikan reka bentuk eksperimental apabila responden tidak dapat diagihkan secara rawak. Ia adalah suatu kajian yang digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu

program. Terdapat tiga reka bentuk kajian kuasi-eksperimental yang sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif iaitu:

- i reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan - kumpulan tidak seimbang
- ii reka bentuk regresi tidak bersambungan
- iii reka bentuk siri masa.

(c) Tinjauan

Kajian tinjauan adalah salah satu kaedah penyelidikan kuantitatif yang paling popular dalam kajian sains sosial. Kaedah ini banyak digunakan oleh berbagai pihak untuk meninjau keberkesanan sesuatu produk atau pun meninjau pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu seperti majalah, televisyen dan sebagainya.

Reka bentuk kajian tinjauan boleh digunakan dalam semua bidang termasuk pendidikan, keselamatan, sosial, psikologi, kesihatan dan sebagainya. Maklumat daripada kajian tinjauan boleh diperoleh terus daripada subjek kajian dan ianya sesuai digunakan untuk menghurai fenomena yang diminati oleh pengkaji. Reka bentuk kajian ini juga boleh meramalkan isu masyarakat semasa yang timbul.

Dalam kajian tinjauan, penyelidik biasanya akan memilih responden daripada satu populasi secara rawak. Proses dan langkah-langkah yang perlu diambil kira adalah:

- i menyatakan tujuan kajian
- ii mengenal pasti sumber yang diperlukan
- iii mengenalpasti populasi sasaran
- iv menentukan saiz sampel
- v menentukan kaedah kajian tinjauan
- vi menyediakan instrumen kajian
- vii menganalisis data kajian
- viii membuat generalisasi hasil kajian.

(d) Korelasi

Reka bentuk korelasi merupakan kajian untuk menentukan perhubungan antara variabel. Contohnya, penyelidik ingin menentukan perhubungan antara prestasi murid dan kepimpinan transformasional guru besar.

Reka bentuk korelasi terbahagi kepada dua iaitu korelasi positif dan korelasi negatif. Korelasi positif bermaksud semakin guru besar mengamalkan kepimpinan transformasional, prestasi murid semakin meningkat. Di seblainya, korelasi negatif bermaksud semakin guru besar tidak mengamalkan kepimpinan transformasional, prestasi murid semakin meningkat.



Beri contoh penyelidikan bagi setiap jenis penyelidikan kuantitatif yang dibincangkan di atas.

### 2.2.2 Penyelidikan Kualitatif

Pendekatan kualitatif adalah kaedah penyelidikan yang lebih kepada mengkaji sesuatu fenomena/situasi dalam konteks sebenar (*natural setting*) atau semula jadi. Ianya menggunakan kaedah inkuiri yang bukan bersifat statistik (Chua, 2006). Penyelidikan kualitatif dilakukan untuk mendapat kefahaman yang mendalam tentang sikap, emosi, kepercayaan, tingkah laku individu atau sekumpulan individu. Penyelidikan kualitatif telah mula mendapat tempat dalam kalangan penyelidik di Malaysia. Ianya lebih memfokuskan kepada manusia. Manusia secara individu dan kolektif membentuk, mengubahsuai, menginterpretasi dan membina makna pada alam sekeliling mereka (Lim, 2011).

Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah penyiasatan untuk menjawab persoalan kajian 'mengapa' dan 'bagaimana'. Antara reka bentuk kajian kualitatif ialah:

(a) Kajian etnografi

Reka bentuk ini merupakan kajian tentang peristiwa dan budaya sesebuah masyarakat. Reka bentuk ini merujuk kepada interaksi antara individu dalam konteks sosiobudaya, kepercayaan serta amalan mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk mempelajari dan memahami dengan mendalam sesuatu fenomena/situasi atau pun budaya sesebuah masyarakat. Pengumpulan data boleh diperoleh melalui pemerhatian, temu bual, soal selidik dan sebagainya (Akhiar & Shamsina, 2011). Contoh kajian etnografi ialah kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi cemerlang mata pelajaran Matematik bagi murid-murid Cina .

(b) Kajian kes

Reka bentuk kajian kes merupakan kajian deskriptif secara menyeluruh. Kajian ini dibuat secara terperinci dan intensif ke atas satu unit kecil sosial seperti sekumpulan murid yang ponteng kelas Matematik di sekolah. Reka bentuk kajian kes adalah juga suatu kajian yang terbatas ataupun mempunyai sempadan. Kelebihan kajian kes ialah penyelidik mampu mendapat maklumat secara mendalam, terperinci serta menyeluruh mengenai sesuatu kes (Akhiar & Shamsina, 2011)

(c) Kajian sejarah

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah kajian yang dilakukan melalui pengumpulan data secara sistematik dan penilaian data-data secara objektif terhadap peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas (Chua,2006). Tujuan menjalankan kajian sejarah adalah untuk menghuraikan peristiwa lampau supaya ramalan tentang peristiwa masa depan dapat dilakukan. Reka bentuk kajian ini tidak memanipulasikan atau mengawal variabel. Penyelidik yang

menjalankan kajian ini harus tidak membenarkan emosinya mempengaruhi dirinya supaya penyelidik dapat membuat kesimpulan yang adil dan tidak berat sebelah (Chua,2006).

Kesemua reka bentuk kajian kualitatif ini mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu:

- i penyelidikan dijalankan dalam persekitaran semula jadi
- ii berbilang realiti sosial
- iii realiti sosial tertambat kepada konteks
- iv kepentingan niat
- v mengkaji kes
- vi mementingkan “makna”
- vii tumpuan pada tindakan
- viii mengkaji secara holistik
- ix teori berpaksikan logik induktif
- x kefleksibelan reka bentuk
- xi kesukaran pereplikaan
- xii penyelidik sebagai instrumen kajian
- xiii penglibatan penyelidik secara peribadi
- xiv nilai adalah sebahagian daripada inkuiri
- xv fokus pada proses
- xvi bentuk data
- xvii pendekatan menganalisis data



Sebelum kita teruskan, mungkin anda berminat melayari internet untuk mencari artikel yang berkaitan dengan penyelidikan dalam pendidikan. Cuba layari laman ini: [http://www.unesco.org/iip/PDF/TR\\_Mods/Qu\\_Mc](http://www.unesco.org/iip/PDF/TR_Mods/Qu_Mc)

Selamat mencuba!



### **Mari Menguji Kefahaman Anda**

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

- 1 Bincangkan perbezaan antara penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif.
- 2 Huraikan jenis-jenis penyelidikan dalam pendidikan dengan memberikan contoh bagi setiap satu.
- 3 Bincangkan perbezaan antara reka bentuk eksperimental dan kuasi-eksperimental.
4. Pada pendapat anda, kenapa kajian tinjauan sangat popular dalam kajian sains sosial?
5. Cadangkan satu tajuk kajian tinjauan yang anda suka dan huraikan bagaimana kajian tersebut boleh dijalankan dari segi:
  - penentuan sampel kajian dan
  - reka bentuk kajian
6. Dengan menggunakan rajah, huraikan Model Spiral Kajian Tindakan.



### **Senarai Rujukan dan Bacaan Tambahan**

#### **Senarai Rujukan**

Akhiar Pardi dan Shamsina (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan tindakan*. Selangor:Penerbitan Multimedia sdn.Bhd.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan. Buku 1. Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill

Lim C.H.(2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hills

Maznah Abd. Samad, Boon Pong Ying, Rafidah Ruhani, Lee Hah, Chuah Kim Hwa & Noriati Ab. Rashid. (2006). *Kursus diploma perguruan Malaysia. Ilmu pendidikan modul 3/3, unit 2/2 – Refleksi pasca praktikum dan penyelidikan tindakan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia

Norsiah Fauzan (2009). *Introduction to qualitative research methods*. Selangor: Arah Publications.

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan : Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.

### **Bacaan Tambahan**

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan. Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2008). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.

Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2008). *Research methods in education: An introduction*. USA: Allyn & Bacon.



<b>TAJUK 3</b>	<b>Prosedur Penyelidikan Dalam Pendidikan</b>
----------------	---

**SINOPSIS**


Bab ini menghidangkan aspek-aspek berkenaan dengan prosedur penyelidikan dalam pendidikan dengan memberi penekanan terhadap pendekatan kuantitatif. Antara prosedur penyelidikan yang akan anda pelajari ialah cara menyatakan masalah kajian, menetapkan objektif kajian, merancang reka bentuk kajian, menentukan prosedur persampelan, membina instrumen kajian, mengumpul data dan menganalisis dan menghurai data serta membincang dan melapor hasil kajian.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menulis pernyataan masalah
2. menulis objektif
3. menulis soalan kajian
3. menulis hipotesis kajian
4. melakukan tinjauan literatur
5. merancang reka bentuk kajian
6. menentukan prosedur persampelan
7. membina instrumen kajian
8. menerangkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen
9. menentukan prosedur pengumpulan data
10. menganalisis dan menghurai data
11. membincang dan melapor hasil kajian

**RINGKASAN TAJUK**



### **3.1 Menyatakan Masalah Kajian**

#### **3.1.1 Sebelum Menyatakan Masalah**

Jika anda merupakan penyelidik permulaan besar kemungkinan anda akan berasa gelisah apabila hendak memulakan penyelidikan. Keresahan tersebut harus ditangani sebaik mungkin demi menjayakan penyelidikan tersebut. Sebelum anda memulakan penyelidikan, anda mungkin perlu mempertimbangkan perkara-perkara dibawah:

- bagaimana hendak memulakan kajian?
- apakah topik yang serasi dengan diri anda?
- apakah jenis responden kajian anda?
- berapa banyak data yang perlu anda memungut?
- apakah topik yang anda meminati?
- apakah anda mempunyai tahap pengetahuan yang memadai untuk topik yang ingin dikaji?

Selain perkara-perkara di atas, anda juga perlu melaksanakan tinjauan berkaitan dengan status dan latar belakang topik yang ingin dikaji; khususnya, anda perlu:

- membuat pembacaan berkaitan topik
- membuat percambahan idea dengan rakan berkaitan dengan topik
- mengkaji topik berdasarkan pembelajaran yang diperoleh daripada pengalaman sendiri atau daripada jurnal hasil pembacaan
- menentukan kebolehlaksanaan kajian
- memikirkan tentang nilai dapatan kajian yang dicadangkan (sama ada untuk penyelesaian masalah atau memperluaskan teori)

### 3.1.2 Semasa Merangka Pernyataan Masalah

Semasa anda merangka untuk menyatakan masalah, beberapa pertimbangan perlu dibuat, antaranya:

- apakah masalah atau isu?
- siapakah yang menyatakan itu satu isu?
- apakah data yang boleh membuktikan ia adalah suatu isu?

Setelah menjawab soalan-soalan di atas, anda perlu:

- membentuk masalah dengan tepat dan jelas
- mengambil kira apa yang hendak dikaji, bagaimana dan sejauh manakah ia perlu dikaji
- memikirkan definisi konseptual dan operasional
- menentukan cara untuk mengukur
- membuat keputusan menyatakan masalah sama ada dalam bentuk pernyataan ataupun soalan

Berikut adalah satu contoh Pernyataan Masalah:

Inquiry based learning has been advocated for many years as an effective way of engaging students in learning science and mathematics. Previous studies indicate that the most significant obstacle to introducing inquiry learning is the teacher's conceptual understanding of the content. Previous research has shown that teachers' lack of conceptual understanding results in low science or mathematics teaching self-efficacy. Low self-efficacy leads to transmissive modes of teaching. This study will explore the impact of a professional development initiative on teacher self-efficacy.



Berhenti dan bincangkan bersama rakan anda tentang pernyataan masalah di atas dan kenalpasti kenapa penulisan ini dikatakan baik.

### **3.2 Menetapkan Objektif Kajian**

Objektif kajian merupakan penyenaiaan pernyataan tujuan spesifik kajian sebelum sesuatu kajian dilaksanakan. Ia mempermudah dari segi pengutipan data dan alat yang sesuai yang patut digunakan.

#### Contoh objektif kajian:

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sejauh manakah jantina mempengaruhi tahap kelesuan guru di Malaysia.

Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi dalam penetapan objektif supaya dapatan kajian kelak dapat dibandingkan dengan objektif yang dibina:

- Berbentuk operasi, dan dapat menjelaskan tindakan secara spesifik, tempat dan tujuan
- Mengambil kira keadaan sebenarnya
- Penggunaan kata kerja yang spesifik dan boleh dibuat penilaian.

### **3.3 Membentuk Soalan Kajian**

Soalan kajian merupakan soalan yang perlu dijawab dalam penyelidikan. Soalan yang dibina perlu berdasarkan objektif penyelidikan kita. Jawapan kepada soalan akan membantu kita dalam mencapai objektif dan tujuan kajian. Soalan kajian juga dianggap sebagai titik permulaan dalam kaedah penyelidikan sains tulen maupun sains kemasyarakatan. Ia dapat membantu kita membina kerangka konseptual.

Contoh soalan kajian:

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan tahap kelesuan guru di Malaysia?

Pada umumnya, terdapat tiga jenis soalan kajian bagi penyelidikan dalam pendidikan:

(a) Persoalan deskriptif

Fokus kepada penerangan tentang keadaan yang sedia ada; contohnya, situasi sekolah yang sedia ada; sering kali ini dibandingkan dengan penanda piawai atau keadaan yang berlaku dalam institusi pendidikan yang lain.

(b) Persoalan korelasi

Fokus kepada pencarian kaitan antara pembolehubah.

(c) Persoalan penyebab sesuatu fenomena

Fokus kepada pengenalpastian faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya sesuatu fenomena.

### **3.4 Membentuk Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian merupakan andaian kita tentang sesuatu fenomena yang belum dibuktikan. Pernyataan ini menerangkan kemungkinan adanya perkaitan antara pembolehubah dengan masalah yang dikaji.

Hipotesis merupakan lanjutan daripada soalan dan objektif kajian dan boleh membantu dalam menjelaskan perkara yang akan dikaji. Dalam penyelidikan kuantitatif, ia seharusnya boleh diuji secara statistik. Biasanya dalam penyelidikan kuantitatif terdapat dua hipotesis, iaitu hipotesis nol dan hipotesis alternatif, bagi sesuatu pembolehubah.

Contoh hipotesis kajian:

Hipotesis nol: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan tahap kelesuan guru di Malaysia

Hipotesis alternatif: Terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan tahap kelesuan guru di Malaysia

Hipotesis nol dan alternatif adalah berarah; ini bererti ramalan kita tentang perbezaan atau perkaitan antara pembolehubah memihak kepada arah tertentu, contohnya, ada hubungan atau tiada hubungan.

Bagi penyelidikan kualitatif, biasanya terdapat satu hipotesis saja bagi satu pembolehubah; juga hipotesisnya dinyatakan secara umum dan tidak berarah; hipotesis penyelidikan kualitatif tidak diuji secara statistik.



Berhenti dan renungkan. Perhatikan bahawa pada umumnya, soalan kajian dibentuk berdasarkan objektif kajian dan hipotesis kajian pula dibentuk berdasarkan soalan kajian.

### **3.5 Melakukan Tinjauan Literatur**

Menurut Creswell (2008), ulasan karya atau tinjauan literatur adalah ringkasan artikel bersumberkan jurnal, buku-buku dan dokumen berkaitan yang memperihal maklumat masa lalu dan kini. Tujuan meninjau literatur ialah untuk memahami bidang kajian dengan lebih mendalam. Proses tinjauan literatur menggarap sub-proses menjelaskan konsep-konsep penting, teori berkaitan, model-model dan prinsip-prinsip yang berkaitan

dengan kajian. Menerusi tinjauan literatur, kita akan menemui dapatan terkini dan lepas, mengenalpasti persoalan-persoalan yang belum terjawab, serta alat-alat kajian, di mana semua ini akan memimpin kita untuk mereka bentuk ilmu baru.

Berikut merupakan beberapa garis panduan semasa membuat tinjauan literatur:

- kenalpasti kata kunci
- dapatkan sumber literatur yang pelbagai
- menilai pembacaan secara kritikal
- susun bahan literatur
- buat ulasan karya/tinjauan literatur


### **3.6 Merancang Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan strategi untuk menjalankan kajian dan ia merangkumi penetapan jenis penyelidikan sama ada kuantitatif, kualitatif atau gabungan antara kedua-dua jenis. Pertimbangan juga dibuat dalam pemilihan populasi, sampel, pembahagian sampel serta kaedah pengutipan data berdasarkan jenis data bersesuaian dengan kajian. Reka bentuk kajian menimbang faktor seperti pemilihan statistik yang sesuai untuk menjawab soalan kajian, serta kaedah menganalisis data.

Rajah 1 menunjukkan bahawa terdapat 3 reka bentuk kajian utama iaitu reka bentuk kajian kuantitatif, reka bentuk kajian kualitatif dan gabungan antara kedua-dua jenis.



Rajah 1: Reka Bentuk Kajian



Sumber: Saat Md Yasin (2006)

### 3.7 Menentukan Prosedur Persampelan

Prosedur persampelan sangat penting dalam rancangan untuk menentukan bagaimana sampel dipilih. Dalam penyelidikan kuantitatif, prosedur pemilihan sampel adalah lebih ketat berbanding dengan penyelidikan kualitatif. Ini kerana dalam penyelidikan kuantitatif, keputusan kajian perlu digeneralisasi kepada populasi. Disebabkan itu, pemilihan sampel perlu tepat agar kita dapat membuat inferens mengenai populasi. Dalam penyelidikan kuantitatif, terdapat beberapa jenis sampel yang boleh dipilih. Berikut merupakan jenis-jenis sampel tersebut:

(a) Sampel rawak mudah

Ini merupakan cara termudah dan terbaik untuk memperoleh sampel daripada populasi. Setiap ahli dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel.

(b) Sampel berstrata

Teknik ini membahagikan sampel mengikut kumpulan terlebih dahulu sebelum pemilihan sampel dibuat. Contoh kumpulan ialah tahap

kecerdasan murid. Kaedah ini digunakan bagi memastikan sampel yang dipilih diwakili secukupnya oleh setiap golongan dalam populasi; contohnya, sampel mungkin mengandungi 20% murid lemah, 60% murid sederhana dan 20% murid cerdas; pemilihan murid lemah dibuat secara rawak hanya antara murid lemah sahaja; begitu juga dengan pemilihan murid sederhana dan cerdas.

(c) Sampel sistematik

Persampelan ini memerlukan senarai kesemua calon yang berkemungkinan untuk dipilih. Pemilihan calon adalah dibuat dengan memilih setiap  $k$  sampel dari senarai tersebut (dimana  $k$  adalah: bilangan calon dalam populasi  $\div$  bilangan sampel yang diperlukan).

(d) Sampel kelompok

Kaedah ini hampir serupa dengan pensampelan berstrata. Ia dapat menjimatkan wang dan masa bagi kawasan kajian yang kedudukan geografinya jauh antara satu sama lain.

Dalam menentukan saiz sampel, harus diingat bahawa saiz sampel yang kecil tidak dapat memberi maklumat yang tepat berkenaan populasi; semakin besar saiz sampel semakin tepat data yang diperoleh dengan syarat tiada bias dalam pemilihan sampel; akan tetapi semakin besar saiz sampel semakin tinggi kos yang diperlukan.

### 3.8 Membina Instrumen Kajian

Anda mempunyai dua pilihan dalam menentukan kaedah mengumpul data. Satu opsyen adalah dengan mereka bentuk alat mengumpul data yang tersendiri dan yang satu lagi ialah dengan memilih instrumen yang piawai

seperti *Maslach Burnout Inventory*. Sekiranya anda tersilap memilih instrumen, ada kemungkinan terdapat ralat pada kajian anda.

Jika anda membuat keputusan untuk membina instrumen, anda harus akur kepada perkara yang disenarai di bawah. Langkah ini bertujuan supaya maklumat yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai. Berikut disenaraikan beberapa garis panduan asas dalam membina instrumen kajian:

- kenal pasti dan tentukan item-item untuk dimasukkan ke dalam instrumen
- jalankan ujian rintis bagi mendapatkan maklum balas terhadap instrumen
- taksirkan kesahan instrumen
- tentukan kebolehpercayaan instrumen (bagi penyelidikan kuantitatif)

### **3.9 Menyatakan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Mengikut Lim (2007) kesahan bermaksud sejauh manakah sesuatu instrumen berjaya mengukur perkara yang diingin diukurnya; konsep kesahan berkait dengan interpretasi data, pengkonsepsian fenomena yang dikaji dan metodologi kajian. Menurut Linn dan Gronlund (2000, seperti dinyatakan dalam Lim, 2007) ciri-ciri kesahan termasuk yang berikut

- merujuk kepada kemunasabahan interpretasi yang dibuat pada data wujud dalam bentuk darjah (tinggi, baik dsb)
- spesifik pada interpretasi dan kegunaan tertentu
- membabitkan penilaian secara menyeluruh berkenaan sejauh manakah bukti yang dikemukakan dalam dapatan kajian menyokong kesesuaian interpretasi atau inferens yang dibuat oleh penyelidik


Mengikut Lim (2007) kebolehpercayaan boleh didefinisikan sebagai darjah ketekalan (konsistensi) sesuatu instrumen kajian mengukur sesuatu pembolehubah kajian. Lebih konsisten pengukuran maka lebih tinggi kebolehpercayaan instrumen. Instrumen dikatakan mempunyai kebolehpercayaan 100% sekiranya setiap kali instrumen ditadbir, keputusan yang identikal diperoleh.

### **3.10 Menentukan Prosedur Pengumpulan Data**

Pentingnya pengetahuan tentang prosedur pengutipan data adalah dari sudut memenuhi matlamat penganalisan data serta dalam menyelesaikan hipotesis yang telah dibentuk. Pada umumnya terdapat dua sumber utama data iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Data sekunder diperoleh dari sumber sedia ada manakala data primer diperoleh dari sumber asal berkaitan pembolehubah yang dikenalpasti dalam kajian. Contohnya, dalam kajian menentukan tahap kelesuan guru-guru di Malaysia, kita boleh melihat laporan-laporan yang berkaitan atau kita boleh menemu bual beberapa orang guru. Laporan-laporan tersebut merupakan sumber sekunder manakala guru-guru merupakan sumber primer.

### **3.11 Mengumpul Data**

Terdapat pelbagai alat kajian untuk mengutip data. Antaranya termasuk; ujian pencapaian, skor peperiksaan, soal selidik, inventori, senarai semak dan skedul cerapan. Soal selidik merupakan instrumen pengumpulan data yang lazim digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Ia digunakan untuk memungut data berkenaan fenomena yang tidak boleh diperhatikan secara terus oleh penyelidik seperti sikap, kepercayaan, pandangan, pengalaman, dan nilai. Soal selidik mengandaikan bahawa responden memahami item, responden mempunyai maklumat dan responden rela menjawab item dengan jujur.

	Sebelum kita teruskan, mungkin anda berminat melayari internet untuk mencari alat pengumpulan data selain dari soal selidik dan bincangkan kelebihan dan kekurangan setiap satu.
---	--

### 3.12 Menganalisis Dan Menghurai Data

Analisis data bergantung kepada jenis data yang diperoleh. Data kuantitatif terdiri dari angka dan berkehendakkan analisis statistik. Pengujian statistik diperlukan jika analisis inferensi dibuat. Jenis statistik yang dipakai perlu akur dengan soalan kajian dan hipotesis.

Berikut adalah langkah-langkah analisis inferensi:

- pembentukan hipotesis
- memilih satu ujian statistik
- memilih tahap signifikan
- analisis data dengan pakej program komputer
- interpretasi *output* yang dihasilkan
- membuat keputusan

Bagi analisis kualitatif biasanya ia melibatkan analisis kandungan untuk mencari tema, pengkategorian data, pengekodan data, analisis grid dan pengenalpastian tema/corak dan makna. Kesemua ini akan diterangkan dalam kuliah berkaitan kajian tindakan.

### 3.13 Membincang Dan Melapor Hasil Kajian

Sekiranya seseorang itu ingin menulis dengan gaya yang jelas, lebih baik ia mempunyai pemikiran yang jelas juga; dan sekiranya seseorang itu ingin menulis dengan gaya yang terpuji, biarlah dirinya sendiri mempunyai pemikiran yang terpuji. (Johann Wolfgang von Goethe)

Dalam membincangkan hasil kajian, kita wajib menyemak keputusan secara kritikal. Menurut Akhbar dan Shamsina (2011) kita juga harus menanya beberapa soalan kepada diri kita sendiri iaitu:

- Adakah kriteria yang telah dipilih menunjukkan kualiti isi kandungan yang sah? Adakah kita telah meninggalkan mana-mana kriteria penting atau telah memasukkan kriteria yang tidak berkenaan?
- Sekiranya kita menjalankan rawatan (*treatment*) dan membuat perbandingan antara kumpulan atau masa, maka soalan berikut perlu ditanyakan:
  - Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan, berkaitan isi kandungan sebelum dan selepas rawatan?
  - Selain tindakan rawatan adakah syarat serupa bagi setiap kumpulan (contohnya, arahan, tahap keupayaan)?
  - Adakah perkara lain telah berlaku selain rawatan yang dirancang, yang boleh mempengaruhi dapatan kajian?
  - Adakah terdapat perbezaan motivasi antara kumpulan sebelum atau semasa kajian dijalankan?

Di Institut Pendidikan Guru (IPG), penulisan laporan penyelidikan akur dengan format/gaya mengikut American Psychological Association (APA). Beberapa garis panduan format tersebut boleh dilihat dalam tajuk 5 nanti.



## Senarai Rujukan dan Bacaan Tambahan

Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2011). *Penghantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Creswell, J.W. (2002). *Educational research – Planning, conducting, and evaluating. Quantitative and qualitative research*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.

Jackson, W. (2002). *Methods: Doing social research* (ed. ke-3). Toronto: Prentice Hall

Lim Chong Hin (2007). *Penyelidikan pendidikan : Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Linn, R. I. & Gronlund, N. E. (2000). *Measurement and assessment in teaching* (ed. ke-8). New Jersey: Prentice-Hall

Saat Md Yasin. (2006). *Kaedah kajian dalam kaedah kajian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia

<b>TAJUK 4</b>	<b>Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan</b>
----------------	--

## **SINOPSIS**

Dalam tajuk ini, anda akan mempelajari cara menulis artikel penyelidikan tindakan. Pada umumnya, cara menulis artikel penyelidikan tindakan mempunyai banyak kesamaan dengan cara menulis laporan penyelidikan tindakan. Beza utamanya hanya dari segi bilangan perkataan. Biasanya dalam artikel, kesemua bahagian adalah lebih ringkas.


## **HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menyatakan bahagian-bahagian dalam satu artikel penyelidikan tindakan;
2. menerangkan isi kandungan serta tujuan untuk setiap bahagian dalam artikel;
3. menulis satu contoh untuk setiap bahagian dalam artikel penyelidikan tindakan.



## RINGKASAN TAJUK



Bahagian-bahagian dalam artikel penyelidikan tindakan termasuk abstrak, konteks, fokus kajian, pelan tindakan, pelaksanaan pelan tindakan, metodologi kajian (sampel dan kaedah pengumpulan data), analisis dan huraian data, refleksi dan implikasi, tindakan susulan dan sumber rujukan.

### 2.1 Abstrak

Abstrak memberi ringkasan terperinci untuk membantu pembaca membuat rumusan terhadap kandungan kajian (Chow & Jaizah, 2011). Abstrak yang ditulis seharusnya tidak mengubah maksud, keputusan dan maklumat dalam kajian (Shaifol & Hasnul, 2008). Biasanya, abstrak tidak melebihi 250 patah perkataan dan perlu melaporkan tentang tujuan kajian, sampel, cara pengumpulan data termasuk instrumen kajian dan keputusan kajian. Abstrak yang baik perlu tepat, lengkap, ringkas dan spesifik serta tidak membuat penilaian tetapi setakat melaporkan (Chow & Jaizah, 2011).

**Contoh Huraian Abstrak :**

Kajian tindakan ini bertujuan untuk menentukan sejauh manakah kaedah melukis dapat meningkatkan tumpuan dan fokus murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Responden kajian terdiri daripada 13 orang murid lelaki dan 6 orang murid perempuan dari sebuah kelas tahun 4 di sebuah sekolah di Petaling Jaya, Selangor. Instrumen kajian terdiri daripada borang pemerhatian, soal selidik dan catatan jurnal. Dua sesi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan; satu dengan menggunakan kaedah tradisional dan satu lagi dengan menggunakan kaedah melukis. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aktiviti melukis semasa pelajaran Kajian Tempatan dapat membantu murid supaya memberi lebih tumpuan dan fokus semasa pelajaran.

Sumber: Muhammad Nurkhifzan (2011)

**2.2 Konteks**

Bahagian ini biasanya menerangkan konteks untuk isu kajian. Konteks di sini bermaksud situasi di mana isu wujud. Dalam bahagian ini, seharusnya tidak dihuraikan fokus kajian; hanya diperihal akan latar belakang, tempat kajian dan perkara-perkara lain yang dapat memberi gambaran kepada pembaca tentang situasi kajian. Contohnya, kalau fokus kajian anda berkaitan dengan kebolehan murid menggunakan imbuhan 'ter', maka anda boleh menerangkan umur murid yang terlibat, situasi kelas yang terlibat, ciri-ciri sampel, jenis-jenis perkataan yang sering menimbulkan masalah, bila kesilapan imbuhan biasa dilakukan dan sebagainya. Anda juga boleh memasukkan literatur berkaitan dengan fokus kajian. Tidak ada bahagian yang tertentu dalam artikel bagi konteks kajian; sebaliknya, biasanya, konteks kajian merupakan sebahagian daripada pengenalan artikel, fokus kajian dan metodologi kajian.

### 2.3 Fokus Kajian

Dalam bahagian ini, anda seharusnya mengenal pasti dan menghuraikan isu kajian anda. Isu kajian sepatutnya berkait dengan pengalaman anda sebagai seorang guru. Isu kajian juga perlu relevan kepada keperluan murid. Dalam bahagian ini anda boleh memberi justifikasi pemilihan isu kajian. Anda juga boleh memberi sebab-sebab yang mungkin mengapa isu kajian timbul serta cadangan-cadangan tindakan penyelesaian. Justifikasi pemilihan isu kajian boleh berdasarkan kriteria berikut:

- kebolehtadbiran
- kepentingan
- kerelevanan kepada sekolah

#### Contoh Huraian Fokus Kajian:

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan di setiap sekolah. Proses ini menjadi medium kepada aliran penyampaian ilmu yang disampaikan oleh guru dan diterima oleh murid. Menurut Bigge (1982), pembelajaran didefinisikan sebagai perubahan dan penyusunan tingkah laku yang sistematik hasil daripada pengalaman dalam situasi yang telah dihadapi. Seifert (1983, seperti dinyatakan dalam Sun, 2007) menyatakan bahawa pembelajaran merangkumi perubahan tingkah laku akibat daripada pengalaman atau ulangan pengalaman yang dihadapi sebelum ini. Melalui definisi ini, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran mampu mempengaruhi karektor terutamanya bagi golongan kanak-kanak kerana pada peringkat ini, corak pemikiran atau perlakuan mereka adalah dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang terdapat di sekeliling mereka.

Pendidikan masa kini mengalami perubahan paradigma daripada pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru kepada yang berpusatkan murid (Percival & Ellington, 1984; Ellington, 1995). Guru bukan lagi bertindak sebagai penyampai maklumat tetapi bertanggungjawab sebagai perangsang minda murid agar lebih menggunakan akal mereka untuk berfikir mengenai sesuatu yang diajar. Pendidikan tradisional yang diamalkan sejak sebelum kemerdekaan sudah tidak relevan lagi malah sudah dianggap ketinggalan zaman. Murid zaman sekarang terutamanya yang berada di bandar sukakan cabaran dan jika sesuatu yang mereka pelajari itu adalah pelajaran yang mudah, mereka akan cepat bosan dan daya tumpuan mereka juga akan mudah terganggu. Kemungkinan mereka tidak memahami topik yang diajar juga boleh berlaku kerana sesi pengajaran tradisional selalunya

menyebabkan murid bosan dan mengantuk dan akhirnya murid memilih untuk tidak mempedulikan guru yang sedang mengajar di hadapan sebaliknya melakukan kerja lain seperti bermain dan berborak sesama mereka.

Masalah ini telah saya hadapi pada sesi pengajaran yang lepas iaitu murid tidak memahami topik yang diajar. Saya dapat mengesan masalah ini kerana semasa saya mengajukan soalan, murid tidak dapat menjawabnya dengan tepat. Terdapat juga murid yang langsung tidak memberikan sebarang jawapan dan hanya berdiam diri sahaja apabila disoal. Bagi melihat tahap pemahaman murid di kelas itu, saya telah memberikan lembaran kerja yang mengandungi lebih banyak soalan mengenai topik yang diajar. Melalui semakan saya, majoriti murid tidak dapat menjawab soalan-soalan tersebut. Ternyata keputusan ini turut menunjukkan keadaan yang sama iaitu mereka tidak faham dengan apa yang diajar oleh saya. Selain itu, jumlah markah yang rendah dalam ujian bulanan juga menyokong lagi wujudnya permasalahan ini. Melalui pemeriksaan saya terhadap skrip jawapan murid, mereka memberikan jawapan yang tidak bertepatan dengan kehendak soalan. Terdapat juga murid yang tidak menjawab langsung soalan-soalan tersebut.

Bukti-bukti di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam corak pengajaran saya. Saya telah mengkajinya semula dan menemui beberapa punca yang menyebabkan murid tidak faham. Antara punca yang utama adalah teknik penyampaian saya yang kurang berkesan dan tidak jelas. Masalah ini berkait rapat dengan kemahiran komunikasi saya memandangkan saya masih kurang pengalaman dalam bidang perguruan. Kadang kala terdapat beberapa fakta yang saya tidak terangkan kerana terlepas pandang. Antara punca yang lain adalah corak pengajaran saya yang berkonsepkan satu hala sahaja. Corak sebegini telah menyebabkan murid cepat mengantuk dan kelas berada dalam keadaan pasif.

Pengajaran secara satu hala yang berpusatkan guru sahaja dilihat kurang berkesan kerana kebanyakan murid cepat mengantuk dan kurang faham dengan apa yang diajar. Tidak hairanlah apabila saya melakukan aktiviti soal jawab semasa sesi penutup, majoriti daripada murid yang ditanyakan gagal memberikan jawapan yang tepat. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa terdapat masalah dengan corak pengajaran saya. Murid ternyata tidak faham dan kadang kala mereka gagal untuk mengingat fakta-fakta yang baru sahaja diajarkan. (Catatan Jurnal, 26 Julai 2011)

Melalui perbincangan dan renungan di atas, saya telah memikirkan beberapa langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah saya. Langkah pertama yang ingin saya mengambil adalah menukarkan corak pengajaran menjadi dua hala. Contohnya, saya akan lebih banyak bertanya kepada murid soalan-soalan yang berkaitan dengan topik yang diajar berbanding hanya memberikan penerangan sahaja. Pendekatan ini dapat menggalakkan murid agar menggunakan akal mereka untuk berfikir sekaligus mengelakkan mereka daripada mengantuk.

Langkah yang kedua adalah dengan melaksanakan pembelajaran koperatif yang boleh diterapkan melalui aktiviti berkumpulan. Menurut Slavin (1990), pembelajaran koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai sesuatu matlamat yang sama. Setiap murid mempunyai kebolehan dan pengetahuan yang berbeza-beza. Perkongsian ilmu semasa aktiviti perbincangan dapat melahirkan idea yang lebih baik jika dibandingkan dengan aktiviti secara individu. Contohnya, murid diberikan tugas menyatakan langkah-langkah mengatasi pencemaran. Jika dalam satu kumpulan terdapat 5 orang ahli dan setiap daripada mereka memberikan dua langkah, maka jumlah langkah mengatasi yang diperolehi adalah 10. Berlainan pula jika tugas ini dilaksanakan secara individu, tentu sukar untuk seseorang murid memerah minda bagi memikirkan 10 langkah. Selain itu, aktiviti sebegini lebih menyeronokkan berbanding dengan aktiviti individu kerana murid dapat berinteraksi sesama mereka semasa sesi perbincangan sedang dijalankan. Interaksi sebegini dapat mengeratkan hubungan sesama mereka melalui unsur-unsur kecindan yang terkeluar secara tidak sengaja.

Langkah yang terakhir adalah dengan menerapkan elemen permainan dalam pembelajaran. Menurut Rohani (2004), aktiviti bermain membenarkan murid memenuhi keperluan perasaan ingin tahu, di samping meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran mereka. Kanak-kanak sememangnya mempunyai rasa ingin tahu yang amat kuat sehingga mereka tidak mpedulikan adakah apa yang mereka lakukan untuk mengetahui tentang sesuatu perkara itu betul atau tidak. Melalui teori ini jugalah saya telah membuat keputusan untuk mengkaji sejauh manakah konsep permainan dalam pembelajaran mampu membuat perubahan kepada daya kefahaman murid saya.

Sumber: Abdul Rahman (2011)



Syabas! Berehatlah sebentar. Selepas itu, kita akan membincangkan tentang pelan tindakan dan pelaksanaannya.

## 2.4 Pelan Tindakan

Bahagian ini sering kali tidak dimuatkan dalam artikel penyelidikan tindakan kerana digabungkan dengan bahagian Pelaksanaan Pelan Tindakan. Kandungan utamanya memperincikan langkah dan/atau aktiviti tindakan dengan jelas. Rasional untuk setiap tindakan juga diberikan. Ada juga penulis/pengkaji yang merumuskan pelan tindakan dalam bentuk jadual beserta tarikh-tarikh untuk setiap tindakan.

## 2.5 Pelaksanaan Pelan Tindakan

Dalam bahagian ini, anda akan menghuraikan tindakan yang dijalankan secara terperinci. Anda akan menceritakan apa yang berlaku semasa pelaksanaan serta memasukkan refleksi sendiri tentang apa yang berlaku. Anda juga boleh mengaitkan apa yang berlaku kepada teori untuk menerangkan sesuatu situasi. Kesemua ini perlu supaya pengkaji lain boleh memahami apa yang dilalui oleh anda dan supaya anda akan lebih faham tentang keberkesanan tindakan yang dijalankan.

### Contoh Huraian Pelaksanaan Pelan Tindakan:

Kajian yang saya jalankan ini memakan masa selama dua minggu bermula pada 30 Julai 2011 hingga 8 Ogos 2011. Bagi menjalankan kajian ini, saya memerlukan dua sesi pengajaran. Kedua-dua sesi pengajaran ini pula masih lagi berada di bawah tajuk yang sama iaitu Implikasi Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar, tetapi subtajuknya adalah berlainan. Namun, tahap kesukaran kedua-dua tajuk adalah lebih kurang sama.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang pertama, saya telah mengajar tentang “Perubahan Landskap Akibat Kegiatan Ekonomi”. Strategi pengajaran yang telah saya gunakan dalam sesi pertama ini adalah berpusatkan murid. Saya telah menggunakan teknik sumbangsaran di mana murid perlu menyatakan pendapat mereka tentang isi pelajaran di papan putih. Murid hendaklah menjawab berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada buku teks. Antara jawapan yang perlu dinyatakan murid ialah bagaimana kegiatan perindustrian, perlombongan, pembalakan, pembinaan dan pertanian membawa perubahan kepada alam sekitar.

Aktiviti seterusnya yang telah dilakukan oleh murid ialah melakukan perbincangan di dalam kumpulan. Murid telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diberikan satu petikan karangan tentang implikasi kegiatan ekonomi. Melalui petikan tersebut, setiap kumpulan dikehendaki berbincang dan mengenalpasti perubahan landskap yang telah berlaku akibat daripada kegiatan ekonomi. Hasil perbincangan murid pula hendaklah dibentangkan di hadapan kelas. Pada masa yang sama, semasa murid melakukan pembentangan bersama kumpulan mereka, saya telah melakukan penilaian secara pemerhatian. Penilaian secara pemerhatian ini saya lakukan dengan mengambil kira sejauh manakah murid dapat menggunakan kemahiran menghubungkan isi pelajaran dengan baik. Melalui penilaian yang saya jalankan ini, saya mendapati bahawa ramai dalam kalangan murid tidak dapat menggunakan kemahiran menghubungkan dengan baik.

Semasa aktiviti pembentangan, kebanyakan murid tidak menggunakan kemahiran menghubungkan. Isi pembentangan murid agak menghampakan kerana murid hanya melakukan perbincangan berdasarkan pengetahuan dan kefahaman mereka sahaja. Murid tidak menganalisis maklumat yang mereka peroleh hasil daripada perbincangan mereka. Hasilnya, saya tidak nampak murid melakukan perkaitan setiap fakta yang mereka jelaskan. Jawapan yang murid berikan terhadap soalan yang saya ajukan kepada murid juga tidak menepati apa yang saya kehendaki.

(Catatan Jurnal 3, 1 Ogos 2011)

Pada sepuluh minit terakhir sesi pengajaran dan pembelajaran, saya telah mengedarkan kertas Ujian 1 kepada semua murid seperti yang telah saya rancang. Murid diminta menjawab kesemua soalan dalam kertas ujian tersebut dalam masa sepuluh minit yang diberikan tadi.

Bagi sesi pengajaran dan pembelajaran yang kedua pula, saya telah mengajar subtajuk yang seterusnya iaitu "Pencemaran". Pada sesi kali ini, teknik yang saya gunakan ialah tayangan video. Murid telah dipertontonkan dengan tayangan video tentang jenis-jenis pencemaran yang terhasil kesan daripada kegiatan ekonomi yang dijalankan. Video tersebut juga jelas menunjukkan perkaitan antara kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam negara dengan pencemaran yang telah terhasil. Antara pencemaran yang telah murid tonton ialah pencemaran udara, air, darat dan bunyi.

Selepas menonton tayangan video tersebut, murid telah dibahagikan ke dalam beberapa kumpulan. Isu yang perlu dibincangkan dalam setiap kumpulan ialah perkaitan antara pencemaran yang wujud dalam negara kita dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan. Masa selama beberapa minit akan diberikan untuk setiap kumpulan membuat perbincangan. Selesai membuat perbincangan, setiap kumpulan tampil ke hadapan dan membentangkan hasil perbincangan mereka. Semasa pembentangan dilakukan, saya telah melakukan penilaian secara pemerhatian. Borang pemerhatian yang saya gunakan adalah sama dengan borang pemerhatian

yang saya telah lakukan sebelum ini.

Aktiviti pembentangan kumpulan pada hari ini sangat menarik perhatian saya. Murid seolah-olah telah menguasai kemahiran menghubungkan dengan baik. Kebanyakan kumpulan melakukan pembentangan dengan baik di mana mereka berjaya menghubungkan satu fakta dengan fakta yang lain. Isi pembentang yang tersusun juga amat menarik perhatian saya. Beberapa soalan yang saya ajukan berjaya dijawab oleh murid dengan tepat. Saya merasakan bahawa penggunaan tayangan video ini berjaya membantu murid menguasai kemahiran hubungkait.

(Catatan Jurnal 4, 8 Ogos 2011)

Seterusnya, pada sepuluh minit terakhir sesi pengajaran dan pembelajaran, Ujian 2 pula telah diedarkan kepada murid. Murid dikehendaki menjawab soalan ujian berdasarkan masa yang telah ditetapkan. Akhir sekali, saya telah memilih beberapa orang murid untuk melakukan sesi temubual tentang teknik yang baru saya gunakan tadi. Untuk sesi temubual ini, saya telah mengambil masa selama lima belas minit untuk bertanya pendapat murid berkenaan teknik tayangan video yang telah digunakan.

Saya sangat berpuas hati dengan sesi pengajaran dan pembelajaran pada hari ini. Maklum balas yang baik telah diberikan oleh murid. Berdasarkan temubual yang saya jalankan, murid gembira dengan pengajaran yang saya lakukan kerana mereka dapat menguasai topik tersebut dengan lebih mudah. Mereka mudah mengaitkan kegiatan ekonomi dengan pencemaran yang berlaku.

(Catatan Jurnal 6, 8 Ogos 2011)

Sumber: Muhammad Uzair (2011)



Berhenti dan renungkan. Apakah perkara-perkara yang perlu ada dalam huraian pelaksanaan pelan tindakan?

## 2.6 Metodologi Kajian (Sampel dan Kaedah Pengumpulan Data)

Metodologi kajian biasanya termasuk huraian tentang sampel kajian dan kaedah pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data pula membincangkan tentang cara pengumpulan data dan instrumen kajian.



### 2.6.1 Sampel Penyelidikan

Bagi sampel, anda boleh menerangkan tentang ciri-ciri responden kajian contohnya, tahap kebolehan murid, jantina dan tingkah laku. Anda juga boleh memasukkan anekdot untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang responden kajian dan konteks kajian

#### Contoh Huraian Sampel:

Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur dan melibatkan murid daripada sebuah kelas tahun 4. Kelas tersebut mempunyai 28 orang murid iaitu 15 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan dan dikategorikan sebagai kelas pertama daripada 4 buah kelas yang ada di sekolah itu. Kebanyakan murid dalam kelas tersebut berlatar belakang keluarga sederhana. Hampir kesemua ibu bapa dan penjaga mereka bekerja di sekitar ibu kota. Mereka akan datang ke sekolah pada awal pagi bersama ibu bapa masing-masing dan akan pulang ke rumah setelah ibu bapa tamat bekerja iaitu pada sebelah petang.

Kebanyakan murid dalam kelas yang terlibat tidak mempunyai masalah disiplin yang serius seperti ponteng kelas dan vandalisme. Menurut guru disiplin sekolah tersebut, murid dari kelas yang terlibat mempunyai rekod yang bersih dalam hal disiplin sekolah. Semua murid yang terdapat dalam kelas tersebut sudah boleh menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Walau bagaimanapun, mereka masih mempunyai masalah dari segi memberi tumpuan semasa guru mengajar. Melalui pemerhatian yang telah saya lakukan, terdapat beberapa orang murid suka bercakap sesama mereka di belakang kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan.

Saya dapati beberapa orang murid yang duduk di belakang tidak memberi tumpuan dan bercakap-cakap sesama sendiri semasa saya sedang mengajar di hadapan kelas. Bagi menyelesaikan masalah ini, saya telah menghentikan pengajaran dan meminta semua murid yang bercakap supaya tukar tempat duduk mereka ke hadapan kelas.

(Catatan Jurnal No. 1, 3 Mac 2011)

Walaupun murid dalam kelas tersebut agak cerdas, mereka masih lemah dalam menghuraikan jawapan dengan lebih mendalam. Pada hemat saya, masalah ini perlu diselesaikan, kerana jika tidak, mereka akan terus mendapat markah yang tidak sepadan dengan kebolehan mereka. Lebih penting lagi, mereka akan gagal mencapai aras tinggi. Mereka juga akan

kurang berfikiran kritis dan kreatif bukan sahaja dalam mata pelajaran di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka kelak. Jika itu berlaku, saya menganggap diri saya gagal sebagai seorang pendidik.

Sumber: Mohd Fazril (2011)

### 2.6.2 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi kaedah pengumpulan data, anda akan menghuraikan tentang instrumen yang digunakan, bagaimana instrumen dibina dan rasional penggunaan instrumen yang dipilih. Anda juga akan menghuraikan bagaimana data dikutip dengan instrumen yang dipilih. Dalam bahagian ini, seperti dalam bahagian lain, anda juga akan memasukkan refleksi sendiri. Antara perkara yang boleh disebut adalah apa yang berlaku semasa pembinaan instrumen dan semasa pengumpulan data.

#### Contoh Huraian Kaedah Pengumpulan Data:

Dalam mengumpul data, saya telah menggunakan triangulasi data. Tiga instrumen telah digunakan iaitu borang pemerhatian, soal selidik dan skedul temu bual. Pemerhatian dilakukan bertujuan untuk memerhatikan tingkah laku murid semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling anjal kerana seseorang boleh menjalankan kajian tanpa sebarang soalan dan 'kayu pengukur'. Kaedah pemerhatian juga boleh digunakan dalam kajian untuk tujuan pengumpulan data sebagaimana yang dinyatakan oleh Merriam (2002), pemerhatian adalah cara terbaik untuk mengumpul data asal 'first hand encounter' tentang perkara yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian. Seorang rakan saya telah membantu dalam memerhati dan mengisi borang pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan. Borang pemerhatian telah dibina dengan merujuk kepada dua kajian yang lepas (Muhamad Iqhwani, 2010; Taiebah, 2010) dan instrumen tersebut telah disahkan oleh kedua-dua penyelia saya. Hasil dari pemerhatian akan memperlihatkan sama ada murid berminat dengan pembelajaran atau pun tidak. Jika murid berminat, mereka akan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran.

Untuk mengukuhkan lagi dapatan daripada kajian, saya telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data. Pemilihan kaedah ini difikirkan

amat bersesuaian dengan ciri-ciri seperti umur dan tahap pemikiran murid yang terlibat sebagai sasaran kajian. Kesesuaian kaedah soal selidik ini dengan kajian saya turut diperkuatkan lagi dengan pernyataan Mohd. Majid (2004) yang menyatakan bahawa soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Oleh itu, kaedah soal selidik dilihat sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan minat murid. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kejayaan penyelidikan. Oleh itu, saya telah berbincang dan mendapatkan pandangan dari penyelia untuk menentukan item dalam borang soal selidik. Saya juga telah merujuk kepada dua kajian yang lepas iaitu Wan Muhamad Nor Amali (2010) dan Taiebah (2010). Soal selidik dalam kajian ini menggunakan Skala Likert lima mata. Setelah soal selidik dibina, ia diserahkan kepada kedua-dua penyelia saya untuk pengesahan,

Selain daripada dua kaedah yang dikemukakan di atas, saya turut memilih kaedah temu bual bagi mendapatkan sokongan data yang lebih lengkap. Melalui kaedah temu bual bersama murid, saya telah bertanyakan soalan berdasarkan minat dan kecenderungan murid terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan. Menurut Mohamad Najib (1999), temu bual penting bagi mendapatkan maklum balas secara bersemuka dengan subjek. Merriam (2002) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Untuk kajian ini, saya menggunakan temu bual berstruktur kerana saya ingin mendapatkan kecenderungan minat murid terhadap pengajaran Kajian Tempatan. Temu bual berstruktur juga difikirkan sesuai dengan tahap keupayaan murid saya. Soalan-soalan dalam skedul temu bual telah disediakan terlebih dahulu dengan merujuk kepada tiga kajian yang lepas (Muhamad Nor Amali, 2010; Noor Nadiah, 2010; Taiebah, 2010). Temu bual dijalankan selepas setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil dari temu bual ini turut dijadikan sokongan untuk menunjukkan sama ada murid berminat dengan pendekatan pengajaran menggunakan kaedah lagu atau tidak.

Sumber: Mohd Zawawi (2011)

## 2.7 Analisis Dan Huraian Data

Bagi bahagian ini, anda akan menyatakan dan menghuraikan hasil analisis data yang dikumpul daripada instrumen kajian. Kesimpulan akan dibuat berdasarkan hasil analisis tersebut yang seharusnya menjawab soalan kajian. Huraian analisis sebaik-baiknya disokong oleh pelbagai

data berlainan iaitu triangulasi data sangat digalakkan. Contohnya, hasil analisis kuantitatif seperti markah ujian pra dan pasca boleh disokong dengan hasil analisis kualitatif seperti data temu bual.

**Contoh Huraian Analisis Data dan Huraian:**

Jadual 3 di bawah menunjukkan analisis data berdasarkan respon yang diterima daripada borang soal selidik. Murid diminta menjawab item soal-selidik berdasarkan skala 5 mata. Item 1 hingga 4 dan 8 merupakan item positif, manakala yang lain merupakan item negatif.

**Jadual 3: Perbandingan min antara kaedah lakonan dengan kaedah tradisional bagi item soal-selidik**

Bil	Item soalan	Min		Perbezaan Min
		Lakonan	Tradisional	
1.	Saya melibatkan diri semasa belajar hari ini.	4.78	1.84	2.94
2.	Saya suka cara guru mengajar hari ini.	4.95	1.68	3.27
3.	Saya suka bertanyakan soalan kepada guru	4.63	1.32	3.31
4.	Saya mahu cara belajar hari ini di teruskan untuk hari lain	4.95	1.53	3.42
5.	Saya suka keluar daripada kelas semasa guru sedang mengajar	1.21	3.74	-2.53
6.	Saya mengantuk semasa belajar Kajian Tempatan hari ini.	1.16	4.47	-3.31
7.	Saya membuat kerja lain semasa belajar hari ini.	1.42	4.00	-2.58
8.	Saya suka menjawab soalan yang guru berikan.	4.63	2.74	1.89

Jadual 3 menunjukkan bahawa bagi item 1, min kaedah lakonan ialah 4.78 manakala min bagi kaedah tradisional ialah 1.84. Perbezaan min adalah sebanyak 2.94. Keputusan ini menunjukkan bahawa murid lebih aktif melibatkan diri semasa kelas kaedah lakonan. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa murid lebih berminat dengan pelajaran menggunakan kaedah lakonan. Ini kerana, secara rasionalnya murid akan melibatkan diri secara rela dengan sesuatu aktiviti sekiranya mereka berminat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada hari ini amat menarik.

Saya mendapati murid seronok dan gembira. Riak wajah mereka menunjukkan rasa seronok dengan aktiviti menggunakan kaedah lakonan. Alif yang sebelum ini sering tidak mengambil bahagian di dalam kelas begitu bersemangat dan teruja untuk berlakon. Murid juga ketawa dengan riang ketika kawan-kawan berlakon. Saya begitu gembira melihat mereka begitu aktif belajar. Mereka juga sudi menawarkan diri untuk berlakon berkali-kali. Semua murid mengangkat tangan untuk berlakon. Saya sungguh tidak sangka bahawa aktiviti lakonan ini memberi kesan yang positif kepada mereka. Saya berpuas hati dengan aktiviti pelajaran hari ini.

(Catatan Jurnal 6 (a), 11 Ogos 2011)

Jadual 3 juga menunjukkan bagi item 2 min bagi kaedah lakonan (4.95) adalah lebih tinggi berbanding dengan min kaedah tradisional (1.68). Ini menunjukkan bahawa murid lebih suka belajar cara lakonan berbanding kaedah tradisional. Ini membawa maksud, murid lebih berminat belajar menggunakan kaedah lakonan berbanding kaedah tradisional.

Bagi item positif yang lain iaitu item 3, 4 dan 8, min yang diperoleh bagi kaedah lakonan juga adalah lebih tinggi berbanding kaedah tradisional. Ini menunjukkan bahawa murid lebih berminat ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan menggunakan kaedah lakonan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui catatan jurnal yang telah saya buat selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah lakonan.

Murid lihat begitu aktif ketika aktiviti lakonan dijalankan. Kebanyakan murid mengangkat tangan bertanyakan soalan kepada saya. Contohnya, Daniel bertanyakan soalan kepada saya mengapa pada zaman dahulu kala Raja Melayu memakai tenggok. Ini menunjukkan murid memberi tumpuan dan minat dengan aktiviti yang sedang dijalankan. Mereka juga sering bertanyakan soalan antara satu sama lain. Ini jelas menunjukkan murid minat dengan kaedah lakonan yang dijalankan. Murid dilihat begitu gembira ketika aktiviti dilaksanakan. Pada akhir pembelajaran murid kelihatan sedih dan tidak bersemangat apabila mengetahui kelas Kajian Tempatan sudah tamat. Mereka meminta saya supaya menggunakan masa guru lain untuk berlakon lagi. Mereka juga meminta saya untuk menggunakan kaedah lakonan ini lagi untuk sesi pelajaran yang akan datang.

(Catatan Jurnal 6 (b), 11 Ogos 2011)

Bagi item negatif dalam jadual 3 iaitu item 5, 6 dan 7, min bagi kaedah lakonan adalah lebih rendah berbanding dengan min kaedah tradisional. Contohnya, bagi item 7, min kaedah lakonan (1.42) adalah lebih rendah berbanding dengan min kaedah tradisional (4.00). Keputusan ini menunjukkan bahawa murid lebih membuat kerja lain semasa pelajaran kaedah tradisional berbanding kaedah lakonan. Dalam erti kata lain, murid tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap topik yang diajar semasa pelajaran menggunakan kaedah tradisional.

Pada minggu ini murid dilihat tidak bermaya dan tidak memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid sering menanya kepada saya mengenai aktiviti lakonan. Contohnya, Imran menanyakan kepada saya, “mengapa kita tidak berlakon hari ini cikgu?..saya hendak berlakon.. *“boring”* lah kalau tak berlakon hari ini”. Hampir semua murid menunjukkan reaksi yang sama ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional. Terdapat juga murid yang bermain di belakang kelas dan langsung tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, selepas saya memberi penerangan, saya menanyakan soalan kepada Amar. Dia tidak dapat menjawab soalan yang diberikan sedangkan saya baru sahaja menerangkan hal tersebut. Ini jelas menunjukkan murid tersebut tidak memberi tumpuan sepenuhnya terhadap aktiviti yang dijalankan. Murid langsung tidak menunjukkan mimik muka gembira ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional.  
(Catatan Jurnal 7 (a), 18 Ogos 2011)

Kesimpulannya hasil daripada borang soal selidik ini jelas menunjukkan murid berminat dengan kaedah lakonan ketika mempelajari topik Kesultanan Melayu Melaka. Ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara lakonan didapati murid lebih aktif dan berani menanya dan menjawab soalan. Murid juga lebih gembira dan mengambil bahagian secara aktif. Ini menunjukkan bahawa minat murid terhadap topik Kesultanan Melayu Melaka telah meningkat.

Keberkesanan kaedah lakonan dalam meningkatkan minat murid terhadap topik Kesultanan Melayu Melaka juga boleh dilihat melalui hasil temu bual yang dilaksanakan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beberapa orang murid dipilih sebagai sasaran bagi soalan temu bual. Semua aktiviti temu bual ini dirakam menggunakan telefon bimbit. Antara respon murid selepas pelajaran secara lakonan adalah seperti berikut:

Saya seronok cara lakonan pada hari ini.. boleh faham apa yang cikgu ajar..saya berlakon..minat, *“best”* dan seronok tengok kawan berlakon..tidak mengantuk dan tidak bosan.  
(Murid 1, 11 Ogos, 1.00 tengah hari)

Seronok..dapat tengok kawan berlakon.. kita semua berlakon....boleh tahu cerita Palembang..tidak mengantuk sebab tengok kawan berlakon..saya nak berlakon lagi. (Murid 2, 11 Ogos, 1.00 tengah hari)

Respon murid selepas pelajaran secara tradisional:

Bosanlah cikgu..tak seronok sebab tak dapat berlakon..penat belajar cara hari ini..nak belajar cara lain..nak belajar secara lakonan..tidak mahu diteruskan dan susah nak faham.. bosan dan tak *“best”*.  
(Murid 1, 18 Ogos, 1.00 tengah hari)

Tak seronok..saya tak faham..tidak minat..susah nak faham..kawan-kawan tidak bagi kerjasama..bosan..cikgu bercakap sahaja..tidak ada peluang nak cakap..tak “best”. (Murid 2, 18 Ogos, 1.00 tengah hari)

Hasil temu bual menunjukkan kebanyakan murid memberi respon yang positif terhadap kaedah lakonan yang dilaksanakan. Kesemua murid yang ditemu bual memberi respon menyatakan bahawa kaedah lakonan mampu menarik minat mereka untuk mempelajari topik Kesultanan Melayu Melaka. Keputusan ini selaras dengan keputusan daripada soal selidik, borang pemerhatian dan catatan jurnal.

Sumber: Muhammad Firdaus (2011)



Bincangkan bersama kawan anda bagaimana menghasilkan min seperti dalam Jadual 3 di atas daripada data soal selidik.

## 2.8 Refleksi dan Implikasi

Dalam bahagian ini, anda akan merumuskan kajian yang telah dijalankan. Lebih penting, anda akan menerangkan implikasi kajian iaitu apakah tindakan susulan yang perlu diambil oleh pihak berkepentingan berdasarkan keputusan kajian. Contohnya, sekiranya kajian menunjukkan bahawa kandungan buku teks Sains adalah terlalu cetek, maka implikasinya ialah guru Sains perlu mencari sumber yang lain semasa pengajaran dan pembelajaran; Kementerian Pelajaran juga perlu mengkaji semula kandungan buku teks supaya menjadikannya lebih menarik dan lebih bermanfaat.

Selain itu, dalam bahagian ini, anda perlu menghuraikan apakah yang telah dipelajari anda tentang kajian yang telah dijalankan; secara amnya, anda perlu menerangkan bagaimana proses dan dapatan kajian telah membantu anda untuk memahami dan menjalankan kerja anda sebagai seorang guru dengan lebih baik. Secara khususnya, anda perlu

menerangkan apakah yang telah anda mempelajari tentang isu kajian. Contohnya, jika anda mengkaji tentang keberkesanan kaedah koperatif, anda mungkin akan menerangkan bahawa kajian anda menunjukkan bahawa kaedah koperatif hanya boleh berjaya sekiranya seseorang guru mengambil beberapa langkah awalan seperti mengkaji dulu hubungan antara murid.

#### Contoh Huraian Refleksi dan Implikasi:

Berdasarkan kajian tindakan yang telah dijalankan, saya menyedari bahawa seseorang guru perlu kreatif dan berminda terbuka dalam membina rancangan pengajaran yang berkesan dan bermakna. Ketika penggunaan kaedah bahan maujud dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, saya dapati murid memberikan tindak balas yang positif dan lebih aktif semasa belajar. Situasi ini sangat berbeza dengan kelas sebelumnya yang menggunakan kaedah tradisional. Ini berkemungkinan, penggunaan kaedah bahan maujud mampu menarik minat murid terhadap pelajaran. Perkara ini memberikan saya keyakinan bahawa kaedah ini mampu memberikan kesan yang positif.

Saya berpendapat kaedah ini juga boleh dipelbagaikan mengikut kreativiti guru sebagai pengganti kepada kaedah tradisional. Seperti yang diketahui, BBM hanya bertindak membantu sahaja, tetapi guru perlu bertindak sebagai pengolah bahan-bahan ini agar bahan-bahan pengajaran tersebut menjadi lebih kreatif dan menyeronokkan. Kreativiti boleh diperoleh apabila seorang guru mencuba. Pelbagai bahan boleh untuk digunakan sebagai BBM jika seseorang guru itu bijak mempelbagaikannya. Ini kerana isi pelajaran bagi mata pelajaran Kajian Tempatan kebanyakannya adalah berbentuk fakta. Tidak semua murid mampu untuk faham sesuatu fakta dengan mudah. Melalui kepelbagaian bahan pengajaran tersebut dapat menarik minat dan perhatian mereka untuk menumpukan perhatian sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Tambahan pula, gaya pembelajaran setiap murid adalah berbeza. Saya berpendapat, murid yang menjadi sasaran kajian saya memiliki gaya pembelajaran kinestetik. Ini kerana murid menunjukkan sikap pasif seperti mendiamkan diri dan kurang berkomunikasi apabila kaedah tradisional seperti *chalk and talk* dan buku teks kerap digunakan. Menurut Nurita (2007), gaya pembelajaran kinestetik adalah belajar melalui gerakan dan sentuhan. Melalui kaedah bahan maujud, murid berpeluang menyentuh dan membina pengetahuan konkrit berkaitan bahan maujud yang digunakan. Ini disokong oleh Isahak (1996, seperti dinyatakan dalam Nurul Shamimi, 2010) mengatakan bahawa pencapaian murid yang meningkat atau menurun bukanlah dipengaruhi oleh tahap I.Q mereka semata-mata tetapi dipengaruhi oleh penghasilan bahan pengajaran guru yang bersistematik di



samping kesediaan kognitif dan efektif murid. Oleh itu, adalah tidak mustahil untuk mencuba supaya pembelajaran murid menjadi lebih bermakna.

Dalam kajian ini, setelah kaedah bahan maujud digunakan saya dapati murid menunjukkan reaksi yang positif setiap kali kelas mata pelajaran Kajian Tempatan bermula. Tambahan lagi, ada murid yang menegur saya dan minta saya mengajar mereka walaupun tiada sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Kajian Tempatan pada hari berkenaan. Hal ini menunjukkan minat murid terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan sudah terbina. Murid dilihat lebih bersemangat dan bermotivasi untuk belajar. Baharom dan Ilyas (2010) menyatakan bahawa motivasi dalam diri murid tidak hadir secara sendiri tanpa disokong oleh kaedah pengajaran guru yang kreatif dan efektif. ini disokong oleh Songgok (2009) menyatakan bahawa guru yang berkesan dalam menjalankan tugasnya adalah guru yang berjaya menjadikan muridnya bermotivasi dalam pelajaran.

Keberkesanan dalam pengajaran juga bergantung kepada usaha guru dalam memahami makna motivasi belajar itu sendiri dan mengembangkan serta menggerakkan motivasi pembelajaran pelajar itu ke tahap yang maksimum melalui kaedah pengajaran yang sesuai. Dalam kajian ini, saya menggunakan kaedah bahan maujud untuk membina motivasi belajar dalam diri murid dan keberkesannya telah dilihat berdasarkan perubahan tingkah laku murid seperti yang dinyatakan sebelum ini. Akan tetapi, melalui kajian ini saya juga pelajari bahawa penggunaan kaedah bahan maujud semata-mata tidak akan berhasil sekiranya beberapa perkara tidak diambil kira. Antaranya ialah bahan maujud yang digunakan perlu menarik, mudah dikendalikan dan tidak merbahaya. Bahan ini boleh berubah mengikut kemampuan dan kepentingan guru dan cara pengendalian bahan tersebut. Tanpa pengetahuan dan cara pemakaian, bahan tersebut akan menjadi gajah putih dalam kelas dan membazir sahaja.

Kesimpulannya, banyak perkara yang telah saya pelajari dan perlu diperbaiki dalam melaksanakan kaedah ini. Saya berpendapat, skop penggunaan kaedah bahan maujud adalah luas. Daya kreativiti diperlukan dalam mempelbagaikan penggunaan bahan maujud dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Saya tidak boleh menarik nafas lega setelah menjalankan kajian terhadap kaedah ini sebaliknya perlu melakukan lebih banyak penyelidikan dan pembacaan dalam mempertingkatkan mutu pengajaran saya secara berterusan. Ini selari dengan Nurul Shamimi (2010) yang menyatakan bahawa individu yang bergelar guru adalah '*life long learning person*'. Guru harus terus belajar dan berusaha memperbaiki mutu pengajaran agar mampu melahirkan murid yang berilmu dan berwawasan.

Sumber: Akmal (2011)

## 2.9 Tindakan Susulan

Penyelidikan tindakan biasanya melibatkan beberapa kitaran. Oleh itu, selepas satu kitaran iaitu selepas satu kajian, anda akan memikirkan apakah tindakan susulan yang boleh diambil untuk mengurangkan lagi masalah yang dihadapi; sering kali, tindakan yang dijalankan merupakan pengubahsuaian kepada tindakan yang asal. Contohnya, jika anda menggunakan lagu 80an untuk meningkatkan tumpuan murid terhadap pelajaran, dalam kajian berikut anda mungkin akan menggunakan lagu masa kini kerana didapati bahawa lagu-lagu lama kurang menarik perhatian murid anda. Oleh itu, anda ingin mencuba lagu-lagu terkini pula.

### Contoh Huraian Tindakan Susulan:

Bagi menambahbaik kajian ini, saya mencadangkan supaya dalam kajian yang berikut, saya akan memberikan ganjaran kepada kumpulan yang melakukan persembahan yang terbaik. Pada hemat saya, dan berdasarkan pemerhatian saya sepanjang kajian ini, kaedah ganjaran akan semakin meningkatkan minat dan semangat murid supaya membuat yang terbaik untuk kumpulan mereka. Cadangan saya yang kedua ialah dari segi masa. Adalah lebih baik jika masa untuk melakukan kajian ditambah kepada dua sesi untuk setiap kaedah. Sebagai contoh, minggu satu dan minggu dua boleh digunakan untuk kaedah lakonan, manakala dua minggu lagi digunakan untuk kaedah tradisional. Ini adalah kerana pada minggu pertama murid boleh mengambil masa untuk bersedia dengan lakonan mereka dan tidak terlalu tergesa-gesa. Pada minggu kedua barulah setiap kumpulan mempersembahkan lakonan mereka. Oleh itu, dalam kajian saya yang berikut, saya akan menggunakan ganjaran dan akan menambah masa yang digunakan untuk setiap teknik. Adalah diharap bahawa dengan perubahan-perubahan ini, masalah yang dihadapi saya iaitu tumpuan murid terhadap pelajaran akan dapat dikurangkan lagi.

Sumber: Mohd. Farhan (2011)



Baca semula Contoh Huraian Refleksi dan Implikasi dan terangkan apakah perkara yang perlu dimuatkan dalam bahagian Refleksi dan Implikasi

## 2.10 Sumber Rujukan

Setiap penulisan ilmiah perlu mengandungi rujukan dalam teks dan Senarai Rujukan. Bagi maklumat atau idea yang diambil daripada sesuatu sumber, anda hendaklah menyatakan sumber tersebut dalam teks. Antara lain, ini adalah untuk mengelak daripada plagiat. Di IPG, rujukan dalam teks dan dalam Senarai Rujukan hendaklah ditulis mengikut sistem *American Psychological Association* (APA) yang terkini. Berikut adalah panduan untuk menulis rujukan dalam teks dan Senarai Rujukan yang diadaptasi daripada Boon dan Aeria (2007).

### 2.10.1 Menulis rujukan dalam teks

Bagi maklumat atau idea yang diambil daripada sesuatu sumber, pengkaji hendaklah menyatakan sumber tersebut dalam teks. Rujukan dalam teks dan dalam Senarai Rujukan hendaklah ditulis mengikut sistem *American Psychological Association* (APA) yang terkini. Contoh rujukan dalam teks adalah seperti yang berikut:

(a) Menyatakan hasil karya seorang pengarang:

Sepanjang kajiannya, Wong (2000) telah menunjukkan...

Sistem pendidikan di Malaysia menggalakkan perkembangan individu yang menyeluruh (Choy, 2006).

(b) Menyatakan hasil karya dua orang pengarang:

Laporan Harton dan Smith (1995) menyatakan...

Pelajar IPG didapati mempunyai bakat yang pelbagai (Lee & Boon, 2005).

(c) Menyatakan hasil karya beberapa orang pengarang:

Goromon (2003), Hector (2001) dan Victor dan Michael (2006) menyatakan ...

Banyak kajian yang lepas (contoh, Francis, 1995; Garmon, 1998; Goon & Koh, 2003) telah menunjukkan...

(d) Menyatakan hasil karya sumber sekunder:

Sistem pendidikan di Malaysia terlalu mementingkan peperiksaan (Man, 1982, seperti yang dinyatakan dalam Lim, 1990).

Mengikut Man (1982, seperti yang dinyatakan dalam Lim, 1990), sistem pendidikan di Malaysia terlalu mementingkan peperiksaan.

### 2.10.2 Menulis rujukan dalam Senarai Rujukan

Contoh rujukan dalam Senarai Rujukan adalah seperti yang berikut:

(a) Buku

Kleeman, G. (1995). *Kemahiran pemetaan topografi*. Sydney: Hodder Headline.

(b) Jurnal

Lindsay, A. W. (1982). Institutional performance in higher education: The efficiency dimension [Prestasi institusi dalam pendidikan tinggi: Dimensi kecekapan.] *Review of Educational Research*, 2, 175-199.

(c) Surat khabar

Ball, S. (1986, February 27). Tiada hadiah bagi HSC. *Utusan Malaysia*, hlm. 15.

(d) Tesis tidak diterbitkan

Aeria, L. A. (1980). *Burnout dalam kalangan guru-guru Wilayah Persekutuan*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

(e) Media elektronik

Fatimah Buang. (2006). *Komputer dan saya*. Diperoleh Jan 15, 2007 dari [http://www.gvu.gatech.edu/user\\_surveys/survey-1997-10/](http://www.gvu.gatech.edu/user_surveys/survey-1997-10/)

(f) Media elektronik (tiada tarikh, tiada pengarang)

*GVU's 8th WWW user survey*. (n.d.). Diperoleh Mac 30, 2004 dari [http://www.gvu.gatech.edu/user\\_surveys/survey-1997-10/](http://www.gvu.gatech.edu/user_surveys/survey-1997-10/)

### 2.10. 3 Menulis rujukan untuk nama pengarang Asia

#### Dalam Teks

Pengarang Melayu

Mohd. Ali (2005) menyatakan ...

Pengarang Cina

Lim (2006) menyokong ...

Pengarang India

Krishnan (2003) menerangkan...

#### Dalam Senarai Rujukan

Dalam Senarai Rujukan, tulis nama penuh pengarang yang tidak mempunyai nama keluarga.

Mohd. Ali b. Mohd. Bakar. (2005). *Merdeka*. Kuala Lumpur: Penerbit Taufik Intelek Sdn. Bhd.

Lim, C. B. (2006). *Politik dan saya*. Kuala Lumpur: Azrizad Sdn. Bhd.

Krishnan a/l Thambipillay. (2003). *Dunia politik*. Kuala Lumpur: Tasha Publications.

Untuk panduan sepenuhnya, anda boleh merujuk kepada Boon dan Aeria (2007) dan American Psychological Association (2009).



Dalam sistem APA, kita menggunakan istilah Senarai Rujukan dan bukan Bibliografi. Layari internet dan dapatkan perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut.



### **Mari Menguji Kefahaman Anda**

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

1. Apakah tujuan abstrak?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan konteks kajian?
3. Huraikan apakah yang perlu ditulis dalam bahagian fokus kajian.
4. Apakah tujuan bahagian pelaksanaan pelan tindakan?
5. Apakah yang perlu dihuraikan dalam bahagian kaedah pengumpulan data?
6. Apakah jenis data yang boleh dihuraikan dalam bahagian analisis dan huraian data?
7. Huraikan apakah yang patut dimuatkan dalam bahagian refleksi dan implikasi.
8. Beri satu contoh tindakan susulan yang boleh diambil.
9. Beri satu contoh untuk penulisan rujukan teks dan satu contoh untuk penulisan rujukan Senarai Rujukan.



## Senarai Rujukan dan Bahan Bacaan

### Senarai Rujukan

Abdul Rahman Bin Idris. (2011). *Keberkesanan kaedah permainan puzzle bergambar dalam meningkatkan pemahaman murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Akmal Hazimin Bin Nazeri. (2011). *Keberkesanan penggunaan kaedah bahan maujud dalam menarik minat murid tahun 5 terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

American Psychological Association. (2009). *Publication manual of the American Psychological Association* (6<sup>th</sup>. ed.) Washington, DC: American Psychological Association.

Boon, P. Y. & Aeria, L. A. (2007). *Guide to referencing procedures*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa

Chow, F. M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mohd Farhan Bin Abd Hamid. (2010). *Penggunaan teknik lakonan dalam meningkatkan daya ingatan murid tahun 5 bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Fazril bin Mohd Foizi. (2011). *Keberkesanan penggunaan teknik sebab dan akibat dalam meningkatkan kebolehan murid menghuraikan jawapan bagi tajuk kepentingan rumah*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Zawawi Bin Zulkifli. (2011). *Penggunaan lagu dalam meningkatkan minat murid tahun 5 bagi tajuk pengasasan Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Firdaus B. Omar. (2011). *Penggunaan kaedah lakonan dalam meningkatkan minat murid bagi topik kesultanan Melayu Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Nurkhifzan bin Isnin. (2011). *Keberkesanan kaedah melukis dalam meningkatkan tumpuan murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Uzair Bin Mohamad. (2011). *Keberkesanan tayangan video dalam membantu murid membuat hubungkaitan bagi tajuk implikasi kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

### **Bacaan Tambahan**

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan. Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.



<b>TAJUK 5</b>	<b>Cara-cara Menyebarkan Dapatan Penyelidikan Tindakan</b>
----------------	--


### **SINOPSIS**

Dalam tajuk ini, anda akan mempelajari apakah yang dimaksudkan dengan penyebaran dapatan penyelidikan, mengapa penting menyebarkan, apakah cara-cara untuk menyebarkan serta kelebihan dan kekurangan beberapa cara penyebaran. Selain itu, dalam tajuk ini juga disenaraikan beberapa pertimbangan yang perlu difikirkan semasa menganjurkan seminar penyelidikan.

### **HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan penyebaran dapatan penyelidikan;
2. menerangkan kepentingan penyebaran dapatan penyelidikan;
3. menghuraikan beberapa cara untuk menyebarkan dapatan penyelidikan;
4. menerangkan kelebihan dan kekurangan penyebaran dapatan penyelidikan melalui persembahan poster, pembentangan seminar, penerbitan artikel jurnal, penerbitan laporan dan rangkaian penyelidikan tindakan;
5. menyatakan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan semasa menganjur seminar penyelidikan.

**RINGKASAN TAJUK****5.1 Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Penyebaran Dapatan Penyelidikan?**

Penyebaran dapatan penyelidikan adalah proses perkongsian maklumat dan pengetahuan penyelidik dengan orang-orang lain yang berkaitan seperti penyelidik lain. Dalam penyebaran, biasanya cabaran utama ialah dalam meningkatkan aksesibiliti dapatan kepada audiens. Ini bermaksud dapatan kajian secara fizikal perlu mudah dicapai dan mudah difahami oleh semua (Woodfield, n.d.).

## 5.2 Mengapa Penting Menyebarkan Dapatan Penyelidikan?

Penyebaran dapatan penyelidikan merupakan sebahagian daripada proses penyelidikan. Penyebaran dapat memaksimumkan impak penyelidikan ke atas penambahan ilmu. Ia memastikan dapatan kajian menjadi berguna dan bukan setakat disimpan oleh pengkaji sahaja. Dalam erti kata lain, penyebaran dapat memastikan bahawa dapatan penyelidikan kita akan menyumbang kepada penyelesaian sesuatu masalah (Silcock, n.d.). Penyebaran juga boleh memotivasikan penyelidik untuk meneruskan usahanya. Selain itu, ia dapat meningkatkan profail pengkaji dan institusinya. Oleh itu, penyebaran dapat menambah nilai sesuatu penyelidikan (Woodfield, n.d.).

## 5.3 Apakah Cara-Cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan?

Terdapat beberapa cara penyebaran dapatan penyelidikan. Cara yang paling kerap digunakan ialah persembahan poster, pembentangan dalam seminar, penulisan artikel dalam jurnal, laporan-laporan dan rangkaian penyelidikan. Pada masa kini penyebaran atas talian seperti laman web dan *Facebook* juga semakin popular.

Persembahan poster merupakan satu pendekatan grafik untuk membentangkan dapatan penyelidikan. Tujuan poster adalah untuk menjana perbincangan yang aktif terhadap penyelidikan yang dijalankan. Persembahan poster biasanya diadakan dekat dengan dewan seminar atau konferens yang sedang berjalan. Pengkaji akan berdiri di tepi poster untuk menjawab soalan para pengkaji yang lain serta membincangkan isu berkaitan penyelidikan yang dipaparkan. Biasanya, teks dalam poster dihadkan kepada satu perempat daripada ruang poster ("The Natural Sciences Undergraduate", n.d.; "Design of Scientific Posters", n.d.).

Pembentangan dalam seminar atau konferens merupakan salah satu saluran yang utama untuk menyebarkan dapatan penyelidikan. Terdapat banyak seminar dan konferens pendidikan yang diadakan di Malaysia. Setiap seminar atau konferens biasanya disasarkan kepada penyelidik tertentu berdasarkan kepada tema seminar. Contohnya, jika seminar bertema "Bahasa Jiwa Bangsa" maka kebanyakan kertas yang dibentangkan adalah berkaitan dengan bahasa dan pembentang biasanya terdiri daripada pendidik bahasa atau pengkaji yang menyelidik tentang bahasa. Dalam kebanyakan seminar pendidikan di Malaysia, seseorang pembentang diberi 20 minit untuk membentangkan dan 10 minit lagi diberi untuk soal-jawab dan perbincangan.

Sama seperti pembentangan, penulisan artikel dalam jurnal juga merupakan saluran utama penyebaran dapatan. Terdapat banyak jurnal tempatan dan antarabangsa yang memuatkan dapatan penyelidikan, masing-masing disasarkan kepada audiens yang tertentu. Contohnya, *Journal of Educational Psychology* ditujukan khas kepada para pengkaji berkaitan psikologi pendidikan. Contoh artikel yang boleh dimuatkan dalam jurnal tersebut ialah Kelesuan Mental dalam Kalangan Guru-guru di Lembah Klang. Penerbitan artikel dalam jurnal dapat meningkatkan reputasi dan profail pengkaji, lebih-lebih lagi jika jurnal yang terlibat merupakan jurnal yang diiktiraf seperti jurnal-jurnal ISI.

Salah satu saluran lain untuk menyebarkan dapatan penyelidikan ialah laporan-laporan penyelidikan yang biasanya dibukukan. Laporan penyelidikan adalah lebih panjang dan lebih terperinci berbanding artikel jurnal. Ini kerana bilangan perkataan dalam laporan tidak dihadkan. Sering kali laporan dikeluarkan jika penyelidikan yang dijalankan mempunyai kepentingan kepada orang ramai atau kepada sesuatu institusi atau agensi kerajaan. Contohnya, laporan kajian berkaitan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris

Rangkaian Penyelidikan seperti Rangkaian Penyelidikan Tindakan merupakan laman web di mana anda boleh memuat naik dapatan penyelidikan anda, meminta pendapat serta membincangkan dengan ahli-ahli

lain dalam rangkaian tersebut. Selain itu anda juga boleh membaca hasil penyelidikan ahli-ahli yang lain. Contoh rangkaian ialah Collaborative Action Research network (CARN), Action Research Network ALTec dan Action Research Network University of San Diego.



Berhenti dan renungkan. Pada pandangan anda, apakah cara yang paling berkesan untuk menyebarkan dapatan penyelidikan? Mengapa?

#### **5.4 Apakah Kelebihan Dan Kekurangan Sesetengah Cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan?**

Jadual 5.1 menunjukkan kelebihan dan kekurangan beberapa cara penyebaran dapatan penyelidikan. Antara cara yang ditunjukkan ialah persembahan poster, pembentangan dalam seminar, artikel jurnal dan laporan. Bagi persembahan poster, kelebihannya ialah pengkaji kurang berasa gementar untuk membentangkan dapatan berbanding dengan persembahan dalam seminar; pengkaji juga dapat berjumpa dengan pengkaji lain yang sealian dan dalam bidang yang sama untuk berbincang kemajuan dalam bidang. Kekurangannya ialah pengkaji perlu mempunyai kemahiran tertentu (contohnya, pemilihan warna dan teks) untuk menghasilkan poster yang berkesan. Selain itu, persembahan poster merupakan cara yang kurang penting berbanding dengan cara lain seperti penerbitan artikel dalam jurnal atau pembentangan kertas dalam seminar.

**Jadual 5.1: Kelebihan dan kekurangan beberapa cara penyebaran**

Cara	Kelebihan	Kekurangan
Persembahan poster	Kurang rasa tekanan semasa membentangkan	Perlukan kemahiran tertentu untuk membuat poster
	Ada peluang untuk berjumpa dengan pengkaji lain yang sealiran	Dipandang sebagai cara yang kurang penting dan kurang dapat menaikkan profail pengkaji
Pembentangan kertas dalam seminar	Dianggap sebagai cara yang lebih penting dan berimpak berbanding persembahan poster	Memerlukan kemahiran seminar dan pembentangan
	Meningkatkan profail pengkaji	Soalan yang ditanya mungkin tidak dapat dijawab secara spontan
	Terdapat interaksi bersemuka	Masa terhad untuk perbincangan
Artikel dalam jurnal	Penyebaran adalah meluas	Memerlukan kemahiran bahasa dan komunikasi yang baik
	Tidak perlu menjawab soalan secara spontan	Tiada perbincangan secara langsung dengan audien seperti dalam seminar
	Meningkatkan profail pengkaji khususnya jika dimuatkan dalam jurnal ISI	Bilangan perkataan terhad; oleh itu persembahan dapatan tidak boleh terperinci

Cara	Kelebihan	Kekurangan
Laporan	Tiada had bilangan perkataan; perbincangan boleh terperinci	Penyebaran kurang meluas berbanding dengan artikel dalam jurnal
	Dapat menuju kepada sasaran audiens yang tepat sebab setiap orang yang berkepentingan akan dapat satu salinan laporan	Kos mencetak mungkin tinggi
Rangkaian Penyelidikan	Meningkatkan mutu penyelidikan melalui kritikan membina pengkaji lain	Kemungkinan terdapat kritikan membina
	Merupakan forum untuk membincangkan dapatan kajian	Memerlukan kemahiran berkomunikasi khususnya dari segi bahasa bertulis kerana tiada interaksi bersemuka secara langsung
	Mudah untuk menyebar	Perlukan pengetahuan teknologi maklumat

(Sumber: Diubahsuai daripada Silcock, n.d.; Woodfield, n.d.)



Layari internet dan cari cara-cara bagaimana dapatan penyelidikan dapat disebarkan melaluinya.

### 5.5 Apakah Kriteria Yang Perlu Dipertimbangkan Semasa Memilih Cara Penyebaran?

Anda perlu mempertimbangkan beberapa perkara sebelum memilih cara penyebaran dapatan anda. Contohnya sebelum memilih jurnal untuk penyebaran, anda mungkin perlu melihat tajuk-tajuk yang dimuatkan dalam jurnal yang dipilih; anda juga perlu melihat sama ada jurnal tersebut pernah menerbitkan artikel yang berkaitan dan apakah rujukan-rujukan dalam artikel anda. Anda juga mungkin perlu mempertimbangkan siapakah audien jurnal yang berkenaan dan adakah jurnal yang berkenaan mempunyai pengiktirafan (Silcock, n.d.).

### 5.6 Apakah Perkara Yang Perlu Dipertimbangkan Bila Menganjurkan Sesuatu Seminar?

Penganjuran sesuatu seminar memang memerlukan banyak tenaga dan masa. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan adalah:

1. Pembentukan jawatan kuasa
2. Pemilihan tema
3. Penentuan masa, tarikh dan tempat
4. Penetapan panduan untuk memilih kertas penyelidikan yang sesuai
5. Siaraya (surat, iklan dan sebagainya untuk memaklumkan para pengkaji)
6. Jemputan penceramah kertas utama
7. Bayaran pembentangan
8. Bilangan sesi; adakah melibatkan sesi selari?
9. Pencetakan prosiding (*softcopy* dan *hardcopy*)
10. Hal-hal kewangan



Bincangkan bersama kawan anda ahli-ahli jawatan kuasa yang diperlukan (contohnya, pengerusi sesi, penjaga masa) untuk menganjurkan seminar serta senaraikan tugas setiap ahli





## Mari Menguji Kefahaman Anda

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

1. Beri dua sebab mengapa seseorang penyelidik harus menyebarkan dapatan penyelidikannya.
2. Huraikan empat cara penyebaran dapatan penyelidikan.
3. Huraikan satu kelebihan dan satu kekurangan bagi persembahan poster.



## Senarai Rujukan Dan Bahan Bacaan

### Senarai Rujukan

*Design of scientific posters.* (n.d.). Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.writing.engr.psu.edu/posters.html>

Silcock, J. (n.d.). *Disseminating research: Choosing how & where to publish.* Diperoleh November 25, 2011 dari [www.rdinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt](http://www.rdinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt)

*The natural sciences undergraduate research conference: Guidelines for poster preparation.* (n.d.) Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.pitt.edu/~etbell/nsurg/PosterGuide.html>

Woodfield, J. (n.d.). *Spreading the word: Disseminating research findings.* Diperoleh November 25, 2011 dari [http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2\\_Selected\\_Readings/spreading\\_the\\_word.pdf](http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2_Selected_Readings/spreading_the_word.pdf)



## Bibliografi

Abdul Rahman Bin Idris. (2011). *Keberkesanan kaedah permainan puzzle bergambar dalam meningkatkan pemahaman murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Akhlar Pardi dan Shamsina (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan tindakan*. Selangor:Penerbitan Multimedia sdn.Bhd.

Akmal Hazimin Bin Nazeri. (2011). *Keberkesanan penggunaan kaedah bahan maujud dalam menarik minat murid tahun 5 terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

American Psychological Association. (2009). *Publication manual of the American Psychological Association* (6<sup>th</sup>. ed.) Washington, DC: American Psychological Association.

Ansary Ahmed, Mansor Fadzil, & Abd. Razak Habib. (2006). *HBEF 2503 Kaedah kajian dalam pendidikan*. Malaysia: Open University (Universiti Terbuka).

Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C. & Razavieh. (2010). *Introduction to research in education* (8<sup>th</sup> ed.). Canada: Wadsworth

Babbie, E. (1989). *The practice of social research* (5<sup>th</sup> ed.). Belmont CA: Wadsworth

- Boon, P. Y. & Aeria, L. A. (2007). *Guide to referencing procedures*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa
- Chow, F. M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Creswell, J.W. (2002). *Educational research – Planning, conducting, and evaluating. Quantitative and qualitative research*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Design of scientific posters*. (n.d.). Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.writing.engr.psu.edu/posters.html>
- Exploratory research*. (2011). Diperoleh November 23, 2011, daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory\\_research](http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory_research)
- Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2008). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.
- Jackson, W. (2002). *Methods: Doing social research* (ed. ke-3). Toronto: Prentice Hall
- Kotler, P. & Armstrong, G. (2005). *Principles of marketing*. Addison Wesley Longman
- Lim C.H. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hills

- Linn, R. I. & Gronlund, N. E. (2000). *Measurement and assessment in teaching* (ed. ke-8). New Jersey: Prentice-Hall
- Maznah Abd. Samad, Boon Pong Ying, Rafidah Ruhani, Lee Hah, Chuah Kim Hwa & Noriati Ab. Rashid. (2006). *Kursus diploma perguruan Malaysia. Ilmu pendidikan modul 3/3, unit 2/2 – Refleksi pasca praktikum dan penyelidikan tindakan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Mohd Farhan Bin Abd Hamid. (2010). *Penggunaan teknik lakonan dalam meningkatkan daya ingatan murid tahun 5 bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Fazril bin Mohd Foizi. (2011). *Keberkesanan penggunaan teknik sebab dan akibat dalam meningkatkan kebolehan murid menghuraikan jawapan bagi tajuk kepentingan rumah*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Zawawi Bin Zulkifli. (2011). *Penggunaan lagu dalam meningkatkan minat murid tahun 5 bagi tajuk pengasasan Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Firdaus B. Omar. (2011). *Penggunaan kaedah lakonan dalam meningkatkan minat murid bagi topik kesultanan Melayu Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Nurkhifzan bin Isnin. (2011). *Keberkesanan kaedah melukis dalam meningkatkan tumpuan murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Uzair Bin Mohamad. (2011). *Keberkesanan tayangan video dalam membantu murid membuat hubungkaitan bagi tajuk implikasi kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Norsiah Fauzan. (2009). *Introduction to qualitative research methods*. Selangor: Arah Publications.

Resnick, D. B. (2011). *What is ethics in research & why is it important?* Diperoleh November, 23, 2011 daripada <http://www.niehs.nih.gov/research/resources/bioethics/whatis/>

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan : Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.

Saat Md Yasin. (2006). *Kaedah kajian dalam kaedah kajian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia

Silcock, J. (n.d.). *Disseminating research: Choosing how & where to publish*. Diperoleh November 25, 2011 dari [www.rinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt](http://www.rinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt)

*The natural sciences undergraduate research conference: Guidelines for poster preparation*. (n.d.) Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.pitt.edu/~etbell/nsurg/PosterGuide.html>

University of Texas. (2011). *Educational research process*. Diperoleh November 23, 2011 daripada <http://www.utexas.edu/academic/ctl/assessment/iar/research/plan/process.php>

Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2008). *Research methods in education: An introduction*. USA: Allyn & Bacon.

Woodfield, J. (n.d.). *Spreading the word: Disseminating research findings*. Diperoleh November 25, 2011 dari [http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2\\_Selected\\_Readings/spreading\\_the\\_word.pdf](http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2_Selected_Readings/spreading_the_word.pdf)

**PANEL PENULIS MODUL & PEMURNI  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH  
(BMM PENDIDIKAN RENDAH)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>Lawrence Aloysius Aeria Pensyarah Kanan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa Kuala Lumpur</p> <p>laaeria@gmail.com</p>	<p>B. Sc. (Hons) (UM), M. Ed. (UM), PhD. (UPM) Dip. Ed. (UM),</p> <p>Pensyarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Penyelidikan 10 tahun; Mengajar penyelidikan dan penyelidikan tindakan untuk KPKI dan LPS 15 tahun; Penyelaras Kursus Penyelidikan Tindakan I &amp; II; Pensyarah IPG 24 tahun</p>
<p>Sharifah Kamaliah binti Syed Sofian Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik Kuala Lumpur</p> <p>shakama@tm.net.my</p>	<p>Bac. Business Admin. (Hons) (IIUM), M. Sc. (UPM), PhD. (UPM), Dip. Ed. (IPG Kampus Persekutuan Pulau Pinang)</p> <p>Pensyarah Jabatan Reka Bentuk dan Teknologi 2 tahun; Pensyarah Jabatan Pengajian Perdagangan 15 tahun; Penyelaras Kursus Penyelidikan Tindakan I &amp; II (Program RBT); Mengajar penyelidikan dalam pendidikan bagi program KDPK; Pensyarah IPG 18 tahun</p>
<p>Wan Noor Adzmin binti Mohd. Sabri Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik Kuala Lumpur</p> <p>zas2003@streamyx.com</p>	<p>B. Sc. (Hons) (USM), M. Ed. (UM), Dip. Ed. (IPG Kampus Sultan Abdul Halim)</p> <p>Pensyarah Jabatan Matematik 3 tahun Penyelaras Kursus Penyelidikan Tindakan I &amp; II (Matematik) PGSR</p>

**LAMPIRAN A**

**IKON**



**Rehat**



**Perbincangan**



**Bahan Bacaan**



**Buku Rujukan**



**Latihan**



**Membuat Nota**



**Senarai Semakan**



**Layari Internet**



**Panduan Pengguna**



**Mengumpul Maklumat**



**Tutorial**



**Memikir**



**Tamat**



KANDUNGAN	Muka surat
Falsafah Kebangsaan Negara	
Notis Hak Kerajaan	
Kandungan	1
Panduan Pelajar	3
Pengenalan	4
Agihan Tajuk	7
Tajuk 1: Pengenalan kepada Penyelidikan dalam Pendidikan	8
Sinopsis	8
Hasil Pembelajaran	8
Ringkasan Tajuk	8
1.1 Tujuan Penyelidikan Dalam Pendidikan	9
1.2 Ciri-ciri Penyelidikan Dalam Pendidikan	10
1.3 Pendekatan Penyelidikan Dalam Pendidikan	11
1.4 Etika Penyelidikan Dalam Pendidikan	13
Tajuk 2: Jenis-jenis Penyelidikan Dalam Pendidikan	17
Sinopsis	17
Hasil Pembelajaran	17
Ringkasan Tajuk	18
2.1 Jenis Penyelidikan	18
2.1.1 Penyelidikan Asas	19
2.1.2 Penyelidikan Gunaan	19
2.1.3 Penyelidikan Tindakan	20
2.1.4 Penyelidikan Penilaian	23
2.2 Reka Bentuk Penyelidikan	23
2.2.1 Penyelidikan Kuantitatif	24
2.2.2 Penyelidikan Kualitatif	26
Tajuk 3: Prosedur Penyelidikan dalam Pendidikan	31
Sinopsis	31
Hasil Pembelajaran	31
Ringkasan Tajuk	32
3.1 Menyatakan Masalah Kajian	33
3.1.1 Sebelum Menyatakan Masalah	33
3.1.2 Semasa Merangka Pernyataan Masalah	34
3.2 Menetapkan Objektif Kajian	35
3.3 Membentuk Soalan Kajian	35
3.4 Membentuk Hipotesis Kajian	36
3.5 Melakukan Tinjauan Literatur	37
3.6 Merancang Reka Bentuk Kajian	38
3.7 Menentukan Prosedur Persampelan	39
3.8 Membina Instrumen Kajian	40
3.9 Menyatakan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen	41

	Muka surat
3.10 Menentukan Prosedur Pengumpulan Data	42
3.11 Mengumpul Data	42
3.12 Menganalisis dan menghurai Data	43
3.13 Membincang Dan Melapor Hasil Kajian	44
Tajuk 4: Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan	46
Sinopsis	46
Hasil Pembelajaran	46
Ringkasan Tajuk	47
2.1 Abstrak	47
2.2 Konteks	48
2.3 Fokus Kajian	49
2.4 Pelan Tindakan	52
2.5 Pelaksanaan Pelan Tindakan	52
2.6 Metodologi Kajian	54
2.6.1 Sampel Penyelidikan	55
2.6.2 Kaedah Pengumpulan Data	56
2.7 Analisis Dan Huraian Data	57
2.8 Refleksi Dan Implikasi	61
2.9 Tindakan Susulan	64
2.10 Sumber Rujukan	65
2.10.1 Menulis rujukan dalam teks	65
2.10.2 Menulis rujukan dalam Senarai Rujukan	66
2.10.3 Menulis rujukan untuk nama pengarang Asia	67
Tajuk 5: Cara-cara Menyebarkan Dapatan Penyelidikan Tindakan	71
Sinopsis	71
Hasil Pembelajaran	71
Ringkasan Tajuk	72
5.1 Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Penyebaran Dapatan Penyelidikan?	72
5.2 Mengapa Penting Menyebarkan Dapatan Penyelidikan?	73
5.3 Apakah Cara-cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan?	73
5.4 Apakah Kelebihan Dan Kekurangan Ssesetengah Cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan	75
5.5 Apakah Kriteria Yang Perlu Dipertimbangkan Semasa memilih Cara Penyebaran?	78
5.6 Apakah Perkara Yang Perlu Dipertimbangkan Bila Menganjurkan Sesuatu Seminar?	78
Bibliografi	80
Panel Penulis & Pemurni Modul	85
Ikon	86

## PANDUAN PELAJAR

Modul ini disediakan untuk membantu anda menguruskan pembelajaran anda agar anda boleh belajar dengan lebih berkesan. Anda mungkin kembali semula untuk belajar secara formal selepas beberapa tahun meninggalkannya. Anda juga mungkin tidak biasa dengan mod pembelajaran arah sendiri ini. Modul ini memberi peluang kepada anda untuk menguruskan corak pembelajaran, sumber-sumber pembelajaran, dan masa anda.

**Pembelajaran arah sendiri** memerlukan anda membuat keputusan tentang pembelajaran anda. Anda perlu memahami corak dan gaya pembelajaran anda. Adalah lebih berkesan jika anda menentukan sasaran pembelajaran sendiri dan aras pencapaian anda. Dengan cara begini anda akan dapat melalui kursus ini dengan mudah. Memohon bantuan apabila diperlukan hendaklah dipertimbangkan sebagai peluang baru untuk pembelajaran dan ia bukannya tanda kelemahan diri.

Modul ini ditulis dalam susunan **tajuk**. Jangka masa untuk melalui sesuatu tajuk bergantung kepada gaya pembelajaran dan sasaran pembelajaran sendiri anda. **Latihan-latihan** disediakan dalam setiap tajuk untuk membantu anda mengingat semula apa yang anda telah pelajari atau membuatkan anda memikirkan tentang apa yang anda telah baca. Jawapan untuk kebanyakan latihan boleh didapati daripada nota yang disediakan. Bagi latihan-latihan yang tiada mempunyai cadangan jawapan daripada nota, adalah lebih membantu jika anda berbincang dengan orang lain seperti rakan anda atau menyediakan sesuatu nota untuk dibincangkan semasa sesi tutorial.

Modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan lima belas jam interaksi bersemuka dalam bilik kuliah. Tiada kuliah atau tutorial diadakan untuk tajuk-tajuk dalam modul ini. Walau bagaimanapun, anda boleh berbincang dengan pensyarah, tutor atau rakan anda melalui email jika terdapat masalah berhubung dengan modul ini.

Anda akan mendapati bahawa **ikon** digunakan untuk menarik perhatian anda agar pada sekali imbas anda akan tahu apa yang harus dibuat. Lampiran A menerangkan kepada anda makna-makna ikon tersebut.

Anda juga diperlukan untuk menduduki **peperiksaan bertulis** pada akhir kursus. Tarikh dan masa peperiksaan akan diberitahu apabila anda mendaftar. Peperiksaan bertulis ini akan dilaksanakan di tempat yang akan dikenal pasti.

### Tip untuk membantu anda melalui kursus ini.

1. Cari sudut pembelajaran yang sunyi agar anda boleh meletakkan buku dan diri anda untuk belajar. Buat perkara yang sama apabila anda pergi ke perpustakaan.
2. Peruntukkan satu masa setiap hari untuk memulakan dan mengakhiri pembelajaran anda. Patuhi waktu yang diperuntukkan itu. Setelah membaca modul ini teruskan membaca buku-buku dan bahan-bahan rujukan lain yang dicadangkan.

3. Luangkan sebanyak masa yang mungkin untuk tugas tanpa mengira sasaran pembelajaran anda.
4. Semak dan ulangkaji pembacaan anda. Ambil masa untuk memahami pembacaan anda.
5. Rujuk sumber-sumber lain daripada apa yang telah diberikan kepada anda. Teliti maklumat yang diterima.
6. Mulakan dengan sistem fail agar anda mengetahui di mana anda menyimpan bahan-bahan yang bermakna.
7. Cari kawan yang boleh membantu pembelajaran anda.

## PENGENALAN

Kursus BMM3113 Penyelidikan Tindakan I melibatkan teori dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiga tajuk pertama iaitu Tajuk 1, 2 dan 3 dalam profroma adalah berkaitan dengan penyelidikan dalam pendidikan secara umum manakala Tajuk 4 hingga 15 adalah khusus kepada penyelidikan tindakan. Modul ini mengandungi lima tajuk iaitu:

- |   |                           |
|---|---------------------------|
| Tajuk 1: Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan                           | (Tajuk 1 dalam profroma)  |
| Tajuk 2: Jenis Penyelidikan dan Pengenalan kepada Pelbagai Jenis Reka Bentuk Penyelidikan | (Tajuk 2 dalam profroma)  |
| Tajuk 3: Prosedur Penyelidikan Pendidikan   | (Tajuk 3 dalam profroma)  |
| Tajuk 4: Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan  | (Tajuk 14 dalam profroma) |
| Tajuk 5: Cara-cara Menyebarkan Data Penyelidikan Tindakan                                 | (Tajuk 15 dalam profroma) |

Jika diperhatikan kesemua tajuk untuk penyelidikan secara umum (Tajuk 1-3) dimodulkan. Panel penulis modul sedar bahawa adalah lebih baik sekiranya asas penyelidikan secara umum dikuliahkan dahulu; namun panel terpaksa berbuat demikian atas dua sebab. Pertama, memandangkan masa suntuk dan pensyarah anda terpaksa mengajar tajuk-tajuk penyelidikan tindakan agar anda dapat menyediakan kertas cadangan penyelidikan tindakan dalam tempoh dua bulan sebaik sahaja bermula semester 7. Kedua, kebanyakan tajuk dalam penyelidikan secara umum juga terdapat dalam penyelidikan tindakan dan akan dikuliahkan.

Modul ini disertakan aktiviti dan latihan untuk pengukuhan pembelajaran. Terdapat beberapa aktiviti dan latihan yang disediakan bagi setiap tajuk. Kesemua aktiviti dan latihan ini akan membantu anda membuat refleksi atas apa yang dibaca serta memperkukuhkan kefahaman anda tentang kandungan modul. Jawapan untuk hampir kesemua latihan dan aktiviti boleh

diperoleh daripada nota yang disediakan. Walau bagaimanapun, anda digalakkan membincang bersama rakan anda jawapan yang diperoleh anda. Anda juga digalakkan menghantar jawapan anda kepada pensyarah anda secara emel atau bersemuka.

Sebagai memantapkan lagi kefahaman setiap tajuk dalam kursus ini, anda dinasihatkan membuat banyak rujukan dan pembacaan berdasarkan senarai rujukan dan bahan bacaan tambahan yang disenaraikan bagi setiap tajuk serta rujukan-rujukan lain yang berkaitan termasuk rujukan laman web. Anda juga digalakkan menghubungi pensyarah untuk mendapatkan maklumat lanjut yang berkaitan dengan topik-topik yang dipelajari.

Dalam modul ini, tidak ada perbezaan yang dibuat antara istilah kajian dengan penyelidikan dan antara istilah pengkaji dengan penyelidik. Istilah-istilah ini digunakan secara saling berganti (*interchangeably*).

**Kod & Nama Kursus: BMM3113 Penyelidikan Tindakan I**

	<b>AGIHAN TAJUK</b>
---	---------------------

Kandungan modul ini akan menggantikan satu kredit bersamaan dengan 15/30 jam interaksi bersemuka. Jadual di bawah menjelaskan agihan tajuk-tajuk untuk interaksi bersemuka atau pembelajaran melalui modul.

<b>Bil</b>	<b>Tajuk/Topik</b>	<b>Interaksi Bersemuka (jam)</b>	<b>Modul (jam)</b>	<b>Jumlah Jam</b>
1.	Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan	-	3	3
2.	Jenis Penyelidikan; Pengenalan kepada Pelbagai Jenis Reka Bentuk Penyelidikan	-	3	3
3.	Prosedur Penyelidikan Pendidikan	-	3	3
4.	Penyelidikan Tindakan: Konsep dan Model	3	-	3
5.	Penyelidikan Tindakan: Proses	3	-	3
6.	Penyelidikan Tindakan: Rancangan dan Cadangan	3	-	3
7.	Penyelidikan Tindakan: Kaedah Pengumpulan Data	3	-	3
8.	Penyelidikan Tindakan: Kaedah Pengumpulan Data	3	-	3
9.	Penyelidikan Tindakan: Pertimbangan Semasa Mengumpul Data; Pensampelan, Kesahan, Kebolehpercayaan, Bias	3	-	3
10.	Penyelidikan Tindakan: Analisis Data Kualitatif	3	-	3
11.	Penyelidikan Tindakan: Analisis Data Kuantitatif	3	-	3
12.	Menghuraikan (Menginterpretasikan) Data Penyelidikan Tindakan	3	-	3
13.	Penulisan Laporan Penyelidikan Tindakan	3	-	3
14.	Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan	-	3	3
15.	Cara-cara Menyebarkan Data Dapatan Penyelidikan Tindakan	-	3	3
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>	<b>15</b>	<b>45</b>

<b>TAJUK 1</b>	<b>Pengenalan kepada Kaedah Penyelidikan dalam Pendidikan</b>
----------------	---

**SINOPSIS**

Dalam tajuk ini, anda akan mempelajari tentang tujuan, ciri-ciri, pendekatan dan etika penyelidikan dalam pendidikan. Antara lain, anda akan didedahkan kepada sebab-sebab mengapa penyelidikan dalam pendidikan dijalankan, ciri-ciri penyelidikan dalam pendidikan, pendekatan positif dan interpretatif dan tingkah laku yang perlu diamalkan oleh seseorang penyelidik.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menerangkan empat tujuan penyelidikan dalam pendidikan;
2. menghuraikan empat ciri penyelidikan dalam pendidikan;
3. menerangkan tentang pendekatan positif dan interpretatif;
4. menyatakan dan menerangkan etika penyelidikan dalam pendidikan.

**RINGKASAN TAJUK**



## 1.1 Tujuan Penyelidikan Dalam Pendidikan

Secara umumnya, penyelidikan dijalankan dalam pendidikan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran. Sering kali ia melibatkan penyelesaian masalah atau penjelasan teori pendidikan. Secara khususnya, tujuan penyelidikan boleh dibahagikan kepada empat iaitu penerokaan, penghuraian, penerangan dan ramalan (University of Texas, 2011). Rajah 1.1 merumuskan tujuan penyelidikan dalam pendidikan.

**Rajah 1.1: Tujuan Penyelidikan dalam Pendidikan**



Biasanya, kajian dijalankan untuk menerokai apabila sesuatu masalah masih dalam peringkat awal atau isu yang diterokai agak baru. Ia digunakan untuk menjawab soalan seperti apa, mengapa, dan bagaimana (Babbie, 1989; "Exploratory Research", 2011). Contohnya, pada awal pelaksanaan PPSMI (Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris), kajian mungkin dijalankan untuk menerokai apakah masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.


Satu lagi tujuan penyelidikan ialah untuk penghuraian. Kajian sedemikian biasanya dijalankan untuk menghuraikan perkara (Kotler & Armstrong, 2005) seperti sifat-sifat murid yang suka ponteng kelas, ciri-ciri guru yang baik dan sebagainya. Akan tetapi kajian sedemikian tidak menerangkan mengapa dan bagaimana. Untuk itu, seseorang penyelidik akan menjalankan kajian dengan tujuan untuk menerangkan. Contohnya, kajian boleh dijalankan untuk menerangkan mengapa tahap kelesuan guru di Lembah Kelang adalah agak

tinggi. Tujuan terakhir penyelidikan adalah untuk ramalan. Dalam hal ini, kajian dijalankan untuk menentukan kesudahan pada masa depan berdasarkan data pada masa kini. Contohnya, kajian boleh dijalankan untuk menentukan sama ada calon yang mendapat skor yang tinggi dalam Ujian MTEST (*Malaysian Teacher Selection Test*) juga akan menjadi guru yang cemerlang pada masa hadapan.

## 1.2 Ciri-Ciri Penyelidikan Dalam Pendidikan

Sesuai penyelidikan biasanya mempunyai empat ciri utama iaitu ia berbentuk empirikal, sistematik, mengikut langkah-langkah logikal dan mematuhi kaedah saintifik. Rajah 1.2 merumuskan keempat-empat ciri penyelidikan dalam pendidikan.

**Rajah 1.2: Ciri-ciri Penyelidikan dalam Penyelidikan**



Penyelidikan dikatakan berbentuk empirikal kerana data dikutip melalui pemerhatian, pengalaman atau pengujian yang sebenar. Sering kali data dikutip secara langsung daripada responden. Data boleh dikutip melalui pelbagai kaedah. Contohnya, data boleh dikutip daripada responden melalui soal selidik; atau data boleh dikutip apabila pengkaji memerhati responden dalam *setting* tertentu (misalnya, bilik darjah). Data juga boleh dikutip melalui analisis dokumen seperti buku kedatangan murid dan rekod profil murid.

Penyelidikan dikatakan sistematik kerana biasanya ia dirancang dan diurus dengan teliti serta mengikuti prosedur-prosedur tertentu. Kesemua ini adalah perlu untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penyelidikan. Penyelidikan juga mengikuti langkah-langkah yang logikal. Biasanya, penyelidikan bermula dengan pengenalanpastian masalah dan ini diikuti dengan tinjauan literatur, pembentukan soalan kajian, pengumpulan data, penganalisan data dan rumusan kajian.

Seperti yang dinyatakan di atas, penyelidikan dalam pendidikan biasanya bermula dengan pengenalanpastian masalah. Ini diikuti dengan cadangan hipotesis untuk menerangkan sesuatu fenomena dan kemudian menjalankan langkah-langkah penyelidikan untuk menentukan sama ada hipotesis yang dicadangkan itu boleh diterima atau tidak. Penyelidikan juga dijalankan secara objektif iaitu semua dapatan adalah berdasarkan bukti empirikal. Disebabkan itu, penyelidikan dalam pendidikan dikatakan mengikuti kaedah saintifik. Contohnya, seseorang penyelidik mungkin bermula kajian dengan hipotesis bahawa masalah disiplin di sekolah semakin bertambah disebabkan pengaruh media massa. Kemudian beliau akan menjalankan langkah seperti mengumpul data melalui soal selidik atau memerhatikan murid di beberapa buah sekolah untuk mengumpul data bagi menentukan sama ada hipotesis beliau boleh diterima atau tidak.



Syabas! Berehatlah sebentar. Selepas itu, kita akan membincangkan tentang pendekatan dan etika penyelidikan dalam pendidikan

### **1.3 Pendekatan Penyelidikan Dalam Pendidikan**

Terdapat dua pendekatan dalam penyelidikan iaitu pendekatan positif dan interpretatif. Pendekatan positif menekankan ketepatan bukti penyelidikan dengan menggunakan data dalam bentuk numerikal (Chua, 2006). Dalam pendekatan ini, pengkaji berpegang kepada kepercayaan bahawa ilmu adalah

objektif iaitu ilmu dan realiti tidak bergantung kepada interpretasi manusia. Oleh itu sesuatu situasi boleh digambarkan melalui nombor. Contohnya, kita boleh tentukan sebab-sebab utama mengapa murid ponteng sekolah berdasarkan kepada purata skor item-item sebuah soal selidik. Pendekatan positivis juga biasa dikenali sebagai pendekatan kuantitatif.

Pendekatan interpretatif pula menghuraikan sesuatu fenomena dengan menggunakan data deskriptif verbal iaitu dengan menggunakan perkataan berbanding nombor (Chua, 2006). Dalam pendekatan ini, pengkaji berpegang kepada kepercayaan bahawa ilmu dan realiti adalah dibina oleh manusia. Oleh itu, realiti sesuatu situasi hanya dapat digambarkan melalui interpretasi pengkaji. Contohnya, kita boleh tentukan sebab-sebab utama mengapa murid ponteng sekolah berdasarkan pemerhatian kita tentang apa yang berlaku di sekolah serta temu bual kita dengan guru, murid, ibu bapa dan mana-mana pihak yang terlibat. Kemudian kita membuat huraian dan interpretasi berdasarkan pemerhatian dan temu bual kita untuk menentukan sebab-sebab utama mengapa murid ponteng sekolah. Ini berbeza dengan pendekatan positivis yang bergantung kepada nombor semata-mata. Pendekatan interpretatif juga dikenali sebagai pendekatan kualitatif.



Berhenti dan renungkan. Apakah perbezaan antara pendekatan positivis dan interpretatif?

Jadual 1.1 merumuskan perbezaan antara pendekatan positivis dan interpretatif. Perbezaan dilihat dari segi enam aspek iaitu tujuan, pendekatan, terjemahan realiti, pembolehubah dalam kajian, cara menganalisis data dan alat-alat atau instrumen kajian.

**Jadual 1.1 : Perbezaan antara pendekatan positivis dan interpretatif**

Perbezaan	Positivis	Interpretatif
Tujuan	Menyelidik hubungan, sebab dan kesan	Memahami fenomena sosial
Pendekatan	Menguji teori – meningkatkan ramalan fenomena; deduktif	Memahami fenomena melalui makna yang diberi oleh pemerhati; induktif;
Realiti	Objektif – ditentukan oleh peraturan	Bergantung kepada terjemahan pemerhati
Pembolehubah	Biasanya ditentukan dari awal kajian	Tidak ditentukan dari awal kajian
Analisis data	Analisis statistik ke atas data numerik	Deskripsi dan interpretasi naratif (perkataan)
Alat-alat	Menggunakan alat piawai	Menggunakan interaksi bersemuka

(Sumber: Diubahsuai daripada Ansary, Mansor & Abd. Razak, 2006, ms. 5)

#### 1.4 Etika Penyelidikan Dalam Pendidikan

Apakah yang dimaksudkan dengan etika? Etika boleh didefinisikan sebagai norma-norma perlakuan yang membezakan antara tingkah laku yang boleh dan yang tidak boleh diterima (Resnick, 2011). Kod etika penyelidikan diperlukan untuk memastikan bahawa dapatan kajian sah, boleh percaya dan diperolehi melalui cara yang wajar. Unsur-unsur dalam kod etika termasuklah nilai, kesedaran diri, profesionalisme, kebolehpercayaan dan panduan disiplin (Chua, 2006).

Berikut adalah beberapa perlakuan dalam kod etika penyelidikan yang diharapkan daripada seseorang penyelidik dalam pendidikan:

1. Jujur dalam semua hal berkaitan dengan kajian yang dijalankan; Contohnya, seseorang penyelidik tidak seharusnya mereka data atau melaporkan dapatan yang palsu.
2. Berintegritas. Contohnya, seseorang penyelidik perlu bertindak dengan ikhlas, tekal dengan pemikiran dan tindakannya dan akur dengan semua janjinya.
3. Menghormati dan merahsiakan identiti responden.
4. Adil kepada semua responden.
5. Mendapat persetujuan responden sebelum melibatkannya.
6. Membenarkan responden berhenti daripada melibatkan diri pada bila-bila masa.
7. Tidak menggunakan paksaan dalam pengumpulan data,
8. Berhati-hati dalam semua kerja berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan.
9. Mempunyai sikap terbuka; contohnya sedia menerima kritikan yang berasas
10. Menghormati harta intelek dan hak cipta terpelihara semasa membuat laporan



Syabas! Kita sudah sampai ke penghujung tajuk ini. Berehatlah sebentar sebelum anda menguji kefahaman anda.



### **Mari Menguji Kefahaman Anda**

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

1. Beri satu contoh penyelidikan bagi setiap tujuan penyelidikan yang berikut:
  - (a) penerokaan
  - (b) penghuraian
  - (c) penerangan
  - (d) ramalan.
  
2. Huraikan empat ciri penyelidikan dalam pendidikan.
  
3. Jelaskan tiga perbezaan antara pendekatan penyelidikan kuantitatif dan pendekatan penyelidikan kualitatif.
  
4. Seorang penyelidik perlu memberi perhatian terhadap prinsip etika semasa mengutip data daripada peserta kajian. Terangkan lima prinsip berkaitan dengan etika penyelidikan yang harus dipertimbangkan semasa melaksanakan pengutipan data.



### **Senarai Rujukan dan Bahan Bacaan**

#### **Senarai Rujukan**

Ansary Ahmed, Mansor Fadzil, & Abd. Razak Habib. (2006). *HBEF 2503 Kaedah kajian dalam pendidikan*. Malaysia: Open University (Universiti Terbuka).

Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C. & Razavieh. (2010). *Introduction to research in education* (8<sup>th</sup> ed.). Canada: Wadsworth

Babbie, E. (1989). *The practice of social research* (5<sup>th</sup> ed.). Belmont CA: Wadsworth

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).

*Exploratory research*. (2011). Diperoleh November 23, 2011, daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory\\_research](http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory_research)

Kotler, P. & Armstrong, G. (2005). *Principles of marketing*. Addison Wesley Longman

Resnick, D. B. (2011). *What is ethics in research & why is it important?* Diperoleh November, 23, 2011 daripada <http://www.niehs.nih.gov/research/resources/bioethics/whatis/>

University of Texas. (2011). *Educational research process*. Diperoleh November 23, 2011 daripada <http://www.utexas.edu/academic/ctl/assessment/iar/research/plan/process.php>

#### Bacaan Tambahan

Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2008). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.

Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2008). *Research methods in education: An introduction*. USA: Allyn & Bacon.



**TAJUK 2****Jenis-jenis Penyelidikan Pendidikan****SINOPSIS**



Tajuk ini mengandungi dua bahagian. Dalam bahagian pertama, anda akan mempelajari tentang jenis-jenis penyelidikan dalam pendidikan. Jenis-jenis penyelidikan yang akan dibincangkan ialah penyelidikan asas, gunaan, tindakan dan penilaian. Dalam bahagian kedua, anda akan mempelajari tentang reka bentuk penyelidikan dalam pendidikan yang dibahagikan kepada dua iaitu reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan kualitatif.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menyatakan empat jenis penyelidikan dalam pendidikan;
2. menerangkan empat jenis penyelidikan dalam pendidikan;
3. menyatakan empat reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan tiga reka bentuk penyelidikan kualitatif;
4. menghuraikan serta memberi contoh empat reka bentuk penyelidikan kuantitatif dan tiga reka bentuk penyelidikan kualitatif.

## RINGKASAN TAJUK



### 2.1 Jenis Penyelidikan

Terdapat empat jenis penyelidikan iaitu penyelidikan asas, penyelidikan gunaan, penyelidikan tindakan dan penyelidikan penilaian. Huraian di bawah menerangkan setiap daripada penyelidikan tersebut.

### 2.1.1 Penyelidikan Asas

Penyelidikan asas merupakan suatu penyelidikan yang berasaskan kepada penyiasatan dan analisis yang berfokuskan kepada kefahaman sesuatu subjek, fenomena atau keadaan semula jadi tetapi tidak memerlukan rawatan ataupun penyelesaian. Pada amnya, penyelidikan asas adalah untuk memperluaskan pengetahuan sedia ada serta menambahkan maklumat mengenai masalah yang hendak dikaji dan ianya dijalankan sebelum menjalankan kajian selanjutnya (Rosinah, 2011).

### 2.1.2 Penyelidikan Gunaan

Penyelidikan gunaan merupakan penyelidikan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah yang lebih praktikal. Ianya bukan digunakan untuk tujuan menambah ilmu pengetahuan tetapi lebih kepada menyelesaikan situasi kemanusiaan (*human condition*). Penyelidikan gunaan dijalankan untuk menerokai dan mengenalpasti masalah bagi tujuan merancang strategi dan tindakan untuk menyelesaikan masalah berkenaan (Rosinah, 2011).

Sebagai contoh penyelidikan gunaan mengkaji cara-cara:

- memperbaiki pengeluaran tanaman
- merawat penyakit
- menambahbaik kecekapan penggunaan tenaga di rumah, pejabat atau pengangkutan.



Syabas! Berehatlah sebentar. Selepas itu, kita akan membincangkan tentang penyelidikan tindakan dan penyelidikan penilaian.

### 2.1.3 Penyelidikan Tindakan

#### Definisi

Penyelidikan tindakan telah mendapat tempat yang baik dalam bidang pendidikan terutamanya dalam konteks perkembangan profesionalisme dan pembuat keputusan berasaskan data (Othman, 2011). Ia biasanya digunakan untuk menyelesaikan masalah sosial (organisasi) atau pun fenomena dalam jangka masa yang singkat (Lewin, 1964); ini termasuklah bidang-bidang seperti bidang perubatan, keselamatan, pendidikan dan sebagainya.

Tujuan melakukan penyelidikan tindakan adalah untuk memperbaiki kualiti sesuatu amalan bagi pengamal atau pun individu yang terlibat dengan situasi sosial berkenaan bagi memperbaiki kefahamannya tentang sesuatu peristiwa, situasi dan masalah agar keberkesanan amalan dapat diperbaiki (Chua, 2006). Banyak definisi tentang penyelidikan telah dikemukakan oleh ahli-ahli penyelidikan tindakan. Antaranya:

Elliot dan Adelman (1976 , seperti dinyatakan dalam Chua, 2006) telah mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai satu pendekatan penyelidikan yang berusaha mempertingkatkan mutu profesionalisme para pendidik dengan cara menyelidik situasi sosial di organisasi pendidikan, dan tujuan penyelidikan tindakan ialah untuk memperbaiki kualiti amalan harian.

Manakala Ebutt (seperti dinyatakan dalam Chua, 2006) pula mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai suatu penyelidikan yang dibuat oleh individu atau golongan yang merupakan pengamal kepada amalan harian dalam suatu sosial atau fenomena.

Kurt Lewin (1947) mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai suatu proses lingkaran tiga-langkah iaitu (1) perancangan yang melibatkan tinjauan; (2) mengambil tindakan; dan (3) pencarian fakta tentang keputusan daripada tindakan yang dibuat (Othman, 2011).

Stephen Corey (seperti dinyatakan dalam Othman, 2011) pula mendefinisikan penyelidikan tindakan sebagai usaha yang dilakukan oleh pengamal untuk mengkaji masalah yang dihadapi secara saintifik supaya dapat memberi panduan, membuat pembetulan dan menilai keputusan dan tindakan yang dilakukan.

Mills (2000, seperti dinyatakan dalam Othman, 2011) berpendapat bahawa kajian tindakan adalah satu inkuiri yang dijalankan secara sistematik oleh guru, guru besar atau pengetua, guru-guru pembimbing atau guru lain yang berkepentingan dalam suasana pengajaran/perkembangan pelajar bagi mengumpulkan maklumat tentang perjalanan sekolah mereka, bagaimana pengajaran dibuat dan bagaimana pelajar belajar.

Walaupun berbagai definisi telah diberikan, secara umumnya ahli-ahli penyelidikan tindakan bersetuju bahawa penyelidikan tindakan adalah satu kajian inkuiri di mana pengkaji perlu membuat perbincangan, refleksi dan membuat keputusan ke arah tindakan yang baru sama ada mengaplikasikan penemuan baru atau pun mendefinisikan semula masalah.




Berhenti dan renungkan. Berdasarkan definisi-definisi di atas, senaraikan ciri-ciri penyelidikan tindakan.


### **Model Penyelidikan Tindakan**

Terdapat beberapa model penyelidikan tindakan yang dicadangkan oleh para penyelidik yang dapat membantu guru untuk menjalankan kajian di bilik darjah. Dua model dibincangkan di bawah iaitu Model Kemmis dan McTaggart (1988) dan Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis yang dikembangkan daripada Model Kemmis dan McTaggart.

(a) Model Kemmis dan McTaggart (1988)



(b) Model Spiral Kajian Tindakan Kemmis



Sumber: Maznah et al. (2006)

Berdasarkan pada kedua-dua model di atas, kajian tindakan adalah merupakan satu proses berulang iaitu kajian yang berterusan ke atas amalan sosial dan penyelidik membuat refleksi tentang tindakannya dalam kitaran pertama sebelum kitaran kedua bermula sama ada tindakannya telah mengubah keadaan semasa atau pun tidak (Chua, 2006). Proses kajian tindakan akan diulang semula jika didapati perlu berbuat demikian dengan memilih tindakan lain yang dapat membantu menyelesaikan masalah sosial berkenaan. Ini akan dilakukan dalam kitaran kajian tindakan selanjutnya.

#### **2.1.4 Penyelidikan Penilaian**

Penyelidikan penilaian merupakan suatu bentuk penyelidikan untuk mengkaji kesan atau hasil daripada sesuatu program atau pun intervensi sosial. (Rosinah, 2011). Sering kali tujuan penyelidikan penilaian adalah untuk penambahbaikan program atau intervensi.



Kaji semula kedua-dua model penyelidikan tindakan di atas dan nyatakan perbezaannya.

## **2.2 Reka Bentuk Penyelidikan**

Terdapat dua reka bentuk penyelidikan yang utama iaitu penyelidikan kuantitatif dan kualitatif. Contoh penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan eksperimental, kuasi-eksperimental, tinjauan dan korelasi manakala contoh penyelidikan kualitatif pula ialah penyelidikan etnografi, kajian kes dan bersejarah.

### 2.2.1 Penyelidikan Kuantitatif

Istilah kuantiti bermaksud bilangan atau banyak. Kuantiti juga merujuk kepada bilangan yang diskrit. Berdasarkan kepada istilah ini, penyelidikan kuantitatif adalah dikaitkan dengan data berangka dan ketepatan. Data yang dipungut dalam penyelidikan kuantitatif adalah dianalisis dengan ujian statistik dan masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis (Chua,2006).

Pembolehubah dalam penyelidikan kuantitatif dioperasionalkan sebelum diukur dan ianya perlu mendapat kesahan dan kebolehpercayaan terlebih dahulu. Berikut ialah huraian bagi empat reka bentuk penyelidikan kuantitatif yang di adaptasi daripada Chua (2006).

#### (a) Eksperimental

Reka bentuk kajian eksperimental merupakan reka bentuk kajian perbandingan antara kumpulan-kumpulan yang paling baik iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Dalam reka bentuk ini kumpulan-kumpulan diagihkan secara rawak dan responden mempunyai ciri-ciri yang sama.

Terdapat lima reka bentuk kajian eksperimental yang sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif iaitu:

- i reka bentuk ujian pasca
- ii reka bentuk pra-pasca
- iii reka bentuk empat kumpulan Solomon
- iv reka bentuk penukar-gantian
- v reka bentuk faktorial

#### (b) Kuasi-eksperimental

Reka bentuk kuasi-eksperimental digunakan untuk menggantikan reka bentuk eksperimental apabila responden tidak dapat diagihkan secara rawak. Ia adalah suatu kajian yang digunakan untuk menilai keberkesanan sesuatu



program. Terdapat tiga reka bentuk kajian kuasi-eksperimental yang sering digunakan dalam penyelidikan kuantitatif iaitu:

- i reka bentuk ujian pra-pasca kumpulan - kumpulan tidak seimbang
- ii reka bentuk regresi tidak bersambungan
- iii reka bentuk siri masa.

(c) Tinjauan

Kajian tinjauan adalah salah satu kaedah penyelidikan kuantitatif yang paling popular dalam kajian sains sosial. Kaedah ini banyak digunakan oleh berbagai pihak untuk meninjau keberkesanan sesuatu produk atau pun meninjau pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu seperti majalah, televisyen dan sebagainya.

Reka bentuk kajian tinjauan boleh digunakan dalam semua bidang termasuk pendidikan, keselamatan, sosial, psikologi, kesihatan dan sebagainya. Maklumat daripada kajian tinjauan boleh diperoleh terus daripada subjek kajian dan ianya sesuai digunakan untuk menghurai fenomena yang diminati oleh pengkaji. Reka bentuk kajian ini juga boleh meramalkan isu masyarakat semasa yang timbul.

Dalam kajian tinjauan, penyelidik biasanya akan memilih responden daripada satu populasi secara rawak. Proses dan langkah-langkah yang perlu diambil kira adalah:

- i menyatakan tujuan kajian
- ii mengenal pasti sumber yang diperlukan
- iii mengenalpasti populasi sasaran
- iv menentukan saiz sampel
- v menentukan kaedah kajian tinjauan
- vi menyediakan instrumen kajian
- vii menganalisis data kajian
- viii membuat generalisasi hasil kajian.

(d) Korelasi

Reka bentuk korelasi merupakan kajian untuk menentukan perhubungan antara variabel. Contohnya, penyelidik ingin menentukan perhubungan antara prestasi murid dan kepimpinan transformasional guru besar.

Reka bentuk korelasi terbahagi kepada dua iaitu korelasi positif dan korelasi negatif. Korelasi positif bermaksud semakin guru besar mengamalkan kepimpinan transformasional, prestasi murid semakin meningkat. Di seblainya, korelasi negatif bermaksud semakin guru besar tidak mengamalkan kepimpinan transformasional, prestasi murid semakin meningkat.



Beri contoh penyelidikan bagi setiap jenis penyelidikan kuantitatif yang dibincangkan di atas.

### 2.2.2 Penyelidikan Kualitatif

Pendekatan kualitatif adalah kaedah penyelidikan yang lebih kepada mengkaji sesuatu fenomena/situasi dalam konteks sebenar (*natural setting*) atau semula jadi. Ianya menggunakan kaedah inkuiri yang bukan bersifat statistik (Chua, 2006). Penyelidikan kualitatif dilakukan untuk mendapat kefahaman yang mendalam tentang sikap, emosi, kepercayaan, tingkah laku individu atau sekumpulan individu. Penyelidikan kualitatif telah mula mendapat tempat dalam kalangan penyelidik di Malaysia. Ianya lebih memfokuskan kepada manusia. Manusia secara individu dan kolektif membentuk, mengubahsuai, menginterpretasi dan membina makna pada alam sekeliling mereka (Lim, 2011).

Pendekatan kualitatif menggunakan kaedah penyiasatan untuk menjawab persoalan kajian 'mengapa' dan 'bagaimana'. Antara reka bentuk kajian kualitatif ialah:

(a) Kajian etnografi

Reka bentuk ini merupakan kajian tentang peristiwa dan budaya sesebuah masyarakat. Reka bentuk ini merujuk kepada interaksi antara individu dalam konteks sosiobudaya, kepercayaan serta amalan mereka. Tujuan kajian ini adalah untuk mempelajari dan memahami dengan mendalam sesuatu fenomena/situasi atau pun budaya sesebuah masyarakat. Pengumpulan data boleh diperoleh melalui pemerhatian, temu bual, soal selidik dan sebagainya (Akhiar & Shamsina, 2011). Contoh kajian etnografi ialah kajian tentang faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi cemerlang mata pelajaran Matematik bagi murid-murid Cina .

(b) Kajian kes

Reka bentuk kajian kes merupakan kajian deskriptif secara menyeluruh. Kajian ini dibuat secara terperinci dan intensif ke atas satu unit kecil sosial seperti sekumpulan murid yang ponteng kelas Matematik di sekolah. Reka bentuk kajian kes adalah juga suatu kajian yang terbatas ataupun mempunyai sempadan. Kelebihan kajian kes ialah penyelidik mampu mendapat maklumat secara mendalam, terperinci serta menyeluruh mengenai sesuatu kes (Akhiar & Shamsina, 2011)

(c) Kajian sejarah

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah kajian yang dilakukan melalui pengumpulan data secara sistematik dan penilaian data-data secara objektif terhadap peristiwa yang telah berlaku pada masa lepas (Chua,2006). Tujuan menjalankan kajian sejarah adalah untuk menghuraikan peristiwa lampau supaya ramalan tentang peristiwa masa depan dapat dilakukan. Reka bentuk kajian ini tidak memanipulasikan atau mengawal variabel. Penyelidik yang

menjalankan kajian ini harus tidak membenarkan emosinya mempengaruhi dirinya supaya penyelidik dapat membuat kesimpulan yang adil dan tidak berat sebelah (Chua,2006).

Kesemua reka bentuk kajian kualitatif ini mempunyai ciri-ciri yang sama iaitu:

- i penyelidikan dijalankan dalam persekitaran semula jadi
- ii berbilang realiti sosial
- iii realiti sosial tertambat kepada konteks
- iv kepentingan niat
- v mengkaji kes
- vi mementingkan “makna”
- vii tumpuan pada tindakan
- viii mengkaji secara holistik
- ix teori berpaksikan logik induktif
- x kefleksibelan reka bentuk
- xi kesukaran pereplikaan
- xii penyelidik sebagai instrumen kajian
- xiii penglibatan penyelidik secara peribadi
- xiv nilai adalah sebahagian daripada inkuiri
- xv fokus pada proses
- xvi bentuk data
- xvii pendekatan menganalisis data



Sebelum kita teruskan, mungkin anda berminat melayari internet untuk mencari artikel yang berkaitan dengan penyelidikan dalam pendidikan. Cuba layari laman ini: [http://www.unesco.org/iip/PDF/TR\\_Mods/Qu\\_Mc](http://www.unesco.org/iip/PDF/TR_Mods/Qu_Mc)

Selamat mencuba!



### **Mari Menguji Kefahaman Anda**

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

- 1 Bincangkan perbezaan antara penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif.
- 2 Huraikan jenis-jenis penyelidikan dalam pendidikan dengan memberikan contoh bagi setiap satu.
- 3 Bincangkan perbezaan antara reka bentuk eksperimental dan kuasi-eksperimental.
4. Pada pendapat anda, kenapa kajian tinjauan sangat popular dalam kajian sains sosial?
5. Cadangkan satu tajuk kajian tinjauan yang anda suka dan huraikan bagaimana kajian tersebut boleh dijalankan dari segi:
  - penentuan sampel kajian dan
  - reka bentuk kajian
6. Dengan menggunakan rajah, huraikan Model Spiral Kajian Tindakan.



### **Senarai Rujukan dan Bacaan Tambahan**

#### **Senarai Rujukan**

Akhiar Pardi dan Shamsina (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan tindakan*. Selangor:Penerbitan Multimedia sdn.Bhd.

Chua, Y.P. (2006). *Kaedah dan statistik penyelidikan. Buku 1. Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill

Lim C.H.(2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hills

Maznah Abd. Samad, Boon Pong Ying, Rafidah Ruhani, Lee Hah, Chuah Kim Hwa & Noriati Ab. Rashid. (2006). *Kursus diploma perguruan Malaysia. Ilmu pendidikan modul 3/3, unit 2/2 – Refleksi pasca praktikum dan penyelidikan tindakan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia

Norsiah Fauzan (2009). *Introduction to qualitative research methods*. Selangor: Arah Publications.

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan : Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.

### **Bacaan Tambahan**

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan. Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2008). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.

Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2008). *Research methods in education: An introduction*. USA: Allyn & Bacon.

<b>TAJUK 3</b>	<b>Prosedur Penyelidikan Dalam Pendidikan</b>
----------------	---

**SINOPSIS**


Bab ini menghidangkan aspek-aspek berkenaan dengan prosedur penyelidikan dalam pendidikan dengan memberi penekanan terhadap pendekatan kuantitatif. Antara prosedur penyelidikan yang akan anda pelajari ialah cara menyatakan masalah kajian, menetapkan objektif kajian, merancang reka bentuk kajian, menentukan prosedur persampelan, membina instrumen kajian, mengumpul data dan menganalisis dan menghurai data serta membincang dan melapor hasil kajian.

**HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menulis pernyataan masalah
2. menulis objektif
3. menulis soalan kajian
3. menulis hipotesis kajian
4. melakukan tinjauan literatur
5. merancang reka bentuk kajian
6. menentukan prosedur persampelan
7. membina instrumen kajian
8. menerangkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen
9. menentukan prosedur pengumpulan data
10. menganalisis dan menghurai data
11. membincang dan melapor hasil kajian

**RINGKASAN TAJUK**





### **3.1 Menyatakan Masalah Kajian**

#### **3.1.1 Sebelum Menyatakan Masalah**

Jika anda merupakan penyelidik permulaan besar kemungkinan anda akan berasa gelisah apabila hendak memulakan penyelidikan. Keresahan tersebut harus ditangani sebaik mungkin demi menjayakan penyelidikan tersebut. Sebelum anda memulakan penyelidikan, anda mungkin perlu mempertimbangkan perkara-perkara dibawah:

- bagaimana hendak memulakan kajian?
- apakah topik yang serasi dengan diri anda?
- apakah jenis responden kajian anda?
- berapa banyak data yang perlu anda memungut?
- apakah topik yang anda meminati?
- apakah anda mempunyai tahap pengetahuan yang memadai untuk topik yang ingin dikaji?

Selain perkara-perkara di atas, anda juga perlu melaksanakan tinjauan berkaitan dengan status dan latar belakang topik yang ingin dikaji; khususnya, anda perlu:

- membuat pembacaan berkaitan topik
- membuat percambahan idea dengan rakan berkaitan dengan topik
- mengkaji topik berdasarkan pembelajaran yang diperoleh daripada pengalaman sendiri atau daripada jurnal hasil pembacaan
- menentukan kebolehlaksanaan kajian
- memikirkan tentang nilai dapatan kajian yang dicadangkan (sama ada untuk penyelesaian masalah atau memperluaskan teori)

### 3.1.2 Semasa Merangka Pernyataan Masalah

Semasa anda merangka untuk menyatakan masalah, beberapa pertimbangan perlu dibuat, antaranya:

- apakah masalah atau isu?
- siapakah yang menyatakan itu satu isu?
- apakah data yang boleh membuktikan ia adalah suatu isu?

Setelah menjawab soalan-soalan di atas, anda perlu:

- membentuk masalah dengan tepat dan jelas
- mengambil kira apa yang hendak dikaji, bagaimana dan sejauh manakah ia perlu dikaji
- memikirkan definisi konseptual dan operasional
- menentukan cara untuk mengukur
- membuat keputusan menyatakan masalah sama ada dalam bentuk pernyataan ataupun soalan

Berikut adalah satu contoh Pernyataan Masalah:

Inquiry based learning has been advocated for many years as an effective way of engaging students in learning science and mathematics. Previous studies indicate that the most significant obstacle to introducing inquiry learning is the teacher's conceptual understanding of the content. Previous research has shown that teachers' lack of conceptual understanding results in low science or mathematics teaching self-efficacy. Low self-efficacy leads to transmissive modes of teaching. This study will explore the impact of a professional development initiative on teacher self-efficacy.



Berhenti dan bincangkan bersama rakan anda tentang pernyataan masalah di atas dan kenalpasti kenapa penulisan ini dikatakan baik.

### **3.2 Menetapkan Objektif Kajian**

Objektif kajian merupakan penyenaiaan pernyataan tujuan spesifik kajian sebelum sesuatu kajian dilaksanakan. Ia mempermudah dari segi pengutipan data dan alat yang sesuai yang patut digunakan.

#### Contoh objektif kajian:

Objektif kajian ini adalah untuk menentukan sejauh manakah jantina mempengaruhi tahap kelesuan guru di Malaysia.

Berikut adalah perkara yang perlu dipatuhi dalam penetapan objektif supaya dapatan kajian kelak dapat dibandingkan dengan objektif yang dibina:

- Berbentuk operasi, dan dapat menjelaskan tindakan secara spesifik, tempat dan tujuan
- Mengambil kira keadaan sebenarnya
- Penggunaan kata kerja yang spesifik dan boleh dibuat penilaian.

### **3.3 Membentuk Soalan Kajian**

Soalan kajian merupakan soalan yang perlu dijawab dalam penyelidikan. Soalan yang dibina perlu berdasarkan objektif penyelidikan kita. Jawapan kepada soalan akan membantu kita dalam mencapai objektif dan tujuan kajian. Soalan kajian juga dianggap sebagai titik permulaan dalam kaedah penyelidikan sains tulen maupun sains kemasyarakatan. Ia dapat membantu kita membina kerangka konseptual.

Contoh soalan kajian:

Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dengan tahap kelesuan guru di Malaysia?

Pada umumnya, terdapat tiga jenis soalan kajian bagi penyelidikan dalam pendidikan:

(a) Persoalan deskriptif

Fokus kepada penerangan tentang keadaan yang sedia ada; contohnya, situasi sekolah yang sedia ada; sering kali ini dibandingkan dengan penanda piawai atau keadaan yang berlaku dalam institusi pendidikan yang lain.

(b) Persoalan korelasi

Fokus kepada pencarian kaitan antara pembolehubah.

(c) Persoalan penyebab sesuatu fenomena

Fokus kepada pengenalpastian faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya sesuatu fenomena.

### **3.4 Membentuk Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian merupakan andaian kita tentang sesuatu fenomena yang belum dibuktikan. Pernyataan ini menerangkan kemungkinan adanya perkaitan antara pembolehubah dengan masalah yang dikaji.

Hipotesis merupakan lanjutan daripada soalan dan objektif kajian dan boleh membantu dalam menjelaskan perkara yang akan dikaji. Dalam penyelidikan kuantitatif, ia seharusnya boleh diuji secara statistik. Biasanya dalam penyelidikan kuantitatif terdapat dua hipotesis, iaitu hipotesis nol dan hipotesis alternatif, bagi sesuatu pembolehubah.

Contoh hipotesis kajian:

Hipotesis nol: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan tahap kelesuan guru di Malaysia

Hipotesis alternatif: Terdapat hubungan yang signifikan antara jantina dan tahap kelesuan guru di Malaysia

Hipotesis nol dan alternatif adalah berarah; ini bererti ramalan kita tentang perbezaan atau perkaitan antara pembolehubah memihak kepada arah tertentu, contohnya, ada hubungan atau tiada hubungan.

Bagi penyelidikan kualitatif, biasanya terdapat satu hipotesis saja bagi satu pembolehubah; juga hipotesisnya dinyatakan secara umum dan tidak berarah; hipotesis penyelidikan kualitatif tidak diuji secara statistik.



Berhenti dan renungkan. Perhatikan bahawa pada umumnya, soalan kajian dibentuk berdasarkan objektif kajian dan hipotesis kajian pula dibentuk berdasarkan soalan kajian.

### **3.5 Melakukan Tinjauan Literatur**

Menurut Creswell (2008), ulasan karya atau tinjauan literatur adalah ringkasan artikel bersumberkan jurnal, buku-buku dan dokumen berkaitan yang memperihal maklumat masa lalu dan kini. Tujuan meninjau literatur ialah untuk memahami bidang kajian dengan lebih mendalam. Proses tinjauan literatur menggarap sub-proses menjelaskan konsep-konsep penting, teori berkaitan, model-model dan prinsip-prinsip yang berkaitan

dengan kajian. Menerusi tinjauan literatur, kita akan menemui dapatan terkini dan lepas, mengenalpasti persoalan-persoalan yang belum terjawab, serta alat-alat kajian, di mana semua ini akan memimpin kita untuk mereka bentuk ilmu baru.

Berikut merupakan beberapa garis panduan semasa membuat tinjauan literatur:


- kenalpasti kata kunci
- dapatkan sumber literatur yang pelbagai
- menilai pembacaan secara kritikal
- susun bahan literatur
- buat ulasan karya/tinjauan literatur

### **3.6 Merancang Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan strategi untuk menjalankan kajian dan ia merangkumi penetapan jenis penyelidikan sama ada kuantitatif, kualitatif atau gabungan antara kedua-dua jenis. Pertimbangan juga dibuat dalam pemilihan populasi, sampel, pembahagian sampel serta kaedah pengutipan data berdasarkan jenis data bersesuaian dengan kajian. Reka bentuk kajian menimbang faktor seperti pemilihan statistik yang sesuai untuk menjawab soalan kajian, serta kaedah menganalisis data.

Rajah 1 menunjukkan bahawa terdapat 3 reka bentuk kajian utama iaitu reka bentuk kajian kuantitatif, reka bentuk kajian kualitatif dan gabungan antara kedua-dua jenis.

Rajah 1: Reka Bentuk Kajian



Sumber: Saat Md Yasin (2006)

### 3.7 Menentukan Prosedur Persampelan

Prosedur persampelan sangat penting dalam rancangan untuk menentukan bagaimana sampel dipilih. Dalam penyelidikan kuantitatif, prosedur pemilihan sampel adalah lebih ketat berbanding dengan penyelidikan kualitatif. Ini kerana dalam penyelidikan kuantitatif, keputusan kajian perlu digeneralisasi kepada populasi. Disebabkan itu, pemilihan sampel perlu tepat agar kita dapat membuat inferens mengenai populasi. Dalam penyelidikan kuantitatif, terdapat beberapa jenis sampel yang boleh dipilih. Berikut merupakan jenis-jenis sampel tersebut:

(a) Sampel rawak mudah

Ini merupakan cara termudah dan terbaik untuk memperoleh sampel daripada populasi. Setiap ahli dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel.

(b) Sampel berstrata

Teknik ini membahagikan sampel mengikut kumpulan terlebih dahulu sebelum pemilihan sampel dibuat. Contoh kumpulan ialah tahap

kecerdasan murid. Kaedah ini digunakan bagi memastikan sampel yang dipilih diwakili secukupnya oleh setiap golongan dalam populasi; contohnya, sampel mungkin mengandungi 20% murid lemah, 60% murid sederhana dan 20% murid cerdas; pemilihan murid lemah dibuat secara rawak hanya antara murid lemah sahaja; begitu juga dengan pemilihan murid sederhana dan cerdas.

(c) Sampel sistematik

Persampelan ini memerlukan senarai kesemua calon yang berkemungkinan untuk dipilih. Pemilihan calon adalah dibuat dengan memilih setiap  $k$  sampel dari senarai tersebut (dimana  $k$  adalah: bilangan calon dalam populasi  $\div$  bilangan sampel yang diperlukan).

(d) Sampel kelompok

Kaedah ini hampir serupa dengan pensampelan berstrata. Ia dapat menjimatkan wang dan masa bagi kawasan kajian yang kedudukan geografinya jauh antara satu sama lain.

Dalam menentukan saiz sampel, harus diingat bahawa saiz sampel yang kecil tidak dapat memberi maklumat yang tepat berkenaan populasi; semakin besar saiz sampel semakin tepat data yang diperoleh dengan syarat tiada bias dalam pemilihan sampel; akan tetapi semakin besar saiz sampel semakin tinggi kos yang diperlukan.

### 3.8 Membina Instrumen Kajian

Anda mempunyai dua pilihan dalam menentukan kaedah mengumpul data. Satu opsyen adalah dengan mereka bentuk alat mengumpul data yang tersendiri dan yang satu lagi ialah dengan memilih instrumen yang piawai



seperti *Maslach Burnout Inventory*. Sekiranya anda tersilap memilih instrumen, ada kemungkinan terdapat ralat pada kajian anda.

Jika anda membuat keputusan untuk membina instrumen, anda harus akur kepada perkara yang disenarai di bawah. Langkah ini bertujuan supaya maklumat yang diperoleh adalah sah dan boleh dipercayai. Berikut disenaraikan beberapa garis panduan asas dalam membina instrumen kajian:

- kenal pasti dan tentukan item-item untuk dimasukkan ke dalam instrumen
- jalankan ujian rintis bagi mendapatkan maklum balas terhadap instrumen
- taksirkan kesahan instrumen
- tentukan kebolehpercayaan instrumen (bagi penyelidikan kuantitatif)

### **3.9 Menyatakan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Mengikut Lim (2007) kesahan bermaksud sejauh manakah sesuatu instrumen berjaya mengukur perkara yang diingin diukurnya; konsep kesahan berkait dengan interpretasi data, pengkonsepsian fenomena yang dikaji dan metodologi kajian. Menurut Linn dan Gronlund (2000, seperti dinyatakan dalam Lim, 2007) ciri-ciri kesahan termasuk yang berikut

- merujuk kepada kemunasabahan interpretasi yang dibuat pada data wujud dalam bentuk darjah (tinggi, baik dsb)
- spesifik pada interpretasi dan kegunaan tertentu
- membabitkan penilaian secara menyeluruh berkenaan sejauh manakah bukti yang dikemukakan dalam dapatan kajian menyokong kesesuaian interpretasi atau inferens yang dibuat oleh penyelidik

Mengikut Lim (2007) kebolehpercayaan boleh didefinisikan sebagai darjah ketekalan (konsistensi) sesuatu instrumen kajian mengukur sesuatu pembolehubah kajian. Lebih konsisten pengukuran maka lebih tinggi kebolehpercayaan instrumen. Instrumen dikatakan mempunyai kebolehpercayaan 100% sekiranya setiap kali instrumen ditadbir, keputusan yang identikal diperoleh.

### **3.10 Menentukan Prosedur Pengumpulan Data**

Pentingnya pengetahuan tentang prosedur pengutipan data adalah dari sudut memenuhi matlamat penganalisan data serta dalam menyelesaikan hipotesis yang telah dibentuk. Pada umumnya terdapat dua sumber utama data iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Data sekunder diperoleh dari sumber sedia ada manakala data primer diperoleh dari sumber asal berkaitan pembolehubah yang dikenalpasti dalam kajian. Contohnya, dalam kajian menentukan tahap kelesuan guru-guru di Malaysia, kita boleh melihat laporan-laporan yang berkaitan atau kita boleh menemu bual beberapa orang guru. Laporan-laporan tersebut merupakan sumber sekunder manakala guru-guru merupakan sumber primer.

### **3.11 Mengumpul Data**

Terdapat pelbagai alat kajian untuk mengutip data. Antaranya termasuk; ujian pencapaian, skor peperiksaan, soal selidik, inventori, senarai semak dan skedul cerapan. Soal selidik merupakan instrumen pengumpulan data yang lazim digunakan dalam penyelidikan kuantitatif. Ia digunakan untuk memungut data berkenaan fenomena yang tidak boleh diperhatikan secara terus oleh penyelidik seperti sikap, kepercayaan, pandangan, pengalaman, dan nilai. Soal selidik mengandaikan bahawa responden memahami item, responden mempunyai maklumat dan responden rela menjawab item dengan jujur.



Sebelum kita teruskan, mungkin anda berminat melayari internet untuk mencari alat pengumpulan data selain dari soal selidik dan bincangkan kelebihan dan kekurangan setiap satu.

### 3.12 Menganalisis Dan Menghurai Data

Analisis data bergantung kepada jenis data yang diperoleh. Data kuantitatif terdiri dari angka dan berkehendakkan analisis statistik. Pengujian statistik diperlukan jika analisis inferensi dibuat. Jenis statistik yang dipakai perlu akur dengan soalan kajian dan hipotesis.

Berikut adalah langkah-langkah analisis inferensi:

- pembentukan hipotesis
- memilih satu ujian statistik
- memilih tahap signifikan
- analisis data dengan pakej program komputer
- interpretasi *output* yang dihasilkan
- membuat keputusan

Bagi analisis kualitatif biasanya ia melibatkan analisis kandungan untuk mencari tema, pengkategorian data, pengekodan data, analisis grid dan pengenalpastian tema/corak dan makna. Kesemua ini akan diterangkan dalam kuliah berkaitan kajian tindakan.

### 3.13 Membincang Dan Melapor Hasil Kajian

Sekiranya seseorang itu ingin menulis dengan gaya yang jelas, lebih baik ia mempunyai pemikiran yang jelas juga; dan sekiranya seseorang itu ingin menulis dengan gaya yang terpuji, biarlah dirinya sendiri mempunyai pemikiran yang terpuji. (Johann Wolfgang von Goethe)

Dalam membincangkan hasil kajian, kita wajib menyemak keputusan secara kritikal. Menurut Akhbar dan Shamsina (2011) kita juga harus menanya beberapa soalan kepada diri kita sendiri iaitu:

- Adakah kriteria yang telah dipilih menunjukkan kualiti isi kandungan yang sah? Adakah kita telah meninggalkan mana-mana kriteria penting atau telah memasukkan kriteria yang tidak berkenaan?
- Sekiranya kita menjalankan rawatan (*treatment*) dan membuat perbandingan antara kumpulan atau masa, maka soalan berikut perlu ditanyakan:
  - Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan, berkaitan isi kandungan sebelum dan selepas rawatan?
  - Selain tindakan rawatan adakah syarat serupa bagi setiap kumpulan (contohnya, arahan, tahap keupayaan)?
  - Adakah perkara lain telah berlaku selain rawatan yang dirancang, yang boleh mempengaruhi dapatan kajian?
  - Adakah terdapat perbezaan motivasi antara kumpulan sebelum atau semasa kajian dijalankan?

Di Institut Pendidikan Guru (IPG), penulisan laporan penyelidikan akur dengan format/gaya mengikut American Psychological Association (APA). Beberapa garis panduan format tersebut boleh dilihat dalam tajuk 5 nanti.



## Senarai Rujukan dan Bacaan Tambahan

Akhiar Pardi & Shamsina Shamsuddin. (2011). *Penghantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.

Creswell, J.W. (2002). *Educational research – Planning, conducting, and evaluating. Quantitative and qualitative research*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.

Jackson, W. (2002). *Methods: Doing social research* (ed. ke-3). Toronto: Prentice Hall

Lim Chong Hin (2007). *Penyelidikan pendidikan : Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.

Linn, R. I. & Gronlund, N. E. (2000). *Measurement and assessment in teaching* (ed. ke-8). New Jersey: Prentice-Hall

Saat Md Yasin. (2006). *Kaedah kajian dalam kaedah kajian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia

<b>TAJUK 4</b>	<b>Penulisan Artikel Penyelidikan Tindakan</b>
----------------	--

## **SINOPSIS**


Dalam tajuk ini, anda akan mempelajari cara menulis artikel penyelidikan tindakan. Pada umumnya, cara menulis artikel penyelidikan tindakan mempunyai banyak kesamaan dengan cara menulis laporan penyelidikan tindakan. Beza utamanya hanya dari segi bilangan perkataan. Biasanya dalam artikel, kesemua bahagian adalah lebih ringkas.

## **HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menyatakan bahagian-bahagian dalam satu artikel penyelidikan tindakan;
2. menerangkan isi kandungan serta tujuan untuk setiap bahagian dalam artikel;
3. menulis satu contoh untuk setiap bahagian dalam artikel penyelidikan tindakan.

## RINGKASAN TAJUK



Bahagian-bahagian dalam artikel penyelidikan tindakan termasuk abstrak, konteks, fokus kajian, pelan tindakan, pelaksanaan pelan tindakan, metodologi kajian (sampel dan kaedah pengumpulan data), analisis dan huraian data, refleksi dan implikasi, tindakan susulan dan sumber rujukan.

### 2.1 Abstrak

Abstrak memberi ringkasan terperinci untuk membantu pembaca membuat rumusan terhadap kandungan kajian (Chow & Jaizah, 2011). Abstrak yang ditulis seharusnya tidak mengubah maksud, keputusan dan maklumat dalam kajian (Shaifol & Hasnul, 2008). Biasanya, abstrak tidak melebihi 250 patah perkataan dan perlu melaporkan tentang tujuan kajian, sampel, cara pengumpulan data termasuk instrumen kajian dan keputusan kajian. Abstrak yang baik perlu tepat, lengkap, ringkas dan spesifik serta tidak membuat penilaian tetapi setakat melaporkan (Chow & Jaizah, 2011).

**Contoh Huraian Abstrak :**

Kajian tindakan ini bertujuan untuk menentukan sejauh manakah kaedah melukis dapat meningkatkan tumpuan dan fokus murid dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Responden kajian terdiri daripada 13 orang murid lelaki dan 6 orang murid perempuan dari sebuah kelas tahun 4 di sebuah sekolah di Petaling Jaya, Selangor. Instrumen kajian terdiri daripada borang pemerhatian, soal selidik dan catatan jurnal. Dua sesi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan; satu dengan menggunakan kaedah tradisional dan satu lagi dengan menggunakan kaedah melukis. Hasil dapatan menunjukkan bahawa aktiviti melukis semasa pelajaran Kajian Tempatan dapat membantu murid supaya memberi lebih tumpuan dan fokus semasa pelajaran.

Sumber: Muhammad Nurkhifzan (2011)

**2.2 Konteks**

Bahagian ini biasanya menerangkan konteks untuk isu kajian. Konteks di sini bermaksud situasi di mana isu wujud. Dalam bahagian ini, seharusnya tidak dihuraikan fokus kajian; hanya diperihal akan latar belakang, tempat kajian dan perkara-perkara lain yang dapat memberi gambaran kepada pembaca tentang situasi kajian. Contohnya, kalau fokus kajian anda berkaitan dengan kebolehan murid menggunakan imbuhan 'ter', maka anda boleh menerangkan umur murid yang terlibat, situasi kelas yang terlibat, ciri-ciri sampel, jenis-jenis perkataan yang sering menimbulkan masalah, bila kesilapan imbuhan biasa dilakukan dan sebagainya. Anda juga boleh memasukkan literatur berkaitan dengan fokus kajian. Tidak ada bahagian yang tertentu dalam artikel bagi konteks kajian; sebaliknya, biasanya, konteks kajian merupakan sebahagian daripada pengenalan artikel, fokus kajian dan metodologi kajian.



### 2.3 Fokus Kajian

Dalam bahagian ini, anda seharusnya mengenal pasti dan menghuraikan isu kajian anda. Isu kajian sepatutnya berkait dengan pengalaman anda sebagai seorang guru. Isu kajian juga perlu relevan kepada keperluan murid. Dalam bahagian ini anda boleh memberi justifikasi pemilihan isu kajian. Anda juga boleh memberi sebab-sebab yang mungkin mengapa isu kajian timbul serta cadangan-cadangan tindakan penyelesaian. Justifikasi pemilihan isu kajian boleh berdasarkan kriteria berikut:

- kebolehtadbiran
- kepentingan
- kerelevanan kepada sekolah

#### Contoh Huraian Fokus Kajian:

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan tunjang utama dalam sistem pendidikan di setiap sekolah. Proses ini menjadi medium kepada aliran penyampaian ilmu yang disampaikan oleh guru dan diterima oleh murid. Menurut Bigge (1982), pembelajaran didefinisikan sebagai perubahan dan penyusunan tingkah laku yang sistematik hasil daripada pengalaman dalam situasi yang telah dihadapi. Seifert (1983, seperti dinyatakan dalam Sun, 2007) menyatakan bahawa pembelajaran merangkumi perubahan tingkah laku akibat daripada pengalaman atau ulangan pengalaman yang dihadapi sebelum ini. Melalui definisi ini, dapat disimpulkan bahawa pembelajaran mampu mempengaruhi karektor terutamanya bagi golongan kanak-kanak kerana pada peringkat ini, corak pemikiran atau perlakuan mereka adalah dipengaruhi oleh faktor persekitaran yang terdapat di sekeliling mereka.

Pendidikan masa kini mengalami perubahan paradigma daripada pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru kepada yang berpusatkan murid (Percival & Ellington, 1984; Ellington, 1995). Guru bukan lagi bertindak sebagai penyampai maklumat tetapi bertanggungjawab sebagai perangsang minda murid agar lebih menggunakan akal mereka untuk berfikir mengenai sesuatu yang diajar. Pendidikan tradisional yang diamalkan sejak sebelum kemerdekaan sudah tidak relevan lagi malah sudah dianggap ketinggalan zaman. Murid zaman sekarang terutamanya yang berada di bandar sukakan cabaran dan jika sesuatu yang mereka pelajari itu adalah pelajaran yang mudah, mereka akan cepat bosan dan daya tumpuan mereka juga akan mudah terganggu. Kemungkinan mereka tidak memahami topik yang diajar juga boleh berlaku kerana sesi pengajaran tradisional selalunya

menyebabkan murid bosan dan mengantuk dan akhirnya murid memilih untuk tidak mempedulikan guru yang sedang mengajar di hadapan sebaliknya melakukan kerja lain seperti bermain dan berborak sesama mereka.

Masalah ini telah saya hadapi pada sesi pengajaran yang lepas iaitu murid tidak memahami topik yang diajar. Saya dapat mengesan masalah ini kerana semasa saya mengajukan soalan, murid tidak dapat menjawabnya dengan tepat. Terdapat juga murid yang langsung tidak memberikan sebarang jawapan dan hanya berdiam diri sahaja apabila disoal. Bagi melihat tahap pemahaman murid di kelas itu, saya telah memberikan lembaran kerja yang mengandungi lebih banyak soalan mengenai topik yang diajar. Melalui semakan saya, majoriti murid tidak dapat menjawab soalan-soalan tersebut. Ternyata keputusan ini turut menunjukkan keadaan yang sama iaitu mereka tidak faham dengan apa yang diajar oleh saya. Selain itu, jumlah markah yang rendah dalam ujian bulanan juga menyokong lagi wujudnya permasalahan ini. Melalui pemeriksaan saya terhadap skrip jawapan murid, mereka memberikan jawapan yang tidak bertepatan dengan kehendak soalan. Terdapat juga murid yang tidak menjawab langsung soalan-soalan tersebut.

Bukti-bukti di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat masalah dalam corak pengajaran saya. Saya telah mengkajinya semula dan menemui beberapa punca yang menyebabkan murid tidak faham. Antara punca yang utama adalah teknik penyampaian saya yang kurang berkesan dan tidak jelas. Masalah ini berkait rapat dengan kemahiran komunikasi saya memandangkan saya masih kurang pengalaman dalam bidang perguruan. Kadang kala terdapat beberapa fakta yang saya tidak terangkan kerana terlepas pandang. Antara punca yang lain adalah corak pengajaran saya yang berkonsepkan satu hala sahaja. Corak sebegini telah menyebabkan murid cepat mengantuk dan kelas berada dalam keadaan pasif.

Pengajaran secara satu hala yang berpusatkan guru sahaja dilihat kurang berkesan kerana kebanyakan murid cepat mengantuk dan kurang faham dengan apa yang diajar. Tidak hairanlah apabila saya melakukan aktiviti soal jawab semasa sesi penutup, majoriti daripada murid yang ditanyakan gagal memberikan jawapan yang tepat. Situasi ini jelas menggambarkan bahawa terdapat masalah dengan corak pengajaran saya. Murid ternyata tidak faham dan kadang kala mereka gagal untuk mengingat fakta-fakta yang baru sahaja diajarkan. (Catatan Jurnal, 26 Julai 2011)

Melalui perbincangan dan renungan di atas, saya telah memikirkan beberapa langkah penyelesaian bagi mengatasi masalah saya. Langkah pertama yang ingin saya mengambil adalah menukarkan corak pengajaran menjadi dua hala. Contohnya, saya akan lebih banyak bertanya kepada murid soalan-soalan yang berkaitan dengan topik yang diajar berbanding hanya memberikan penerangan sahaja. Pendekatan ini dapat menggalakkan murid agar menggunakan akal mereka untuk berfikir sekaligus mengelakkan mereka daripada mengantuk.

Langkah yang kedua adalah dengan melaksanakan pembelajaran koperatif yang boleh diterapkan melalui aktiviti berkumpulan. Menurut Slavin (1990), pembelajaran koperatif merujuk kepada kaedah pengajaran yang memerlukan murid dari pelbagai kebolehan bekerjasama dalam kumpulan kecil untuk mencapai sesuatu matlamat yang sama. Setiap murid mempunyai kebolehan dan pengetahuan yang berbeza-beza. Perkongsian ilmu semasa aktiviti perbincangan dapat melahirkan idea yang lebih baik jika dibandingkan dengan aktiviti secara individu. Contohnya, murid diberikan tugas menyatakan langkah-langkah mengatasi pencemaran. Jika dalam satu kumpulan terdapat 5 orang ahli dan setiap daripada mereka memberikan dua langkah, maka jumlah langkah mengatasi yang diperolehi adalah 10. Berlainan pula jika tugas ini dilaksanakan secara individu, tentu sukar untuk seseorang murid memerah minda bagi memikirkan 10 langkah. Selain itu, aktiviti sebegini lebih menyeronokkan berbanding dengan aktiviti individu kerana murid dapat berinteraksi sesama mereka semasa sesi perbincangan sedang dijalankan. Interaksi sebegini dapat mengeratkan hubungan sesama mereka melalui unsur-unsur kecindan yang terkeluar secara tidak sengaja.

Langkah yang terakhir adalah dengan menerapkan elemen permainan dalam pembelajaran. Menurut Rohani (2004), aktiviti bermain membenarkan murid memenuhi keperluan perasaan ingin tahu, di samping meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan kemahiran mereka. Kanak-kanak sememangnya mempunyai rasa ingin tahu yang amat kuat sehingga mereka tidak mpedulikan adakah apa yang mereka lakukan untuk mengetahui tentang sesuatu perkara itu betul atau tidak. Melalui teori ini jugalah saya telah membuat keputusan untuk mengkaji sejauh manakah konsep permainan dalam pembelajaran mampu membuat perubahan kepada daya kefahaman murid saya.

Sumber: Abdul Rahman (2011)



Syabas! Berehatlah sebentar. Selepas itu, kita akan membincangkan tentang pelan tindakan dan pelaksanaannya.

## 2.4 Pelan Tindakan

Bahagian ini sering kali tidak dimuatkan dalam artikel penyelidikan tindakan kerana digabungkan dengan bahagian Pelaksanaan Pelan Tindakan. Kandungan utamanya memperincikan langkah dan/atau aktiviti tindakan dengan jelas. Rasional untuk setiap tindakan juga diberikan. Ada juga penulis/pengkaji yang merumuskan pelan tindakan dalam bentuk jadual beserta tarikh-tarikh untuk setiap tindakan.

## 2.5 Pelaksanaan Pelan Tindakan

Dalam bahagian ini, anda akan menghuraikan tindakan yang dijalankan secara terperinci. Anda akan menceritakan apa yang berlaku semasa pelaksanaan serta memasukkan refleksi sendiri tentang apa yang berlaku. Anda juga boleh mengaitkan apa yang berlaku kepada teori untuk menerangkan sesuatu situasi. Kesemua ini perlu supaya pengkaji lain boleh memahami apa yang dilalui oleh anda dan supaya anda akan lebih faham tentang keberkesanan tindakan yang dijalankan.

### Contoh Huraian Pelaksanaan Pelan Tindakan:

Kajian yang saya jalankan ini memakan masa selama dua minggu bermula pada 30 Julai 2011 hingga 8 Ogos 2011. Bagi menjalankan kajian ini, saya memerlukan dua sesi pengajaran. Kedua-dua sesi pengajaran ini pula masih lagi berada di bawah tajuk yang sama iaitu Implikasi Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar, tetapi subtajuknya adalah berlainan. Namun, tahap kesukaran kedua-dua tajuk adalah lebih kurang sama.

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang pertama, saya telah mengajar tentang “Perubahan Landskap Akibat Kegiatan Ekonomi”. Strategi pengajaran yang telah saya gunakan dalam sesi pertama ini adalah berpusatkan murid. Saya telah menggunakan teknik sumbangsaran di mana murid perlu menyatakan pendapat mereka tentang isi pelajaran di papan putih. Murid hendaklah menjawab berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada buku teks. Antara jawapan yang perlu dinyatakan murid ialah bagaimana kegiatan perindustrian, perlombongan, pembalakan, pembinaan dan pertanian membawa perubahan kepada alam sekitar.

Aktiviti seterusnya yang telah dilakukan oleh murid ialah melakukan perbincangan di dalam kumpulan. Murid telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan setiap kumpulan diberikan satu petikan karangan tentang implikasi kegiatan ekonomi. Melalui petikan tersebut, setiap kumpulan dikehendaki berbincang dan mengenalpasti perubahan landskap yang telah berlaku akibat daripada kegiatan ekonomi. Hasil perbincangan murid pula hendaklah dibentangkan di hadapan kelas. Pada masa yang sama, semasa murid melakukan pembentangan bersama kumpulan mereka, saya telah melakukan penilaian secara pemerhatian. Penilaian secara pemerhatian ini saya lakukan dengan mengambil kira sejauh manakah murid dapat menggunakan kemahiran menghubungkan isi pelajaran dengan baik. Melalui penilaian yang saya jalankan ini, saya mendapati bahawa ramai dalam kalangan murid tidak dapat menggunakan kemahiran menghubungkan dengan baik.

Semasa aktiviti pembentangan, kebanyakan murid tidak menggunakan kemahiran menghubungkan. Isi pembentangan murid agak menghampakan kerana murid hanya melakukan perbincangan berdasarkan pengetahuan dan kefahaman mereka sahaja. Murid tidak menganalisis maklumat yang mereka peroleh hasil daripada perbincangan mereka. Hasilnya, saya tidak nampak murid melakukan perkaitan setiap fakta yang mereka jelaskan. Jawapan yang murid berikan terhadap soalan yang saya ajukan kepada murid juga tidak menepati apa yang saya kehendaki.

(Catatan Jurnal 3, 1 Ogos 2011)

Pada sepuluh minit terakhir sesi pengajaran dan pembelajaran, saya telah mengedarkan kertas Ujian 1 kepada semua murid seperti yang telah saya rancangkan. Murid diminta menjawab kesemua soalan dalam kertas ujian tersebut dalam masa sepuluh minit yang diberikan tadi.

Bagi sesi pengajaran dan pembelajaran yang kedua pula, saya telah mengajar subtajuk yang seterusnya iaitu "Pencemaran". Pada sesi kali ini, teknik yang saya gunakan ialah tayangan video. Murid telah dipertontonkan dengan tayangan video tentang jenis-jenis pencemaran yang terhasil kesan daripada kegiatan ekonomi yang dijalankan. Video tersebut juga jelas menunjukkan perkaitan antara kegiatan ekonomi yang dijalankan dalam negara dengan pencemaran yang telah terhasil. Antara pencemaran yang telah murid tonton ialah pencemaran udara, air, darat dan bunyi.

Selepas menonton tayangan video tersebut, murid telah dibahagikan ke dalam beberapa kumpulan. Isu yang perlu dibincangkan dalam setiap kumpulan ialah perkaitan antara pencemaran yang wujud dalam negara kita dengan kegiatan ekonomi yang dijalankan. Masa selama beberapa minit akan diberikan untuk setiap kumpulan membuat perbincangan. Selesai membuat perbincangan, setiap kumpulan tampil ke hadapan dan membentangkan hasil perbincangan mereka. Semasa pembentangan dilakukan, saya telah melakukan penilaian secara pemerhatian. Borang pemerhatian yang saya gunakan adalah sama dengan borang pemerhatian

yang saya telah lakukan sebelum ini.

Aktiviti pembentangan kumpulan pada hari ini sangat menarik perhatian saya. Murid seolah-olah telah menguasai kemahiran menghubungkan dengan baik. Kebanyakan kumpulan melakukan pembentangan dengan baik di mana mereka berjaya menghubungkan satu fakta dengan fakta yang lain. Isi pembentang yang tersusun juga amat menarik perhatian saya. Beberapa soalan yang saya ajukan berjaya dijawab oleh murid dengan tepat. Saya merasakan bahawa penggunaan tayangan video ini berjaya membantu murid menguasai kemahiran hubungkait.

(Catatan Jurnal 4, 8 Ogos 2011)

Seterusnya, pada sepuluh minit terakhir sesi pengajaran dan pembelajaran, Ujian 2 pula telah diedarkan kepada murid. Murid dikehendaki menjawab soalan ujian berdasarkan masa yang telah ditetapkan. Akhir sekali, saya telah memilih beberapa orang murid untuk melakukan sesi temubual tentang teknik yang baru saya gunakan tadi. Untuk sesi temubual ini, saya telah mengambil masa selama lima belas minit untuk bertanya pendapat murid berkenaan teknik tayangan video yang telah digunakan.

Saya sangat berpuas hati dengan sesi pengajaran dan pembelajaran pada hari ini. Maklum balas yang baik telah diberikan oleh murid. Berdasarkan temubual yang saya jalankan, murid gembira dengan pengajaran yang saya lakukan kerana mereka dapat menguasai topik tersebut dengan lebih mudah. Mereka mudah mengaitkan kegiatan ekonomi dengan pencemaran yang berlaku.

(Catatan Jurnal 6, 8 Ogos 2011)

Sumber: Muhammad Uzair (2011)



Berhenti dan renungkan. Apakah perkara-perkara yang perlu ada dalam huraian pelaksanaan pelan tindakan?

## 2.6 Metodologi Kajian (Sampel dan Kaedah Pengumpulan Data)

Metodologi kajian biasanya termasuk huraian tentang sampel kajian dan kaedah pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data pula membincangkan tentang cara pengumpulan data dan instrumen kajian.

### 2.6.1 Sampel Penyelidikan

Bagi sampel, anda boleh menerangkan tentang ciri-ciri responden kajian contohnya, tahap kebolehan murid, jantina dan tingkah laku. Anda juga boleh memasukkan anekdot untuk memberi gambaran yang lebih jelas tentang responden kajian dan konteks kajian

#### Contoh Huraian Sampel:

Kajian ini telah dijalankan di sebuah sekolah rendah di Kuala Lumpur dan melibatkan murid daripada sebuah kelas tahun 4. Kelas tersebut mempunyai 28 orang murid iaitu 15 orang murid lelaki dan 13 orang murid perempuan dan dikategorikan sebagai kelas pertama daripada 4 buah kelas yang ada di sekolah itu. Kebanyakan murid dalam kelas tersebut berlatar belakang keluarga sederhana. Hampir kesemua ibu bapa dan penjaga mereka bekerja di sekitar ibu kota. Mereka akan datang ke sekolah pada awal pagi bersama ibu bapa masing-masing dan akan pulang ke rumah setelah ibu bapa tamat bekerja iaitu pada sebelah petang.

Kebanyakan murid dalam kelas yang terlibat tidak mempunyai masalah disiplin yang serius seperti ponteng kelas dan vandalisme. Menurut guru disiplin sekolah tersebut, murid dari kelas yang terlibat mempunyai rekod yang bersih dalam hal disiplin sekolah. Semua murid yang terdapat dalam kelas tersebut sudah boleh menguasai kemahiran 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Walau bagaimanapun, mereka masih mempunyai masalah dari segi memberi tumpuan semasa guru mengajar. Melalui pemerhatian yang telah saya lakukan, terdapat beberapa orang murid suka bercakap sesama mereka di belakang kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berjalan.

Saya dapati beberapa orang murid yang duduk di belakang tidak memberi tumpuan dan bercakap-cakap sesama sendiri semasa saya sedang mengajar di hadapan kelas. Bagi menyelesaikan masalah ini, saya telah menghentikan pengajaran dan meminta semua murid yang bercakap supaya tukar tempat duduk mereka ke hadapan kelas.

(Catatan Jurnal No. 1, 3 Mac 2011)

Walaupun murid dalam kelas tersebut agak cerdas, mereka masih lemah dalam menghuraikan jawapan dengan lebih mendalam. Pada hemat saya, masalah ini perlu diselesaikan, kerana jika tidak, mereka akan terus mendapat markah yang tidak sepadan dengan kebolehan mereka. Lebih penting lagi, mereka akan gagal mencapai aras tinggi. Mereka juga akan

kurang berfikiran kritis dan kreatif bukan sahaja dalam mata pelajaran di sekolah tetapi juga dalam kehidupan seharian mereka kelak. Jika itu berlaku, saya menganggap diri saya gagal sebagai seorang pendidik.

Sumber: Mohd Fazril (2011)

### 2.6.2 Kaedah Pengumpulan Data

Bagi kaedah pengumpulan data, anda akan menghuraikan tentang instrumen yang digunakan, bagaimana instrumen dibina dan rasional penggunaan instrumen yang dipilih. Anda juga akan menghuraikan bagaimana data dikutip dengan instrumen yang dipilih. Dalam bahagian ini, seperti dalam bahagian lain, anda juga akan memasukkan refleksi sendiri. Antara perkara yang boleh disebut adalah apa yang berlaku semasa pembinaan instrumen dan semasa pengumpulan data.

#### Contoh Huraian Kaedah Pengumpulan Data:

Dalam mengumpul data, saya telah menggunakan triangulasi data. Tiga instrumen telah digunakan iaitu borang pemerhatian, soal selidik dan skedul temu bual. Pemerhatian dilakukan bertujuan untuk memerhatikan tingkah laku murid semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Menurut Mohamad Najib (1999), kaedah pemerhatian merupakan kaedah yang paling anjal kerana seseorang boleh menjalankan kajian tanpa sebarang soalan dan 'kayu pengukur'. Kaedah pemerhatian juga boleh digunakan dalam kajian untuk tujuan pengumpulan data sebagaimana yang dinyatakan oleh Merriam (2002), pemerhatian adalah cara terbaik untuk mengumpul data asal 'first hand encounter' tentang perkara yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, pemerhatian dilakukan dengan menggunakan borang pemerhatian. Seorang rakan saya telah membantu dalam memerhati dan mengisi borang pemerhatian semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan. Borang pemerhatian telah dibina dengan merujuk kepada dua kajian yang lepas (Muhamad Iqhwani, 2010; Taiebah, 2010) dan instrumen tersebut telah disahkan oleh kedua-dua penyelia saya. Hasil dari pemerhatian akan memperlihatkan sama ada murid berminat dengan pembelajaran atau pun tidak. Jika murid berminat, mereka akan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap pengajaran.

Untuk mengukuhkan lagi dapatan daripada kajian, saya telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mengumpul data. Pemilihan kaedah ini difikirkan



amat bersesuaian dengan ciri-ciri seperti umur dan tahap pemikiran murid yang terlibat sebagai sasaran kajian. Kesesuaian kaedah soal selidik ini dengan kajian saya turut diperkuatkan lagi dengan pernyataan Mohd. Majid (2004) yang menyatakan bahawa soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan di dalam penyelidikan pendidikan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Oleh itu, kaedah soal selidik dilihat sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan minat murid. Menurut Mohd Najib (1999), soal selidik yang sempurna dapat mengukur dan mengumpul data dengan berkesan dan meningkatkan kejayaan penyelidikan. Oleh itu, saya telah berbincang dan mendapatkan pandangan dari penyelia untuk menentukan item dalam borang soal selidik. Saya juga telah merujuk kepada dua kajian yang lepas iaitu Wan Muhamad Nor Amali (2010) dan Taiebah (2010). Soal selidik dalam kajian ini menggunakan Skala Likert lima mata. Setelah soal selidik dibina, ia diserahkan kepada kedua-dua penyelia saya untuk pengesahan,

Selain daripada dua kaedah yang dikemukakan di atas, saya turut memilih kaedah temu bual bagi mendapatkan sokongan data yang lebih lengkap. Melalui kaedah temu bual bersama murid, saya telah bertanyakan soalan berdasarkan minat dan kecenderungan murid terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan. Menurut Mohamad Najib (1999), temu bual penting bagi mendapatkan maklum balas secara bersemuka dengan subjek. Merriam (2002) menyatakan bahawa terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Untuk kajian ini, saya menggunakan temu bual berstruktur kerana saya ingin mendapatkan kecenderungan minat murid terhadap pengajaran Kajian Tempatan. Temu bual berstruktur juga difikirkan sesuai dengan tahap keupayaan murid saya. Soalan-soalan dalam skedul temu bual telah disediakan terlebih dahulu dengan merujuk kepada tiga kajian yang lepas (Muhamad Nor Amali, 2010; Noor Nadiah, 2010; Taiebah, 2010). Temu bual dijalankan selepas setiap sesi pengajaran dan pembelajaran. Hasil dari temu bual ini turut dijadikan sokongan untuk menunjukkan sama ada murid berminat dengan pendekatan pengajaran menggunakan kaedah lagu atau tidak.

Sumber: Mohd Zawawi (2011)

## 2.7 Analisis Dan Huraian Data

Bagi bahagian ini, anda akan menyatakan dan menghuraikan hasil analisis data yang dikumpul daripada instrumen kajian. Kesimpulan akan dibuat berdasarkan hasil analisis tersebut yang seharusnya menjawab soalan kajian. Huraian analisis sebaik-baiknya disokong oleh pelbagai

data berlainan iaitu triangulasi data sangat digalakkan. Contohnya, hasil analisis kuantitatif seperti markah ujian pra dan pasca boleh disokong dengan hasil analisis kualitatif seperti data temu bual.

**Contoh Huraian Analisis Data dan Huraian:**

Jadual 3 di bawah menunjukkan analisis data berdasarkan respon yang diterima daripada borang soal selidik. Murid diminta menjawab item soal-selidik berdasarkan skala 5 mata. Item 1 hingga 4 dan 8 merupakan item positif, manakala yang lain merupakan item negatif.

**Jadual 3: Perbandingan min antara kaedah lakonan dengan kaedah tradisional bagi item soal-selidik**

Bil	Item soalan	Min		Perbezaan Min
		Lakonan	Tradisional	
1.	Saya melibatkan diri semasa belajar hari ini.	4.78	1.84	2.94
2.	Saya suka cara guru mengajar hari ini.	4.95	1.68	3.27
3.	Saya suka bertanyakan soalan kepada guru	4.63	1.32	3.31
4.	Saya mahu cara belajar hari ini di teruskan untuk hari lain	4.95	1.53	3.42
5.	Saya suka keluar daripada kelas semasa guru sedang mengajar	1.21	3.74	-2.53
6.	Saya mengantuk semasa belajar Kajian Tempatan hari ini.	1.16	4.47	-3.31
7.	Saya membuat kerja lain semasa belajar hari ini.	1.42	4.00	-2.58
8.	Saya suka menjawab soalan yang guru berikan.	4.63	2.74	1.89

Jadual 3 menunjukkan bahawa bagi item 1, min kaedah lakonan ialah 4.78 manakala min bagi kaedah tradisional ialah 1.84. Perbezaan min adalah sebanyak 2.94. Keputusan ini menunjukkan bahawa murid lebih aktif melibatkan diri semasa kelas kaedah lakonan. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa murid lebih berminat dengan pelajaran menggunakan kaedah lakonan. Ini kerana, secara rasionalnya murid akan melibatkan diri secara rela dengan sesuatu aktiviti sekiranya mereka berminat dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang.

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran pada hari ini amat menarik.

Saya mendapati murid seronok dan gembira. Riak wajah mereka menunjukkan rasa seronok dengan aktiviti menggunakan kaedah lakonan. Alif yang sebelum ini sering tidak mengambil bahagian di dalam kelas begitu bersemangat dan teruja untuk berlakon. Murid juga ketawa dengan riang ketika kawan-kawan berlakon. Saya begitu gembira melihat mereka begitu aktif belajar. Mereka juga sudi menawarkan diri untuk berlakon berkali-kali. Semua murid mengangkat tangan untuk berlakon. Saya sungguh tidak sangka bahawa aktiviti lakonan ini memberi kesan yang positif kepada mereka. Saya berpuas hati dengan aktiviti pelajaran hari ini.

(Catatan Jurnal 6 (a), 11 Ogos 2011)

Jadual 3 juga menunjukkan bagi item 2 min bagi kaedah lakonan (4.95) adalah lebih tinggi berbanding dengan min kaedah tradisional (1.68). Ini menunjukkan bahawa murid lebih suka belajar cara lakonan berbanding kaedah tradisional. Ini membawa maksud, murid lebih berminat belajar menggunakan kaedah lakonan berbanding kaedah tradisional.

Bagi item positif yang lain iaitu item 3, 4 dan 8, min yang diperoleh bagi kaedah lakonan juga adalah lebih tinggi berbanding kaedah tradisional. Ini menunjukkan bahawa murid lebih berminat ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan menggunakan kaedah lakonan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas melalui catatan jurnal yang telah saya buat selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah lakonan.

Murid lihat begitu aktif ketika aktiviti lakonan dijalankan. Kebanyakan murid mengangkat tangan bertanyakan soalan kepada saya. Contohnya, Daniel bertanyakan soalan kepada saya mengapa pada zaman dahulu kala Raja Melayu memakai tenggok. Ini menunjukkan murid memberi tumpuan dan minat dengan aktiviti yang sedang dijalankan. Mereka juga sering bertanyakan soalan antara satu sama lain. Ini jelas menunjukkan murid minat dengan kaedah lakonan yang dijalankan. Murid dilihat begitu gembira ketika aktiviti dilaksanakan. Pada akhir pembelajaran murid kelihatan sedih dan tidak bersemangat apabila mengetahui kelas Kajian Tempatan sudah tamat. Mereka meminta saya supaya menggunakan masa guru lain untuk berlakon lagi. Mereka juga meminta saya untuk menggunakan kaedah lakonan ini lagi untuk sesi pelajaran yang akan datang.

(Catatan Jurnal 6 (b), 11 Ogos 2011)

Bagi item negatif dalam jadual 3 iaitu item 5, 6 dan 7, min bagi kaedah lakonan adalah lebih rendah berbanding dengan min kaedah tradisional. Contohnya, bagi item 7, min kaedah lakonan (1.42) adalah lebih rendah berbanding dengan min kaedah tradisional (4.00). Keputusan ini menunjukkan bahawa murid lebih membuat kerja lain semasa pelajaran kaedah tradisional berbanding kaedah lakonan. Dalam erti kata lain, murid tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap topik yang diajar semasa pelajaran menggunakan kaedah tradisional.

Pada minggu ini murid dilihat tidak bermaya dan tidak memberi perhatian yang sepenuhnya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Murid sering menanya kepada saya mengenai aktiviti lakonan. Contohnya, Imran menanyakan kepada saya, “mengapa kita tidak berlakon hari ini cikgu?..saya hendak berlakon.. *“boring”* lah kalau tak berlakon hari ini”. Hampir semua murid menunjukkan reaksi yang sama ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional. Terdapat juga murid yang bermain di belakang kelas dan langsung tidak memberi tumpuan yang sepenuhnya terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Contohnya, selepas saya memberi penerangan, saya menanyakan soalan kepada Amar. Dia tidak dapat menjawab soalan yang diberikan sedangkan saya baru sahaja menerangkan hal tersebut. Ini jelas menunjukkan murid tersebut tidak memberi tumpuan sepenuhnya terhadap aktiviti yang dijalankan. Murid langsung tidak menunjukkan mimik muka gembira ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran menggunakan kaedah tradisional. (Catatan Jurnal 7 (a), 18 Ogos 2011)

Kesimpulannya hasil daripada borang soal selidik ini jelas menunjukkan murid berminat dengan kaedah lakonan ketika mempelajari topik Kesultanan Melayu Melaka. Ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan secara lakonan didapati murid lebih aktif dan berani menanya dan menjawab soalan. Murid juga lebih gembira dan mengambil bahagian secara aktif. Ini menunjukkan bahawa minat murid terhadap topik Kesultanan Melayu Melaka telah meningkat.

Keberkesanan kaedah lakonan dalam meningkatkan minat murid terhadap topik Kesultanan Melayu Melaka juga boleh dilihat melalui hasil temu bual yang dilaksanakan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Beberapa orang murid dipilih sebagai sasaran bagi soalan temu bual. Semua aktiviti temu bual ini dirakam menggunakan telefon bimbit. Antara respon murid selepas pelajaran secara lakonan adalah seperti berikut:

Saya seronok cara lakonan pada hari ini.. boleh faham apa yang cikgu ajar..saya berlakon..minat, *“best”* dan seronok tengok kawan berlakon..tidak mengantuk dan tidak bosan. (Murid 1, 11 Ogos, 1.00 tengah hari)

Seronok..dapat tengok kawan berlakon.. kita semua berlakon....boleh tahu cerita Palembang..tidak mengantuk sebab tengok kawan berlakon..saya nak berlakon lagi. (Murid 2, 11 Ogos, 1.00 tengah hari)

Respon murid selepas pelajaran secara tradisional:

Bosanlah cikgu..tak seronok sebab tak dapat berlakon..penat belajar cara hari ini..nak belajar cara lain..nak belajar secara lakonan..tidak mahu diteruskan dan susah nak faham.. bosan dan tak *“best”*. (Murid 1, 18 Ogos, 1.00 tengah hari)

Tak seronok..saya tak faham..tidak minat..susah nak faham..kawan-kawan tidak bagi kerjasama..bosan..cikgu bercakap sahaja..tidak ada peluang nak cakap..tak “best”. (Murid 2, 18 Ogos, 1.00 tengah hari)

Hasil temu bual menunjukkan kebanyakan murid memberi respon yang positif terhadap kaedah lakonan yang dilaksanakan. Kesemua murid yang ditemu bual memberi respon menyatakan bahawa kaedah lakonan mampu menarik minat mereka untuk mempelajari topik Kesultanan Melayu Melaka. Keputusan ini selaras dengan keputusan daripada soal selidik, borang pemerhatian dan catatan jurnal.

Sumber: Muhammad Firdaus (2011)



Bincangkan bersama kawan anda bagaimana menghasilkan min seperti dalam Jadual 3 di atas daripada data soal selidik.

## 2.8 Refleksi dan Implikasi

Dalam bahagian ini, anda akan merumuskan kajian yang telah dijalankan. Lebih penting, anda akan menerangkan implikasi kajian iaitu apakah tindakan susulan yang perlu diambil oleh pihak berkepentingan berdasarkan keputusan kajian. Contohnya, sekiranya kajian menunjukkan bahawa kandungan buku teks Sains adalah terlalu cetek, maka implikasinya ialah guru Sains perlu mencari sumber yang lain semasa pengajaran dan pembelajaran; Kementerian Pelajaran juga perlu mengkaji semula kandungan buku teks supaya menjadikannya lebih menarik dan lebih bermanfaat.

Selain itu, dalam bahagian ini, anda perlu menghuraikan apakah yang telah dipelajari anda tentang kajian yang telah dijalankan; secara amnya, anda perlu menerangkan bagaimana proses dan dapatan kajian telah membantu anda untuk memahami dan menjalankan kerja anda sebagai seorang guru dengan lebih baik. Secara khususnya, anda perlu

menerangkan apakah yang telah anda mempelajari tentang isu kajian. Contohnya, jika anda mengkaji tentang keberkesanan kaedah koperatif, anda mungkin akan menerangkan bahawa kajian anda menunjukkan bahawa kaedah koperatif hanya boleh berjaya sekiranya seseorang guru mengambil beberapa langkah awalan seperti mengkaji dulu hubungan antara murid.

Contoh Huraian Refleksi dan Implikasi:

Berdasarkan kajian tindakan yang telah dijalankan, saya menyedari bahawa seseorang guru perlu kreatif dan berminda terbuka dalam membina rancangan pengajaran yang berkesan dan bermakna. Ketika penggunaan kaedah bahan maujud dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, saya dapati murid memberikan tindak balas yang positif dan lebih aktif semasa belajar. Situasi ini sangat berbeza dengan kelas sebelumnya yang menggunakan kaedah tradisional. Ini berkemungkinan, penggunaan kaedah bahan maujud mampu menarik minat murid terhadap pelajaran. Perkara ini memberikan saya keyakinan bahawa kaedah ini mampu memberikan kesan yang positif.

Saya berpendapat kaedah ini juga boleh dipelbagaikan mengikut kreativiti guru sebagai pengganti kepada kaedah tradisional. Seperti yang diketahui, BBM hanya bertindak membantu sahaja, tetapi guru perlu bertindak sebagai pengolah bahan-bahan ini agar bahan-bahan pengajaran tersebut menjadi lebih kreatif dan menyeronokkan. Kreativiti boleh diperolehi apabila seorang guru mencuba. Pelbagai bahan boleh untuk digunakan sebagai BBM jika seseorang guru itu bijak mempelbagaikannya. Ini kerana isi pelajaran bagi mata pelajaran Kajian Tempatan kebanyakannya adalah berbentuk fakta. Tidak semua murid mampu untuk faham sesuatu fakta dengan mudah. Melalui kepelbagaian bahan pengajaran tersebut dapat menarik minat dan perhatian mereka untuk menumpukan perhatian sepanjang tempoh pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Tambahan pula, gaya pembelajaran setiap murid adalah berbeza. Saya berpendapat, murid yang menjadi sasaran kajian saya memiliki gaya pembelajaran kinestetik. Ini kerana murid menunjukkan sikap pasif seperti mendiamkan diri dan kurang berkomunikasi apabila kaedah tradisional seperti *chalk and talk* dan buku teks kerap digunakan. Menurut Nurita (2007), gaya pembelajaran kinestetik adalah belajar melalui gerakan dan sentuhan. Melalui kaedah bahan maujud, murid berpeluang menyentuh dan membina pengetahuan konkrit berkaitan bahan maujud yang digunakan. Ini disokong oleh Isahak (1996, seperti dinyatakan dalam Nurul Shamimi, 2010) mengatakan bahawa pencapaian murid yang meningkat atau menurun bukanlah dipengaruhi oleh tahap I.Q mereka semata-mata tetapi dipengaruhi oleh penghasilan bahan pengajaran guru yang bersistematik di

samping kesediaan kognitif dan efektif murid. Oleh itu, adalah tidak mustahil untuk mencuba supaya pembelajaran murid menjadi lebih bermakna.

Dalam kajian ini, setelah kaedah bahan maujud digunakan saya dapati murid menunjukkan reaksi yang positif setiap kali kelas mata pelajaran Kajian Tempatan bermula. Tambahan lagi, ada murid yang menegur saya dan minta saya mengajar mereka walaupun tiada sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Kajian Tempatan pada hari berkenaan. Hal ini menunjukkan minat murid terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan sudah terbina. Murid dilihat lebih bersemangat dan bermotivasi untuk belajar. Baharom dan Ilyas (2010) menyatakan bahawa motivasi dalam diri murid tidak hadir secara sendiri tanpa disokong oleh kaedah pengajaran guru yang kreatif dan efektif. ini disokong oleh Songgok (2009) menyatakan bahawa guru yang berkesan dalam menjalankan tugasnya adalah guru yang berjaya menjadikan muridnya bermotivasi dalam pelajaran.

Keberkesanan dalam pengajaran juga bergantung kepada usaha guru dalam memahami makna motivasi belajar itu sendiri dan mengembangkan serta menggerakkan motivasi pembelajaran pelajar itu ke tahap yang maksimum melalui kaedah pengajaran yang sesuai. Dalam kajian ini, saya menggunakan kaedah bahan maujud untuk membina motivasi belajar dalam diri murid dan keberkesannya telah dilihat berdasarkan perubahan tingkah laku murid seperti yang dinyatakan sebelum ini. Akan tetapi, melalui kajian ini saya juga pelajari bahawa penggunaan kaedah bahan maujud semata-mata tidak akan berhasil sekiranya beberapa perkara tidak diambil kira. Antaranya ialah bahan maujud yang digunakan perlu menarik, mudah dikendalikan dan tidak merbahaya. Bahan ini boleh berubah mengikut kemampuan dan kepentingan guru dan cara pengendalian bahan tersebut. Tanpa pengetahuan dan cara pemakaian, bahan tersebut akan menjadi gajah putih dalam kelas dan membazir sahaja.

Kesimpulannya, banyak perkara yang telah saya pelajari dan perlu diperbaiki dalam melaksanakan kaedah ini. Saya berpendapat, skop penggunaan kaedah bahan maujud adalah luas. Daya kreativiti diperlukan dalam mempelbagaikan penggunaan bahan maujud dalam mata pelajaran Kajian Tempatan. Saya tidak boleh menarik nafas lega setelah menjalankan kajian terhadap kaedah ini sebaliknya perlu melakukan lebih banyak penyelidikan dan pembacaan dalam mempertingkatkan mutu pengajaran saya secara berterusan. Ini selari dengan Nurul Shamimi (2010) yang menyatakan bahawa individu yang bergelar guru adalah *'life long learning person'*. Guru harus terus belajar dan berusaha memperbaiki mutu pengajaran agar mampu melahirkan murid yang berilmu dan berwawasan.

Sumber: Akmal (2011)

## 2.9 Tindakan Susulan

Penyelidikan tindakan biasanya melibatkan beberapa kitaran. Oleh itu, selepas satu kitaran iaitu selepas satu kajian, anda akan memikirkan apakah tindakan susulan yang boleh diambil untuk mengurangkan lagi masalah yang dihadapi; sering kali, tindakan yang dijalankan merupakan pengubahsuaian kepada tindakan yang asal. Contohnya, jika anda menggunakan lagu 80an untuk meningkatkan tumpuan murid terhadap pelajaran, dalam kajian berikut anda mungkin akan menggunakan lagu masa kini kerana didapati bahawa lagu-lagu lama kurang menarik perhatian murid anda. Oleh itu, anda ingin mencuba lagu-lagu terkini pula.

### Contoh Huraian Tindakan Susulan:

Bagi menambahbaik kajian ini, saya mencadangkan supaya dalam kajian yang berikut, saya akan memberikan ganjaran kepada kumpulan yang melakukan persembahan yang terbaik. Pada hemat saya, dan berdasarkan pemerhatian saya sepanjang kajian ini, kaedah ganjaran akan semakin meningkatkan minat dan semangat murid supaya membuat yang terbaik untuk kumpulan mereka. Cadangan saya yang kedua ialah dari segi masa. Adalah lebih baik jika masa untuk melakukan kajian ditambah kepada dua sesi untuk setiap kaedah. Sebagai contoh, minggu satu dan minggu dua boleh digunakan untuk kaedah lakonan, manakala dua minggu lagi digunakan untuk kaedah tradisional. Ini adalah kerana pada minggu pertama murid boleh mengambil masa untuk bersedia dengan lakonan mereka dan tidak terlalu tergesa-gesa. Pada minggu kedua barulah setiap kumpulan mempersembahkan lakonan mereka. Oleh itu, dalam kajian saya yang berikut, saya akan menggunakan ganjaran dan akan menambah masa yang digunakan untuk setiap teknik. Adalah diharap bahawa dengan perubahan-perubahan ini, masalah yang dihadapi saya iaitu tumpuan murid terhadap pelajaran akan dapat dikurangkan lagi.

Sumber: Mohd. Farhan (2011)



Baca semula Contoh Huraian Refleksi dan Implikasi dan terangkan apakah perkara yang perlu dimuatkan dalam bahagian Refleksi dan Implikasi



## 2.10 Sumber Rujukan

Setiap penulisan ilmiah perlu mengandungi rujukan dalam teks dan Senarai Rujukan. Bagi maklumat atau idea yang diambil daripada sesuatu sumber, anda hendaklah menyatakan sumber tersebut dalam teks. Antara lain, ini adalah untuk mengelak daripada plagiat. Di IPG, rujukan dalam teks dan dalam Senarai Rujukan hendaklah ditulis mengikut sistem *American Psychological Association* (APA) yang terkini. Berikut adalah panduan untuk menulis rujukan dalam teks dan Senarai Rujukan yang diadaptasi daripada Boon dan Aeria (2007).

### 2.10.1 Menulis rujukan dalam teks

Bagi maklumat atau idea yang diambil daripada sesuatu sumber, pengkaji hendaklah menyatakan sumber tersebut dalam teks. Rujukan dalam teks dan dalam Senarai Rujukan hendaklah ditulis mengikut sistem *American Psychological Association* (APA) yang terkini. Contoh rujukan dalam teks adalah seperti yang berikut:

(a) Menyatakan hasil karya seorang pengarang:

Sepanjang kajiannya, Wong (2000) telah menunjukkan...

Sistem pendidikan di Malaysia menggalakkan perkembangan individu yang menyeluruh (Choy, 2006).

(b) Menyatakan hasil karya dua orang pengarang:

Laporan Harton dan Smith (1995) menyatakan...

Pelajar IPG didapati mempunyai bakat yang pelbagai (Lee & Boon, 2005).

(c) Menyatakan hasil karya beberapa orang pengarang:

Goromon (2003), Hector (2001) dan Victor dan Michael (2006) menyatakan ...

Banyak kajian yang lepas (contoh, Francis, 1995; Garmon, 1998; Goon & Koh, 2003) telah menunjukkan...

(d) Menyatakan hasil karya sumber sekunder:

Sistem pendidikan di Malaysia terlalu mementingkan peperiksaan (Man, 1982, seperti yang dinyatakan dalam Lim, 1990).

Mengikut Man (1982, seperti yang dinyatakan dalam Lim, 1990), sistem pendidikan di Malaysia terlalu mementingkan peperiksaan.

## 2.10.2 Menulis rujukan dalam Senarai Rujukan

Contoh rujukan dalam Senarai Rujukan adalah seperti yang berikut:

(a) Buku

Kleeman, G. (1995). *Kemahiran pemetaan topografi*. Sydney: Hodder Headline.

(b) Jurnal

Lindsay, A. W. (1982). Institutional performance in higher education: The efficiency dimension [Prestasi institusi dalam pendidikan tinggi: Dimensi kecekapan.] *Review of Educational Research*, 2, 175-199.

(c) Surat khabar

Ball, S. (1986, February 27). Tiada hadiah bagi HSC. *Utusan Malaysia*, hlm. 15.

(d) Tesis tidak diterbitkan

Aeria, L. A. (1980). *Burnout dalam kalangan guru-guru Wilayah Persekutuan*. Tesis tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

(e) Media elektronik

Fatimah Buang. (2006). *Komputer dan saya*. Diperoleh Jan 15, 2007 dari [http://www.gvu.gatech.edu/user\\_surveys/survey-1997-10/](http://www.gvu.gatech.edu/user_surveys/survey-1997-10/)

(f) Media elektronik (tiada tarikh, tiada pengarang)

*GVU's 8th WWW user survey*. (n.d.). Diperoleh Mac 30, 2004 dari [http://www.gvu.gatech.edu/user\\_surveys/survey-1997-10/](http://www.gvu.gatech.edu/user_surveys/survey-1997-10/)

### 2.10.3 Menulis rujukan untuk nama pengarang Asia

#### Dalam Teks

Pengarang Melayu	Mohd. Ali (2005) menyatakan ...
Pengarang Cina	Lim (2006) menyokong ...
Pengarang India	Krishnan (2003) menerangkan...

#### Dalam Senarai Rujukan

Dalam Senarai Rujukan, tulis nama penuh pengarang yang tidak mempunyai nama keluarga.	Mohd. Ali b. Mohd. Bakar. (2005). <i>Merdeka</i> . Kuala Lumpur: Penerbit Taufik Intelek Sdn. Bhd.
	Lim, C. B. (2006). <i>Politik dan saya</i> . Kuala Lumpur: Azrizad Sdn. Bhd.
	Krishnan a/l Thambipillay. (2003). <i>Dunia politik</i> . Kuala Lumpur: Tasha Publications.

Untuk panduan sepenuhnya, anda boleh merujuk kepada Boon dan Aeria (2007) dan American Psychological Association (2009).



Dalam sistem APA, kita menggunakan istilah Senarai Rujukan dan bukan Bibliografi. Layari internet dan dapatkan perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut.



### **Mari Menguji Kefahaman Anda**

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

1. Apakah tujuan abstrak?
2. Apakah yang dimaksudkan dengan konteks kajian?
3. Huraikan apakah yang perlu ditulis dalam bahagian fokus kajian.
4. Apakah tujuan bahagian pelaksanaan pelan tindakan?
5. Apakah yang perlu dihuraikan dalam bahagian kaedah pengumpulan data?
6. Apakah jenis data yang boleh dihuraikan dalam bahagian analisis dan huraian data?
7. Huraikan apakah yang patut dimuatkan dalam bahagian refleksi dan implikasi.
8. Beri satu contoh tindakan susulan yang boleh diambil.
9. Beri satu contoh untuk penulisan rujukan teks dan satu contoh untuk penulisan rujukan Senarai Rujukan.



## Senarai Rujukan dan Bahan Bacaan

### Senarai Rujukan

Abdul Rahman Bin Idris. (2011). *Keberkesanan kaedah permainan puzzle bergambar dalam meningkatkan pemahaman murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Akmal Hazimin Bin Nazeri. (2011). *Keberkesanan penggunaan kaedah bahan maujud dalam menarik minat murid tahun 5 terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

American Psychological Association. (2009). *Publication manual of the American Psychological Association* (6<sup>th</sup>. ed.) Washington, DC: American Psychological Association.

Boon, P. Y. & Aeria, L. A. (2007). *Guide to referencing procedures*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa

Chow, F. M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mohd Farhan Bin Abd Hamid. (2010). *Penggunaan teknik lakonan dalam meningkatkan daya ingatan murid tahun 5 bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Fazril bin Mohd Foizi. (2011). *Keberkesanan penggunaan teknik sebab dan akibat dalam meningkatkan kebolehan murid menghuraikan jawapan bagi tajuk kepentingan rumah*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Mohd Zawawi Bin Zulkifli. (2011). *Penggunaan lagu dalam meningkatkan minat murid tahun 5 bagi tajuk pengasasan Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Firdaus B. Omar. (2011). *Penggunaan kaedah lakonan dalam meningkatkan minat murid bagi topik kesultanan Melayu Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Nurkhifzan bin Isnin. (2011). *Keberkesanan kaedah melukis dalam meningkatkan tumpuan murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Uzair Bin Mohamad. (2011). *Keberkesanan tayangan video dalam membantu murid membuat hubungkaitan bagi tajuk implikasi kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

### **Bacaan Tambahan**

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan. Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn. Bhd.

<b>TAJUK 5</b>	<b>Cara-cara Menyebarkan Dapatan Penyelidikan Tindakan</b>
----------------	--


### **SINOPSIS**

Dalam tajuk ini, anda akan mempelajari apakah yang dimaksudkan dengan penyebaran dapatan penyelidikan, mengapa penting menyebarkan, apakah cara-cara untuk menyebarkan serta kelebihan dan kekurangan beberapa cara penyebaran. Selain itu, dalam tajuk ini juga disenaraikan beberapa pertimbangan yang perlu difikirkan semasa menganjurkan seminar penyelidikan.

### **HASIL PEMBELAJARAN**

Pada akhir tajuk ini, anda akan dapat:

1. menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan penyebaran dapatan penyelidikan;
2. menerangkan kepentingan penyebaran dapatan penyelidikan;
3. menghuraikan beberapa cara untuk menyebarkan dapatan penyelidikan;
4. menerangkan kelebihan dan kekurangan penyebaran dapatan penyelidikan melalui persembahan poster, pembentangan seminar, penerbitan artikel jurnal, penerbitan laporan dan rangkaian penyelidikan tindakan;
5. menyatakan beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan semasa menganjur seminar penyelidikan.

**RINGKASAN TAJUK****5.1 Apakah Yang Dimaksudkan Dengan Penyebaran Dapatan Penyelidikan?**

Penyebaran dapatan penyelidikan adalah proses perkongsian maklumat dan pengetahuan penyelidik dengan orang-orang lain yang berkaitan seperti penyelidik lain. Dalam penyebaran, biasanya cabaran utama ialah dalam meningkatkan aksesibiliti dapatan kepada audiens. Ini bermaksud dapatan kajian secara fizikal perlu mudah dicapai dan mudah difahami oleh semua (Woodfield, n.d.).



## 5.2 Mengapa Penting Menyebarkan Dapatan Penyelidikan?

Penyebaran dapatan penyelidikan merupakan sebahagian daripada proses penyelidikan. Penyebaran dapat memaksimumkan impak penyelidikan ke atas penambahan ilmu. Ia memastikan dapatan kajian menjadi berguna dan bukan setakat disimpan oleh pengkaji sahaja. Dalam erti kata lain, penyebaran dapat memastikan bahawa dapatan penyelidikan kita akan menyumbang kepada penyelesaian sesuatu masalah (Silcock, n.d.). Penyebaran juga boleh memotivasikan penyelidik untuk meneruskan usahanya. Selain itu, ia dapat meningkatkan profail pengkaji dan institusinya. Oleh itu, penyebaran dapat menambah nilai sesuatu penyelidikan (Woodfield, n.d.).

## 5.3 Apakah Cara-Cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan?

Terdapat beberapa cara penyebaran dapatan penyelidikan. Cara yang paling kerap digunakan ialah persembahan poster, pembentangan dalam seminar, penulisan artikel dalam jurnal, laporan-laporan dan rangkaian penyelidikan. Pada masa kini penyebaran atas talian seperti laman web dan *Facebook* juga semakin popular.

Persembahan poster merupakan satu pendekatan grafik untuk membentangkan dapatan penyelidikan. Tujuan poster adalah untuk menjana perbincangan yang aktif terhadap penyelidikan yang dijalankan. Persembahan poster biasanya diadakan dekat dengan dewan seminar atau konferens yang sedang berjalan. Pengkaji akan berdiri di tepi poster untuk menjawab soalan para pengkaji yang lain serta membincangkan isu berkaitan penyelidikan yang dipaparkan. Biasanya, teks dalam poster dihadkan kepada satu perempat daripada ruang poster ("The Natural Sciences Undergraduate", n.d.; "Design of Scientific Posters", n.d.).

Pembentangan dalam seminar atau konferens merupakan salah satu saluran yang utama untuk menyebarkan dapatan penyelidikan. Terdapat banyak seminar dan konferens pendidikan yang diadakan di Malaysia. Setiap seminar atau konferens biasanya disasarkan kepada penyelidik tertentu berdasarkan kepada tema seminar. Contohnya, jika seminar bertema "Bahasa Jiwa Bangsa" maka kebanyakan kertas yang dibentangkan adalah berkaitan dengan bahasa dan pembentang biasanya terdiri daripada pendidik bahasa atau pengkaji yang menyelidik tentang bahasa. Dalam kebanyakan seminar pendidikan di Malaysia, seseorang pembentang diberi 20 minit untuk membentangkan dan 10 minit lagi diberi untuk soal-jawab dan perbincangan.

Sama seperti pembentangan, penulisan artikel dalam jurnal juga merupakan saluran utama penyebaran dapatan. Terdapat banyak jurnal tempatan dan antarabangsa yang memuatkan dapatan penyelidikan, masing-masing disasarkan kepada audiens yang tertentu. Contohnya, *Journal of Educational Psychology* ditujukan khas kepada para pengkaji berkaitan psikologi pendidikan. Contoh artikel yang boleh dimuatkan dalam jurnal tersebut ialah Kelesuan Mental dalam Kalangan Guru-guru di Lembah Klang. Penerbitan artikel dalam jurnal dapat meningkatkan reputasi dan profail pengkaji, lebih-lebih lagi jika jurnal yang terlibat merupakan jurnal yang diiktiraf seperti jurnal-jurnal ISI.

Salah satu saluran lain untuk menyebarkan dapatan penyelidikan ialah laporan-laporan penyelidikan yang biasanya dibukukan. Laporan penyelidikan adalah lebih panjang dan lebih terperinci berbanding artikel jurnal. Ini kerana bilangan perkataan dalam laporan tidak dihadkan. Sering kali laporan dikeluarkan jika penyelidikan yang dijalankan mempunyai kepentingan kepada orang ramai atau kepada sesuatu institusi atau agensi kerajaan. Contohnya, laporan kajian berkaitan pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris

Rangkaian Penyelidikan seperti Rangkaian Penyelidikan Tindakan merupakan laman web di mana anda boleh memuat naik dapatan penyelidikan anda, meminta pendapat serta membincangkan dengan ahli-ahli

lain dalam rangkaian tersebut. Selain itu anda juga boleh membaca hasil penyelidikan ahli-ahli yang lain. Contoh rangkaian ialah Collaborative Action Research network (CARN), Action Research Network ALTec dan Action Research Network University of San Diego.



Berhenti dan renungkan. Pada pandangan anda, apakah cara yang paling berkesan untuk menyebarkan dapatan penyelidikan? Mengapa?

#### **5.4 Apakah Kelebihan Dan Kekurangan Sesetengah Cara Penyebaran Dapatan Penyelidikan?**

Jadual 5.1 menunjukkan kelebihan dan kekurangan beberapa cara penyebaran dapatan penyelidikan. Antara cara yang ditunjukkan ialah persembahan poster, pembentangan dalam seminar, artikel jurnal dan laporan. Bagi persembahan poster, kelebihannya ialah pengkaji kurang berasa gementar untuk membentangkan dapatan berbanding dengan persembahan dalam seminar; pengkaji juga dapat berjumpa dengan pengkaji lain yang sealaran dan dalam bidang yang sama untuk berbincang kemajuan dalam bidang. Kekurangannya ialah pengkaji perlu mempunyai kemahiran tertentu (contohnya, pemilihan warna dan teks) untuk menghasilkan poster yang berkesan. Selain itu, persembahan poster merupakan cara yang kurang penting berbanding dengan cara lain seperti penerbitan artikel dalam jurnal atau pembentangan kertas dalam seminar.

**Jadual 5.1: Kelebihan dan kekurangan beberapa cara penyebaran**

Cara	Kelebihan	Kekurangan
Persembahan poster	Kurang rasa tekanan semasa membentangkan	Perlukan kemahiran tertentu untuk membuat poster
	Ada peluang untuk berjumpa dengan pengkaji lain yang sealiran	Dipandang sebagai cara yang kurang penting dan kurang dapat menaikkan profail pengkaji
Pembentangan kertas dalam seminar	Dianggap sebagai cara yang lebih penting dan berimpak berbanding persembahan poster	Memerlukan kemahiran seminar dan pembentangan
	Meningkatkan profail pengkaji	Soalan yang ditanya mungkin tidak dapat dijawab secara spontan
	Terdapat interaksi bersemuka	Masa terhad untuk perbincangan
Artikel dalam jurnal	Penyebaran adalah meluas	Memerlukan kemahiran bahasa dan komunikasi yang baik
	Tidak perlu menjawab soalan secara spontan	Tiada perbincangan secara langsung dengan audien seperti dalam seminar
	Meningkatkan profail pengkaji khususnya jika dimuatkan dalam jurnal ISI	Bilangan perkataan terhad; oleh itu persembahan dapatan tidak boleh terperinci

Cara	Kelebihan	Kekurangan
Laporan	Tiada had bilangan perkataan; perbincangan boleh terperinci	Penyebaran kurang meluas berbanding dengan artikel dalam jurnal
	Dapat menuju kepada sasaran audiens yang tepat sebab setiap orang yang berkepentingan akan dapat satu salinan laporan	Kos mencetak mungkin tinggi
Rangkaian Penyelidikan	Meningkatkan mutu penyelidikan melalui kritikan membina pengkaji lain	Kemungkinan terdapat kritikan membina
	Merupakan forum untuk membincangkan dapatan kajian	Memerlukan kemahiran berkomunikasi khususnya dari segi bahasa bertulis kerana tiada interaksi bersemuka secara langsung
	Mudah untuk menyebar	Perlukan pengetahuan teknologi maklumat

(Sumber: Diubahsuai daripada Silcock, n.d.; Woodfield, n.d.)



Layari internet dan cari cara-cara bagaimana dapatan penyelidikan dapat disebarkan melaluinya.

### 5.5 Apakah Kriteria Yang Perlu Dipertimbangkan Semasa Memilih Cara Penyebaran?

Anda perlu mempertimbangkan beberapa perkara sebelum memilih cara penyebaran dapatan anda. Contohnya sebelum memilih jurnal untuk penyebaran, anda mungkin perlu melihat tajuk-tajuk yang dimuatkan dalam jurnal yang dipilih; anda juga perlu melihat sama ada jurnal tersebut pernah menerbitkan artikel yang berkaitan dan apakah rujukan-rujukan dalam artikel anda. Anda juga mungkin perlu mempertimbangkan siapakah audien jurnal yang berkenaan dan adakah jurnal yang berkenaan mempunyai pengiktirafan (Silcock, n.d.).

### 5.6 Apakah Perkara Yang Perlu Dipertimbangkan Bila Menganjurkan Sesuatu Seminar?

Penganjuran sesuatu seminar memang memerlukan banyak tenaga dan masa. Antara perkara yang perlu dipertimbangkan adalah:

1. Pembentukan jawatan kuasa
2. Pemilihan tema
3. Penentuan masa, tarikh dan tempat
4. Penetapan panduan untuk memilih kertas penyelidikan yang sesuai
5. Siaraya (surat, iklan dan sebagainya untuk memaklumkan para pengkaji)
6. Jemputan penceramah kertas utama
7. Bayaran pembentangan
8. Bilangan sesi; adakah melibatkan sesi selari?
9. Pencetakan prosiding (*softcopy* dan *hardcopy*)
10. Hal-hal kewangan



Bincangkan bersama kawan anda ahli-ahli jawatan kuasa yang diperlukan (contohnya, pengerusi sesi, penjaga masa) untuk menganjurkan seminar serta senaraikan tugas setiap ahli



## Mari Menguji Kefahaman Anda

Jawab soalan-soalan berikut dan bincangkan jawapan dengan rakan-rakan atau tutor anda.

1. Beri dua sebab mengapa seseorang penyelidik harus menyebarkan dapatan penyelidikannya.
2. Huraikan empat cara penyebaran dapatan penyelidikan.
3. Huraikan satu kelebihan dan satu kekurangan bagi persembahan poster.



## Senarai Rujukan Dan Bahan Bacaan

### Senarai Rujukan

*Design of scientific posters.* (n.d.). Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.writing.engr.psu.edu/posters.html>

Silcock, J. (n.d.). *Disseminating research: Choosing how & where to publish.* Diperoleh November 25, 2011 dari [www.rdinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt](http://www.rdinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt)

*The natural sciences undergraduate research conference: Guidelines for poster preparation.* (n.d.) Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.pitt.edu/~etbell/nsurg/PosterGuide.html>

Woodfield, J. (n.d.). *Spreading the word: Disseminating research findings.* Diperoleh November 25, 2011 dari [http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2\\_Selected\\_Readings/spreading\\_the\\_word.pdf](http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2_Selected_Readings/spreading_the_word.pdf)



## Bibliografi

Abdul Rahman Bin Idris. (2011). *Keberkesanan kaedah permainan puzzle bergambar dalam meningkatkan pemahaman murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Akhlar Pardi dan Shamsina (2011). *Pengantar penyelidikan tindakan dalam penyelidikan tindakan*. Selangor: Penerbitan Multimedia sdn.Bhd.

Akmal Hazimin Bin Nazeri. (2011). *Keberkesanan penggunaan kaedah bahan maujud dalam menarik minat murid tahun 5 terhadap mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

American Psychological Association. (2009). *Publication manual of the American Psychological Association* (6<sup>th</sup>. ed.) Washington, DC: American Psychological Association.

Ansary Ahmed, Mansor Fadzil, & Abd. Razak Habib. (2006). *HBEF 2503 Kaedah kajian dalam pendidikan*. Malaysia: Open University (Universiti Terbuka).

Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C. & Razavieh. (2010). *Introduction to research in education* (8<sup>th</sup> ed.). Canada: Wadsworth

Babbie, E. (1989). *The practice of social research* (5<sup>th</sup> ed.). Belmont CA: Wadsworth



- Boon, P. Y. & Aeria, L. A. (2007). *Guide to referencing procedures*. Kuala Lumpur: Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa
- Chow, F. M. & Jaizah Mahamud. (2011). *Kajian tindakan: Konsep & amalan dalam pengajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan: Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia).
- Creswell, J.W. (2002). *Educational research – Planning, conducting, and evaluating. Quantitative and qualitative research*. New Jersey: Merrill Prentice Hall.
- Design of scientific posters*. (n.d.). Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.writing.engr.psu.edu/posters.html>
- Exploratory research*. (2011). Diperoleh November 23, 2011, daripada [http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory\\_research](http://en.wikipedia.org/wiki/Exploratory_research)
- Gay, L. R., Airasian, P. W., Airasian, P. & Mills, G. E (2008). *Educational research: Competencies for analysis and application*. USA: Prentice Hall.
- Jackson, W. (2002). *Methods: Doing social research* (ed. ke-3). Toronto: Prentice Hall
- Kotler, P. & Armstrong, G. (2005). *Principles of marketing*. Addison Wesley Longman
- Lim C.H. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Kuala Lumpur: McGraw Hills

- Linn, R. I. & Gronlund, N. E. (2000). *Measurement and assessment in teaching* (ed. ke-8). New Jersey: Prentice-Hall
- Maznah Abd. Samad, Boon Pong Ying, Rafidah Ruhani, Lee Hah, Chuah Kim Hwa & Noriati Ab. Rashid. (2006). *Kursus diploma perguruan Malaysia. Ilmu pendidikan modul 3/3, unit 2/2 – Refleksi pasca praktikum dan penyelidikan tindakan*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia
- Mohd Farhan Bin Abd Hamid. (2010). *Penggunaan teknik lakonan dalam meningkatkan daya ingatan murid tahun 5 bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Fazril bin Mohd Foizi. (2011). *Keberkesanan penggunaan teknik sebab dan akibat dalam meningkatkan kebolehan murid menghuraikan jawapan bagi tajuk kepentingan rumah*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohd Zawawi Bin Zulkifli. (2011). *Penggunaan lagu dalam meningkatkan minat murid tahun 5 bagi tajuk pengasasan Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Muhammad Firdaus B. Omar. (2011). *Penggunaan kaedah lakonan dalam meningkatkan minat murid bagi topik kesultanan Melayu Melaka*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Nurkhifzan bin Isnin. (2011). *Keberkesanan kaedah melukis dalam meningkatkan tumpuan murid bagi mata pelajaran Kajian Tempatan*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Muhammad Uzair Bin Mohamad. (2011). *Keberkesanan tayangan video dalam membantu murid membuat hubungkaitan bagi tajuk implikasi kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar*. Laporan kajian ijazah sarjana muda tidak diterbitkan, Institut Pendidikan Guru, Kampus Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur, Malaysia.

Norsiah Fauzan. (2009). *Introduction to qualitative research methods*. Selangor: Arah Publications.

Resnick, D. B. (2011). *What is ethics in research & why is it important?* Diperoleh November, 23, 2011 daripada <http://www.niehs.nih.gov/research/resources/bioethics/whatis/>

Rosinah Edinin. (2011). *Penyelidikan tindakan : Kaedah dan penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons.

Saat Md Yasin. (2006). *Kaedah kajian dalam kaedah kajian dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia

Silcock, J. (n.d.). *Disseminating research: Choosing how & where to publish*. Diperoleh November 25, 2011 dari [www.rdinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt](http://www.rdinfo.org.uk/flowchart/Presentation.ppt)

*The natural sciences undergraduate research conference: Guidelines for poster preparation*. (n.d.) Diperoleh November 24, 2011 dari <http://www.pitt.edu/~etbell/nsurg/PosterGuide.html>

University of Texas. (2011). *Educational research process*. Diperoleh November 23, 2011 daripada <http://www.utexas.edu/academic/ctl/assessment/iar/research/plan/process.php>

Wiersma, W. & Jurs, S. G. (2008). *Research methods in education: An introduction*. USA: Allyn & Bacon.

Woodfield, J. (n.d.). *Spreading the word: Disseminating research findings*. Diperoleh November 25, 2011 dari [http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2\\_Selected\\_Readings/spreading\\_the\\_word.pdf](http://www2.eastwestcenter.org/research/popcomm/pdf/2_Selected_Readings/spreading_the_word.pdf)

**PANEL PENULIS MODUL & PEMURNI  
PROGRAM PENSISWAZAHAN GURU SEKOLAH RENDAH  
(BMM PENDIDIKAN RENDAH)**

NAMA	KELAYAKAN
<p>Lawrence Aloysius Aeria Pensyarah Kanan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Antarabangsa Kuala Lumpur</p> <p>laaeria@gmail.com</p>	<p>B. Sc. (Hons) (UM), M. Ed. (UM), PhD. (UPM) Dip. Ed. (UM),</p> <p>Pensyarah Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Penyelidikan 10 tahun; Mengajar penyelidikan dan penyelidikan tindakan untuk KPKI dan LPS 15 tahun; Penyelaras Kursus Penyelidikan Tindakan I &amp; II; Pensyarah IPG 24 tahun</p>
<p>Sharifah Kamaliah binti Syed Sofian Pensyarah Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik Kuala Lumpur</p> <p>shakama@tm.net.my</p>	<p>Bac. Business Admin. (Hons) (IIUM), M. Sc. (UPM), PhD. (UPM), Dip. Ed. (IPG Kampus Persekutuan Pulau Pinang)</p> <p>Pensyarah Jabatan Reka Bentuk dan Teknologi 2 tahun; Pensyarah Jabatan Pengajian Perdagangan 15 tahun; Penyelaras Kursus Penyelidikan Tindakan I &amp; II (Program RBT); Mengajar penyelidikan dalam pendidikan bagi program KDPK; Pensyarah IPG 18 tahun</p>
<p>Wan Noor Adzmin binti Mohd. Sabri Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik Kuala Lumpur</p> <p>zas2003@streamyx.com</p>	<p>B. Sc. (Hons) (USM), M. Ed. (UM), Dip. Ed. (IPG Kampus Sultan Abdul Halim)</p> <p>Pensyarah Jabatan Matematik 3 tahun Penyelaras Kursus Penyelidikan Tindakan I &amp; II (Matematik) PGSR</p>

**LAMPIRAN A**

**IKON**



**Rehat**



**Perbincangan**



**Bahan Bacaan**



**Buku Rujukan**



**Latihan**



**Membuat Nota**



**Senarai Semakan**



**Layari Internet**



**Panduan Pengguna**



**Mengumpul Maklumat**



**Tutorial**



**Memikir**



**Tamat**